

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

## PARLIMEN KESEBELAS

### PENGGAL PERTAMA MESYUARAT KEDUA

---

Bil. 23

Selasa

13 Julai 2004

---

### K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Kumpulan Wang  
Pinjaman Perumahan (Pindaan) 2004 (Halaman 24)  
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004 (Halaman 40)

**USUL:**

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (No.2) 2003 (Halaman 50)  
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 16(3) (Halaman 123)

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:**

Operasi Membanteras Kegiatan Samun-Ragut  
- Y. B. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] (Halaman 123)

Pembinaan Semula Kompleks Perhentian Bas Yang Terbakar  
Di Pangkalan Sultan Abdul Halim, Butterworth  
- Y. B. Tuan Lim Hock Seng [Bagan]

(Halaman 128)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**Selasa, 13 Julai 2004**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)  
**mempengerusikan Mesyuarat**]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan bilakah akan dilaksanakan temu duga di dalam memilih pelajar-pelajar yang memasuki kursus perubatan di dalam memastikan pelajar yang terpilih mempunyai sikap yang sesuai untuk menjadi doktor yang berwibawa.

**Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:**

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengajian Tinggi bercadang untuk melaksanakan sistem temu bual berserta dengan kaedah lawatan di hospital dan mengambil ujian, dengan izin, *Medical School Admission Test (MSAT)* untuk memastikan pelajar-pelajar yang bakal terpilih benar-benar berminat dan mempunyai sikap yang sesuai untuk mengikuti kursus perubatan.

Kementerian masih lagi mengkaji tentang cadangan berkenaan, memandangkan pelaksanaan sistem yang berkenaan melibatkan komitmen dari banyak pihak, seperti Kementerian Kesihatan, *Malaysian Medical Council (MMC)*, hospital dan IPTA terbabit.

Pelbagai perkara seperti implikasi kos, logistik dan prosedur pelaksanaan perlu diteliti secara lebih mendalam sebelum sistem ini diwajibkan pelaksanaannya. Terima kasih.

**Dr. Rahman bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya ingin tahu adakah masih ada peluang bagi mereka yang gagal dalam temu bual ini untuk meneruskan minat mereka dalam bidang perubatan dan apakah rancangan kementerian untuk membesarlagi IPTA untuk mengisi lagi lebih banyak

pelajar-pelajar perubatan ataupun lebih banyak pelajar-pelajar yang cemerlang untuk mengikuti kursus perubatan.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang saya katakan tadi, dalam temu bual yang berkenaan tidak ada lulus dan tidak ada *fail*. Ini untuk menimbulkan kesedaran bagi mereka sendiri, selepas mereka melawat wad-wad, bertanya dengan *medical officer* yang bertugas, bertanya dengan *senior* mereka, *houseman* yang bertugas, yang tidak tidur malam sampai tiga hari tiga malam, dan pergi ke wad-wad yang berkenaan dan melihat pesakit-pesakit, lepas itu, kita temu bual mereka.

Jadi, bukan maknanya temu bual itu akan menunjukkan bahawa mereka lulus ataupun tidak. Cuma kita hendak bertanya daripada isi hati mereka, sama ada mereka ada ataupun tidak berkeupayaan *mental make up* untuk meneruskan keinginan mereka.

Kadangkala keinginan mereka itu bukan datang daripada keinginan diri sendiri, kadang-kadang ada *pressure* daripada orang lain. Umpamanya, semasa saya pergi ke Universiti Malaya berjumpa dengan *student-student* yang baru, ada lima orang *student* dan menulis surat kepada saya, mereka dapat *four flat*, mereka hendak minta *medical faculty* di Universiti Malaya, tetapi oleh kerana kekurangan tempat, mereka telah pun diberi atas pilihan mereka yang kedua, iaitu pergigian dan mereka mengatakan mereka hendakkan pergigian dan tidak mahu masuk dalam senarai 128, kata mereka. Ini pandai-pandai sahaja dia kata, NGO memasukkan nama mereka untuk mendapatkan *medical*.

Ini suratnya ada pada saya dan saya telah pun bentangkan ke Kabinet, mengatakan selain daripada itu, ada juga yang mengatakan seorang doktor hendakkan anak dia menjadi doktor. Tetapi selepas setahun, anak dia bercakap kepada pensyarah dia, tolong beritahu kepada bapa saya, seorang doktor, saya tidak minat dalam kedoktoran ini, saya berminat dalam *accountancy*. Tetapi apabila sudah dipujuk oleh rakan-rakan mereka, maka bapa ini seorang doktor melepaskan anak mereka untuk buat *accountancy* di luar negara. Dan dia balik dengan *flying colours*, dengan cemerlang.

Jadi, di sinilah kita hendak melihat temu bual itu diadakan supaya dapat mencungkil isi hati mereka sama ada mereka bersesuaian atau tidak dengan apa yang mereka hendak lakukan.

Yang keduanya, mengenai seramai 128 orang pada tahun ini, kemungkinan besok tahun hadapan 1,280 orang. Jadi, oleh kerana itu kerajaan bercadang, Kementerian Pengajian Tinggi akan membuat satu kertas kerja kepada Kabinet, bercadang bahawa kita akan memberikan peruntukan untuk pembangunan dan peralatan. Sekarang ini saya melihat macam USM, saya tengok ada kerusi tidak ada meja, saya tanya, buat apa ini? Dia kata peruntukan tahun hadapan, rupanya taruh dalam peruntukan pengurusan, bukan peruntukan pembangunan dan kita hendakkan kalau boleh nanti, kita mintalah satu peruntukan khas untuk membesarkan fakulti-fakulti ini.

Dan yang keduanya, mengkaji sistem kenaikan pangkat di Fakulti Perubatan. Saya telah didatangi oleh seorang profesor yang mengatakan dahulu semasa dia hendak masuk ke Fakulti Perubatan, dia kena ada temu bual. Temu bual itu diadakan oleh mahaguru dia daripada Universiti Malaya.

Selepas dia masuk hendak naik jadi *Associate Professor*, dia diinterview ditemduga oleh rakan dia, tidak mengapalah dia kata. Tetapi apabila dia naik jadi Profesor, yang menemuduga dia ialah anak murid dia daripada Kementerian Kesihatan. *[Ketawa]*

Jadi, bayangkan keadaan seperti ini. Jadi, oleh kerana itu, saya hendak mengkaji sistem kenaikan pangkat di Fakulti Perubatan di IPTA ini.

Yang ketiganya, untuk mengkaji gaji dan elaun untuk menarik dan mengekalkan tenaga akademik perubatan. Kalau saya sudah memberitahu kepada fakulti-fakulti perubatan di IPTA semua, saya menatang tuan-tuan, profesor-profesor, doktor-doktor ini, semacam minyak yang penuh. Harap kita dapatlah mempunyai perasaan untuk membantu anak bangsa kita dan negara kita. Jadi, janganlah berpindah ke tempat yang lain ya. Jadi, kita akan mengkaji tentang elaun dan sebagainya.

Yang keempat, merekrut dan melantik pensyarah secara kontrak, ini kalau tidak ada jalan lain, kita akan melantik seorang pensyarah daripada Negara-negara Komanwel, secara kontrak.

Semasa saya pergi ke USM, penuntut-penuntut sedang belajar untuk menjahit, bukan menjahit baju tetapi menjahit luka dan sebagainya dan saya tengok *tissue* yang dibuat itu sungguh cantik walaupun di bawahnya ada *foam*, maka saya tanya profesor ini yang jadi *supervisor*: “Di mana beli ini?” *Lecturer* ini daripada Ghana. Dia kata dia

bukan beli dia buat sendiri, kerana dia juga seorang *material engineer*, jadi dia boleh buat, di sinilah kita tengokkan di Negara-negara Komanwel yang lain, dia ada *double major*, satu dia ada doktor dan satu lagi dia ada *engineer*.

Ini juga kalau boleh kepada anak-anak kita yang mengambil *social science*, kita hendakkan mereka mengambil *double major* untuk supaya mereka lebih *multi skill* lagi.

Yang seterusnya meningkatkan kesedaran awam tentang pelbagai pilihan kerjaya dalam bidang perubatan, dan kesihatan.

Sekarang ini saya telah menyeru kalau boleh Persatuan Kaunselor Malaysia (PERKAMA) dan kalau tidak nanti, kita akan tubuhkan balik *Malaysian Vocational Guidance Association (MAVOGA)* supaya dapat kita memberitahu selain daripada doktor, selain daripada farmasi, selain daripada pergigian ini, banyak lagi jawatan-jawatan, profesion-profesion yang berkait dengan perubatan, yang banyak sekarang *biomedical* dan macam-macam bio lagi saya telah diberitahu oleh profesor-profesor yang kita hendakkan banyak lagi guna tenaga selain daripada yang konservatif, iaitu menjadi doktor sahaja.

Dan akhir sekali meningkatkan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan dan juga JPA untuk mendapatkan kata sepakat dalam penyelesaian jangka panjang.

Jadi, yang saya sebutkan tadi jangka pendek, tetapi kita hendak juga jangka panjang. Sekian, terima kasih.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Saya rasa cadangan temu duga dengan MSAT itu adalah satu cadangan yang perlu dihalusi. Kita perlu menyedar bahawa hakikat keputusan SPM diumumkan pada penghujung Februari, Matrikulasi pula pada penghujung Mac, kemudian kebetulan pada masa itu juga, ujian akhir bagi universiti-universiti tempatan di mana pensyarah-pensyarah perubatan perlu memeriksa kertas.

Jadi, pengambilan pada bulan Mei sekiranya dalam setahun itu kita ada 4,000 orang bagaimana kita hendak melaksanakan temu duga dan memastikan semua panel temu duga itu membuat sesuatu keputusan yang adil dan saksama. Itu adalah satu persoalan yang memang rumit, dan kalau kita bahagikan kepada bahagian-bahagian, bagaimana kita hendak memastikan kumpulan pensyarah ini membuat keputusan yang baik berbanding dengan itu, kerana bukan semua yang menemuduga 4,000 calon-calon tersebut.

Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, kerana apa yang telah dihuraikan oleh Yang Berhormat itu macam membawa mereka ke orientasi Fakulti Perubatan untuk mendedahkan kepada keadaan itu, tetapi bagaimana hendak membuat keputusan dan justifikasinya. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih tentang perkara itu. Mungkin agaknya 1,280 mungkin agaknya 4,000 yang meminta *medical*, ini yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Air Hitam. Terima kasih tentang soalan itu ya.

Jadi, kalau hendak diulang balik, sebelum ini, sebelum meritokrasi, kita memang sudah ada temu bual ini, bukan temu duga ya, temu bual. Saya katakan temu bual ini tadi, bukannya maknanya dia boleh masuk dan dia tidak boleh masuk, kita hendak menanya diri dia sendiri, sama ada dia hendak atau tidak hendak, itu sahaja ya.

Jadi, kena beza di antara temu duga dengan temu bual. Dan kita hendakkan kalau boleh dari segi kaunselingnya, kita ada di Kementerian Sumber Manusia semasa saya di sana dahulu, ada satu buku yang dinamakan *Occupational Dictionary*, maknanya seseorang itu apabila hendak menjawat sesuatu profesi, dia akan melihat dari segi konsep kendiri dia, kenali diri dia dan juga apa juga *lifestyle* sesuatu profesi itu.

Kalau misalnya konsep kendiri dia bagus dan secocok dengan profesi yang akan diambilnya, maka dia seronok bekerja dan kerja itu akan menjadi *hobby*. Kalau tidak, dia akan menyeksa diri dia sendiri kerana jiwa dia tidak sesuai dengan profesi yang dipilihnya. Jadi, oleh itu, temu duga tidak ada, kita adakan temu bual untuk menanya sahaja kepada peserta sama ada dia hendak masuk atau tidak. Ini dikatakan *self-select*, dia akan menanya kepada diri dia.

Kita berharap, itu yang saya katakan tadi, kita hendakkan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan supaya semua doktor, pakar-pakar yang akan kita gerakkan ke arah ini dan perkara ini bukannya baru, di negara-negara luar, di negara-negara lain, perkara ini sedang dijalankan. Terima kasih.

2. **Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng)** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan berhajat untuk menghidupkan semula Majlis Penasihat Perpaduan Negara bagi membincangkan isu-isu berkaitan masalah perpaduan. Jika tidak, mengapa?

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dengan pembubaran Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat pada 27 Mac 2004, Jabatan Perpaduan Negara telah diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan diubah nama kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Memandangkan kali terakhir pelantikan dibuat pada tahun 2000 dan 2002, maka jabatan sedang dalam proses mengaktifkan dan melantik semula ahli panel bagi sesi 2004 hingga ke 2006, di mana keanggotaannya diperluaskan dan kali ini merangkumi beberapa Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri, golongan intelek, ahli politik, bekas pegawai kerajaan, pertubuhan sukarela, golongan pelajar, belia dan wanita.

Cadangan ahli-ahli panel yang baru telah dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan jabatan dalam proses membuat pelantikan. Mesyuarat pertama bagi sesi ini dijangka berlangsung dalam bulan September tahun ini yang akan dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak mengapa, *you* tidak mahu tanya, saya tanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, hujung sana.

**Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Bagilah peluang kepada yang lain pulalah Jerai. *[Ketawa]. Asyik hendak Jerai sahaja ini. [Dewan gamat seketika]* Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya juga tertarik dengan perkara ini, di mana penggubalannya telah dibuat dan saya ingin tahu, bilamana dibuat, adakah melibatkan negeri Kelantan? Kerana, pada dulunya negeri Kelantan satu-satunya yang tidak dilantik, manakala kalau dilantik pun hanya sebagai menyertai, tidak mempunyai *full power* sebagaimana negeri-negeri lain di Semenanjung ataupun di Malaysia ini. Terima kasih.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi makluman Yang Berhormat bagi Kuala Krai, semenjak panel ini dimulakan, antara ahli tetap bagi jawatankuasa ini mewakili negeri masing-masing ialah Setiausaha Kerajaan Negeri setiap negeri dan wilayah di dalam Persekutuan.

Pada kali ini, ini akan terus dikekalkan di mana ahli ataupun Setiausaha Kerajaan Negeri akan mewakili negeri tersebut. Daripada lantikan-lantikan, saya masih ingat bahawa ada seorang yang dilantik di dalam dasar peribadi ataupun *personal capacity*, dengan izin berasal dari Kelantan. Jadi ini, telah pun diambil kira.

Dari segi penghalusannya, nanti pihak Jabatan Perdana Menteri akan meninjau perkara, di mana memandangkan negeri Kelantan dipimpin oleh pembangkang, maka dalam konteks ini, pihak kita akan mencari jalan menghalusi supaya dari hal perpaduan, semua perkara akan diambil kira dan pihak negeri Kelantan akan mengambil peranan yang sama penting dengan negeri-negeri lain. Terima kasih.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semasa berlakunya tragedi Kampung Medan, Menteri di waktu itu iaitu Dato' Dr. Siti Zaharah Sulaiman telah mengeluarkan satu kenyataan bahawa terdapat 10 kawasan panas di dalam negara kita ini. Adakah pada tahap hari ini, kementerian ini berpuas hati dengan tahap perpaduan kaum yang ada di dalam negara kita? Kalau tidak, apakah langkah-langkah yang kementerian akan lakukan untuk memastikan bahawa tragedi-tragedi hitam ini tidak akan berulang lagi dalam negara kita ini. Minta penjelasan.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, pada umumnya tahap perpaduan dan integrasi nasional di kalangan masyarakat kita di Malaysia, adalah baik walaupun terdapat isu-isu yang perlu diberi perhatian dari segi memastikan isu-isu tersebut tidak menggugat ataupun tidak menjadi benih perpecahan. Kita inginkan supaya keadaan yang kita nikmati sekarang ini dari sebuah negara yang bersatu padu, akan terus kekal dan bahkan keadaan tersebut kita ingin matangkan. Kekuatan hubungan kaum yang berpaksi kepada toleransi dan persefahaman yang tinggi akan terus dipertahankan demi menjaga keadaan keamanan dan suasana kemajuan yang ada di negara kita.

Dari segi tempat-tempat yang disentuh pada waktu itu, pihak jabatan dan kementerian, sekarang di Jabatan Perdana Menteri akan terus memantau kawasan-

kawasan tersebut dan apabila nanti Panel Penasihat Perpaduan ini bermesyuarat terutamanya pada bulan September, ahli-ahli panel ini akan diagihkan kepada lima jawatankuasa. Satu daripada jawatankuasa ini akan dikhkususkan untuk memantau kawasan-kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan yang perlu diberi perhatian untuk menambahkan lagi keberkesanan Program Integrasi dan Perpaduan yang sedang dijalankan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

**Tuan R. Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ketiga. Apa yang saya rujuk adalah Laporan SUHAKAM tahun 2003, bukan tahun 2004.

3. **Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]** minta Perdana Menteri menyatakan untuk memberi alasan-alasan kenapa Kabinet memutuskan pada bulan Mei tahun ini supaya tidak mengutarakan dan mendebatkan Laporan SUHAKAM 2004.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) tahun 2003 telah dibentangkan pada Mesyuarat Kedua, Penggal Pertama, Parlimen Kesebelas di Dewan Rakyat yang lalu iaitu pada 31 Mei 2004. Laporan tersebut dibawa ke dalam mesyuarat Dewan ini sebagai risalat mengikut Peraturan 20(1)– Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Daripada segi hubungan berkenaan dengan akta ini dengan Parlimen, hanya disebut di bawah Seksyen 21(1) Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 iaitu Suruhanjaya hendaklah tidak terkemudian daripada Mesyuarat Pertama Parlimen bagi tahun yang berikutnya, mengemukakan suatu laporan tahunan kepada Parlimen mengenai segala aktivitinya di sepanjang tahun yang dimaksudkan oleh laporan itu.

Jadi, itu sahaja. Maka, terpulanglah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk meneliti dan membahaskan laporan tersebut di Dewan ini pada masa yang sesuai mengikut kaedah-kaedah yang telah ditentukan.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada soalan ini, menunjukkan bahawa yang bertanya, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor mengimbaskan bahawa kerajaan perlu membuat satu agenda untuk perbahasan. Adakah ini sebagai laporan biasa? Soalan

saya adalah laporan biasa, bahawa setiap agensi, badan kerajaan atau setiap badan kerajaan di luar perlu membuat laporan di Parlimen, menjadi satu agenda perbahasan Parlimen ataupun kita boleh membahaskan sebagai agenda peribadi wakil rakyat untuk membahaskan persoalan-persoalan yang dibangkitkan dalam satu-satu laporan yang dikehendaki oleh undang-undang di Dewan ini.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Kita hanya akan membuat sesuatu mengikut apa yang telah diarahkan oleh akta. Namun, kita hendak mengalukan untuk membincangkan apa sekalipun hal mengikut kaedah-kaedah yang telah pun ditentukan oleh Dewan Rakyat, melainkan, kalau kita merasakan ada kesegeraan dan keperluan untuk dibahaskan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa SUHAKAM bukanlah semacam agensi atau jabatan kerajaan, oleh kerana ia ditubuh khas oleh Parlimen dengan tujuan untuk memupuk dan untuk memajukan hak-hak asasi. Bukankah pendirian Yang Berhormat Menteri bahawa tidak perlu ada satu perbahasan membayangkan satu sikap bahawa kerajaan tidak menghargai atau tidak memberi tempat yang sewajarnya kepada masalah hak-hak asasi, khasnya apabila ada satu usul yang dikemukakan dalam perkara ini oleh saya dua kali, di dalam Dewan yang mulia ini. Kenapa kerajaan tidak rela, bukan sahaja menghormati peruntukan tetapi semangat Akta SUHAKAM supaya Parlimen menjadi satu contoh di mana masalah hak-hak asasi diberi keutamaan di negara ini. Adakah kerajaan akan menimbang semula supaya satu perbahasan diadakan?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya ingat logik yang digunakan oleh Ketua Pembangkang itu *perverse logic* ya. Sebab, kalau kita hendak menganggapkan iaitu bahawa, kalau sekiranya kerajaan tidak membahaskan laporan yang disediakan oleh agensi-agensi kerajaan itu sebagai tidak menghormati ataupun memberikan tempat yang baik kepada agensi itu, bermakna kerajaan terpaksa bahas beratus-ratus laporan ini kerana agensi ini banyak, kerana itu anggapan dia. Agensi ini bukan satu sahaja, banyak. Jadi, sebab itu tidak berbangkit soal.....

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jadi, ini tidak betul, berlainan apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ini tidak betul, ini tidak betul, *perverse logic*, ini tidak betul!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik. Yang Berhormat...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *Point of Order.*

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bangun] [Menyampuk]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Ya. Dia sendiri cakap, dia sendiri cakap, dia tidak betul. Dia yang kata bahawa, kalau benda itu penting, perlu dibahaskan. Jadi, kalau kita tidak bahas bermakna tidak penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia penipu besar maknanya. Saya menjawab berdasarkan pada hujah dia. Jangan tipu dalam Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jangan tipu dalam Dewan. Sebab mengikut hujah dia, iaitu kalau penting bahas. Jadi, kalau tidak penting tidak bahaslah. Bermakna, kita ada banyak laporan di sini, bukan satu, dua agensi di sini beratus ada. Sebab itu *perverse logic* yang dibawa oleh Ketua Pembangkang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, baiklah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya hendak beritahu iaitu bahawa, kita buat apa sahaja di dalam Dewan ini, adalah mengikut peraturan yang telah disediakan oleh Dewan Rakyat.

**Tuan Lim Kit Siang:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Ipoh Timur, duduk, duduk. *[Dewan gamat seketika]*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Oleh kerana itu, di dalam akta ini tidak langsung menyebut bahawa kita perlu membahas, soalnya, menggunakan budi bicara kita mahu bahas ataupun tidak dan pada pandangan kita, cukup untuk kita membentang laporan di dalam Dewan Rakyat ini. Terima kasih.

4. **Tuan Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan langkah-langkah mantap untuk menggalakkan lagi ‘*Government-Linked Companies*’ (GLCs) untuk membuat pelaburan di luar negara dengan lebih serius.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato’ Mah Siew Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, kerajaan tidak bercadang mengambil pendekatan khusus untuk menggalakkan Syarikat-syarikat Milik Kerajaan (GLC) melabur di luar negara. Tumpuan kerajaan ialah menggalakkan syarikat-syarikat milik kerajaan supaya melabur di dalam negara.

Syarikat-syarikat Milik Kerajaan mempunyai aset dan tabungan yang banyak dan berpotensi membantu meningkatkan pelaburan tempatan serta mempercepatkan proses pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan telah mengumumkan penubuhan pasukan petugas untuk mengenal pasti bidang pelaburan yang berpotensi untuk diceburi oleh syarikat-syarikat milik kerajaan termasuk mengkomersialkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dijalankan oleh pelbagai pihak.

Walau bagaimanapun, Syarikat-syarikat Milik Kerajaan (GLC) adalah bebas untuk membuat keputusan melabur di luar negara termasuk menentukan rakan kongsi yang bersesuaian, sama ada syarikat di Malaysia maupun di luar negara. Namun begitu, syarikat perlu mengkaji dan menilai bidang pelaburan yang ingin diceburi supaya ianya berdaya maju dan selaras dengan kepentingan perniagaan syarikat dan pulangan atau faedah kepada negara.

**Tuan Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau sekiranya tidak menggalakkan pelaburan di luar negara, di manakah erti dan maksud *to be a global player* untuk menjadi pemain di peringkat antarabangsa di dalam dunia perdagangan ini ataupun disebut juga sebagai *niche player*, berdaya saing bukan hanya di peringkat kampung sahaja tetapi di peringkat antarabangsa dan global.

Saya kira, kementerian yang kita wujudkan sekarang ini adalah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang sewajarnya peluang-peluang dan galakan itu harus diberi. Persoalan saya sekarang ini, mungkinkah ada masalah-masalah dari segi pengurusan? Masalah-masalah dari segi dalaman yang tidak disebut tadi, yang tidak membolehkan kita bertanding dan bersaing di peringkat global sebagai *a global player*. Terima kasih.

**Dato' Mah Siew Keong:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya tegaskan tadi kerajaan tidak mengehadkan GLC untuk melabur di luar negara walaupun *priority* kita adalah untuk menggalakkan pelaburan di dalam negara dan kerajaan juga telah menyediakan seperti pengeluaran cukai dan elaun tahunan untuk menolong syarikat-syarikat GLC melabur di luar negara. Kita maklum kerana ada yang menyoal mengapa GLC dan syarikat tempatan melabur di luar negara. Ada banyak sebab kerana dalam zaman globalisasi ini ada beberapa faktor yang menggalakkan mereka melabur seperti pasaran baru untuk produk tempatan kita dan juga untuk industri yang menggunakan banyak tenaga murah, kita juga menggalakkan GLC melabur di luar negara.

Di tempat yang ada sedikit industri yang memerlukan bekalan bahan mentah dan teknologi, perkhidmatan yang diperlukan adalah di luar negara— kita juga membenarkan. Jadi, seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat, kita tidak menyekat tetapi *priority*nya adalah supaya melabur di negara kita sendiri. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengenai GLC ini saham dipegang oleh Kementerian Kewangan *di control* oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa. Jadi yang mana satu kuasanya?

Yang ini satu pun kita naik bercelaru dan keliru. Satu ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak hurai yang itu dahulu kemudian saya hendak bertanya. GLC ini milik kerajaan sepenuhnya dan diuruskan untuk menjayakan program dan projek gergasi kerajaan tetapi setakat hari ini saya hendak bertanya berapa ramai pengusaha-pengusaha dan peniaga-peniaga dalam negara kita (tempatan) yang mendapat nikmat daripada konsep payung yang sepatutnya diwujudkan oleh GLC ini? kerana kita tidak dapat lihat – sedikit sangat. Kalau ada pun GLC menubuhkan pula anak syarikat GLC, cucu syarikat GLC dan yang cicit baru bagi kepada hak yang dok pergi santau dagu dekat CEO atau bukan CEO itu.

Jadi, apakah pihak kementerian di samping hendak pergi keluar negara - saya bersetuju kita hendak pergi keluar negara seperti Yang Berhormat kita tadi katakan *global – must go global [Ketawa] so that we can get return from investment. [Dewan riu]* dengan izin. Jadi GLC kena jadi *front liner*. Dia pergi keluar negara *backup* dengan syarikat-syarikat tempatan di negara kita barulah pelabur-pelabur ataupun

pengusaha-pengusaha di negara lain mempunyai *confident* kepada kita kerana *front* kita adalah syarikat milik kerajaan dan di belakang syarikat ini adalah syarikat-syarikat tempatan yang mengharapkan keuntungan daripada perniagaan.

Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju supaya memastikan walaupun kementerian Yang Berhormat tidak menjadi pemegang saham kepada syarikat-syarikat ini dan tidak menguasai lembaga-lembaga pengarah tetapi boleh menasihati dengan keras kepada syarikat-syarikat GLC ini bahawa jangan mengecewakan harapan rakyat dan jangan syarikat GLC ini apabila untung dijual kepada individu-individu yang menjadi kapitalis di dalam arena perniagaan. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Dato' Mah Siew Keong:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, pihak kerajaan adalah pemegang saham utama GLC tetapi polisi syarikat dan operasi harian adalah masih diuruskan oleh Lembaga Pengarah serta pihak pengurusan dan kerajaan tidak campur tangan kecuali diperlukan.

Beberapa langkah yang telah diambil oleh kerajaan seperti pelantikan CEO yang baru dan implementasi, *key performance index* dan lain-lain akan meningkatkan prestasi GLC. Perkara yang selalu ditekankan oleh kementerian kepada syarikat-syarikat besar dengan keras - bukan akan buat tetapi selalu dan telah dibuat ialah supaya menolong terutamanya SMI-SMI membangunkan industri mereka. Kita selalu memberi insentif bukan sahaja kepada syarikat SMI tetapi untuk syarikat-syarikat besar. *[Disampuk]*. Tidak ada?.....Ada, ada *[Ketawa]*. Kita sentiasa membuat saranan, Perdana Menteri pun sentiasa membuat saranan bahawa walaupun kita hendak mendapat keuntungan sama pentingnya juga adalah supaya industri-industri kecil kita juga dapat *survival* dan dapat dibangunkan. Sekian, terima kasih.

5. **Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:-

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah di mana majikan menukar taraf pekerjaan dari tetap kepada kontrak untuk mengelak dari membayar caruman KWSP dan PERKESO; dan
- (b) apakah hasil siasatan ke atas aduan terhadap Courts Mammoth Bhd (Rujukan KS:Kuala Lumpur:208/2 Aduan 285/03) berhubung pembayaran caruman PERKESO.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 memperuntukkan bahawa pekerja, ertiya seseorang yang diambil bekerja dengan bergaji di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau kontrak perantisan dengan seseorang majikan sama ada kontrak itu nyata atau disifatkan ada atau dengan lisan atau dengan bertulis dalam atau berhubungan dengan kerja suatu perusahaan yang terhadapnya akta itu dipakai.

Oleh yang demikian, mana-mana pekerja sama ada bertaraf tetap atau kontrak tetapi memenuhi definisi tersebut adalah layak berdaftar dengan PERKESO dan membayar caruman yang diperlukan. Tidak terdapat apa-apa peruntukan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 yang mlarang majikan untuk menukar taraf pekerjaan dari tetap kepada kontrak.

Bagi soalan (b), soalan itu begitu spesifik. Jawapannya ialah hasil daripada siasatan yang dijalankan adalah didapati *bailiff* yang diambil bekerja oleh Court Mammoth Sdn. Bhd. adalah pekerja dalam lingkungan maksud Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. Tindakan sedang diambil untuk menyemak rekod gaji pekerja-pekerja berkenaan bagi memastikan majikan menjelaskan caruman mereka. Tindakan pendakwaan akan diambil terhadap Court Mammoth Bhd. jika gagal menjelaskan caruman-caruman tersebut. Terima kasih.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sedar bahawa kementerian amat prihatin terhadap bagaimana mengekalkan *competitive edge* dalam menarik pelaburan ke dalam negara ini tetapi saya ingin tahu, untuk menjaga kepentingan pekerja tempatan yang terdiri daripada rakyat Malaysia, hak asasi mereka untuk mendapat caruman KWSP dan PERKESO haruslah diberi perhatian. Saya ingin tahu apakah dasar ataupun pindaan perundangan mungkin dicadangkan untuk memastikan majikan-majikan terutama dari negara asing dalam kes ini dapat memainkan tanggungjawab sosial mereka di samping melabur di sini untuk menjaga kepentingan pekerja tempatan?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, hak asasi sentiasa diberikan perhatian dan tumpuan lebih-lebih lagi dalam usaha menjaga kepentingan rakyat tempatan dan sememangnya dasar-dasar yang ada yang telah digubal oleh pihak kementerian memangnya sentiasa kontemporari. Ia tidak berlaku dalam segi

pengurangan dan juga kekurangan kepada kepentingan orang-orang tempatan. Terima kasih

**Datuk Haji Mohamad bin Haji. Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Majikan penting tetapi sama pentingnya juga pekerja. Tidak ada majikan tidak ada pekerja tetapi tidak ada pekerja pun tidak ada majikan, dua-dua penting. Kementerian duduk di mana? Jaga majikan mengabaikan pekerja atau jaga pekerja mengabaikan majikan? Atau tengok pekerja mengampu majikan, bagaimana?

Soal-soal pekerja dilayan secara pilih kasih berlaku. Kadangkala soal-soal dari sudut perkauman berlaku. Soal naik pangkat, soal dibuang kerja dengan sewenang-wenangnya, soal kenaikan gaji, ini berlaku yang dibuat oleh sesetengah majikan berdasarkan sudut perkauman. Minta maaf, saya bukan hendak menyentuh mananya kaum tetapi ada sesuatu ketidakadilan berlaku di kalangan majikan-majikan kepada pekerja-pekerjanya. Pekerja-pekerjanya kadangkala tidak ada tempat perlindungan dan mengadu kepada pihak kementerian, kadangkala aduan tidak dilayan.

Di kawasan saya ada tiga kawasan perindustrian iaitu Sri Gading, Parit Raja dan Tongkang Pecah – salah satu kawasan perindustrian yang terbesar di negeri Johor. Saya berpengalaman sangat berjumpa dengan pekerja-pekerja yang teraniaya. Jadi bagaimana sebenarnya kementerian melayan rasa kecawa, tertekan dan rasa hampa pekerja dan kalau kementerian tidak membela mereka siapa yang hendak membela?

Saya berharap pihak kementerian akan lebih peka diskriminasi yang berlaku. Ini semua perkara-perkara -Kadangkala orang tempatan....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji. Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya masuk, saya masuk soalan itu. Saya akan masuk soalan. Tuan Yang di-Pertua jangan bimbang, saya memang jaga peraturan ini, soalan tetap soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji. Aziz:** Masa, berilah saya masa. Apa salahnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Orang lain perlu diberi peluang juga.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji. Aziz:** Nasib dialah Tuan Yang di-Pertua. Apabila masa saya, *[Ketawa]* saya gunakan. *[Disampuk]* Kadangkala pekerja

tempatan terasa bahawa mereka dilayan separuh penghargaan berbanding dengan pekerja-pekerja daripada luar yang dibawa masuk secara sah. Pekerja-pekerja dari luar negara yang dibawa masuk secara sah ini kadangkala mendapat layanan yang lebih baik.

Ini rasa kecewa rakyat tempatan, saya tidak tahu lah hati perut kementerian. Bagaimana di antara pekerja-pekerja luar yang masuk secara sah dengan pekerja-pekerja anak watan, anak negara ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, cukuplah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji. Aziz:** Cukup, Tuan Yang di-Pertua. Sampai, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Timbalan Menteri faham.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji. Aziz:** Eh... kalau tidak faham dia tidak menjadi Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Faham. Sila duduk. Baik.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading. Itu merupakan soalan dan pandangan yang baik. Sebenarnya pihak Kementerian Sumber Manusia sentiasa menjaga hak-hak majikan dan juga pekerja, tidak pernah berlaku dari segi membezakan tindakan perhatian ataupun kecenaan baik di antara pekerja tempatan ataupun pekerja asing. Oleh sebab itu pihak Kementerian Sumber Manusia telah pun menubuhkan Jabatan Perhubungan Perusahaan khusus untuk menjaga hal-hal yang berkaitan dengan kepentingan pekerja dan juga majikan termasuklah masalah dan pertikaian.

Di samping itu juga pihak Kementerian Sumber Manusia mempunyai ramai pegawai penguatkuasaan dan juga pegawai pemantau yang memantau kilang-kilang, tempat-tempat pekerjaan dan sebagainya malah pihak Kementerian Sumber Manusia mempunyai Mahkamah Perusahaannya sendiri. Sekarang kita mempunyai seramai 21 Penggerusi Mahkamah Perusahaan bagi menerima aduan-aduan serta menyelesaikan kes-kes yang dibangkit ataupun dibawa.

Saya meminta supaya Yang Berhormat bagi Sri Gading mengemukakan secara khusus sekiranya berbangkit layanan-layanan majikan yang dirasakan tidak adil dan tidak patut. Jadi, tidak timbul atau berbangkit bagaimana Kementerian Sumber Manusia melayani masalah-masalah pekerja-pekerja asing ataupun tempatan mahupun majikan. Terima kasih.

6. **Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah kerajaan dapat mengagihkan sepenuhnya peruntukan kementerian ini kepada setiap negeri untuk tujuan pemulihan bangunan sekolah-sekolah di luar bandar.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk tujuan pemulihan bangunan sekolah-sekolah di luar bandar diagihkan dari masa ke semasa mengikut keperluan dan permohonan semua Jabatan Pendidikan Negeri. Oleh yang demikian, peruntukan ini diberikan secara berterusan dan Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri diminta untuk mengemukakan permohonan berdasarkan keperluan di setiap negeri. Terima kasih.

**Tuan Eric Enchin Majimbun:** Terima kasih atas jawapan. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan. Di Sabah, kita masih dapat melihat bangunan-bangunan yang dibuat daripada bahan buluh.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Ada lagi?

**Tuan Eric Enchin Majimbun:** Ya, masih ada. Nama sahaja Sabah ini di bawah bayu tetapi ada buluh rumahnya, bangunan-bangunan itu. Sejauh manakah pemulihan ini, bangunan-bangunan ini dapat dibina di Sabah? Sekian.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, sejumlah sekolah yang terlibat iaitu sekolah-sekolah daif dan juga rumah guru di negeri Sabah adalah sebanyak 399 buah sekolah daripada 26 daerah yang telah menelan peruntukan sebanyak RM220.7 juta dan status pelaksanaan projek-projek naik taraf sekolah daif dan juga rumah guru daif di negeri Sabah di bawah Rancangan Malaysia Kelapan setakat ini, projek-projek ini telah disiapkan 100%.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Berbanyak-banyak terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Banyak kali sudah bangun duduk. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, kenapakah ada ketidakseimbangan dalam proses pembangunan sekolah-sekolah di dalam Kementerian Pelajaran kerana saya dapati ada sekolah-sekolah yang begitu canggih dan cantik dibina dengan seni bina yang begitu mengagumkan di bandar. Sedangkan dalam proses yang sama, ada sekolah-sekolah yang terpaksa macam pondok. Maka saya hendak tanya, sejauh manakah Kementerian Pelajaran mengkaji

benar-benar maklum balas yang dihantar daripada Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) mengenai keperluan-keperluan pembinaan sekolah. Saya merujuk kepada sekolah-sekolah contohnya Sekolah Tamil yang banyak lagi yang belum dipersiapkan dan dibangunkan selaras dengan hasrat Dasar Pendidikan yang mahu kesamarataan akses pendidikan bagi semua sekolah tanpa mengira kategori dan status. Saya bersimpati dengan kawan saya daripada Sepanggar, buluh masih tempat bersekolah.

**Seorang Ahli:** Reban ayam.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Reban ayam. Ha, ini yang tidak betul ni.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Maka saya hendak tanya penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah rancangan kementerian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk membetulkan keadaan ini. Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pemulihan sekolah-sekolah lama dan juga pembinaan sekolah-sekolah baru adalah satu perkara yang dinamik dan bukan statik. Jadi kami di kementerian ini tertakluk atau berdasarkan perancangan kita kepada keperluan-keperluan yang dikemukakan mengikut Jabatan Pendidikan Peringkat Negeri dan juga Peringkat Daerah. Walau bagaimanapun, kami sentiasa memberi keutamaan kepada bukan sahaja menaik taraf sekolah tetapi juga pembinaan sekolah-sekolah baru.

Ada juga permohonan daripada ramai Ahli Yang Berhormat ini untuk sekolah baru di kawasan masing-masing bagi menampung pelajar-pelajar. Jadi kita kena *balance* ataupun seimbangkan permohonan untuk menaik taraf dan juga untuk pembinaan sekolah-sekolah baru. Dan kami akan memberi pertimbangan yang sewajarnya dari mana-mana pihak untuk menaik taraf dan juga untuk pembinaan sekolah ....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini buluh bagi keutamaanlah. Apa lagi!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Siapa cakap? Tidak bangun!

**Puan Komala Devi:** *[Ketawa]* Kita ada wakil baru di sini.

**Seorang Ahli:** Reban ayam pun bagi keutamaan.

**Puan Komala Devi:** Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

7. **Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan apakah kementerian mempunyai program khusus pembasmian kemiskinan tegar di Kelantan kerana Kelantan adalah negeri termiskin. Senaraikan rancangan dan program-program tersebut.

**Timbalan Menteri Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya dari Ketereh. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah merancang dan melaksanakan Program Pembasmian Kemiskinan khususnya kemiskinan tegar di seluruh negara termasuk negeri Kelantan di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR). Ia mengandungi lapan program yang meliputi aspek-aspek pembangunan manusia dan masyarakat, peningkatan pendapatan, juga peningkatan kemudahan asas dan sosial ke arah meningkatkan taraf dan kualiti hidup golongan miskin tegar.

Lapan program yang dilaksanakan di bawah SPKR di seluruh negara adalah Program Pembangunan Minda Insan, Program Latihan dan Pendidikan, Program Tambahan Makanan Seimbang, Program Peningkatan Pendapatan, Program Pembangunan Masyarakat Setempat, Program Bantuan Rumah, Amanah Saham Bumiputera Sejahtera dan pembangunan bangunan Taska. Ini bermakna, tidak ada program berlainan atau tambahan ditumpukan kepada Kelantan walaupun Kelantan negeri termiskin di Semenanjung.

Namun begitu, peruntukan kepada negeri Kelantan adalah lebih tinggi memandangkan jumlah yang miskin di negeri Kelantan itu adalah ramai. Umpamanya bagi tahun 2004, Kelantan mendapat peruntukan terbesar untuk Program Bantu Rumah dan Skim Amanah Saham Bumiputera Sejahtera. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, sejumlah RM58.9 juta telah disediakan untuk pelaksanaan program-program SPKR di Kelantan dan sehingga akhir Mei 2004, sejumlah RM27.4 juta atau 46.5% daripada peruntukan tersebut telah dapat dibelanjakan yang memberi faedah kepada kira-kira 48,742 orang di kalangan golongan miskin tegar di Kelantan. Peruntukan sebanyak RM58 juta ini adalah lebih besar daripada negeri-negeri lain dan hanya Sabah dan Sarawak sahaja yang menerima peruntukan yang lebih besar. Terima kasih.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, sahabat saya daripada Bachok. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah kerana telah

memberi keutamaan yang besar kepada Kelantan walaupun Kelantan adalah sebuah negeri tidak di bawah pemerintahan Barisan Nasional. Ini membuktikan kepada kita dengan jelas bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak mengamalkan diskriminasi dan memikirkan tentang masalah rakyat tidak kira sama ada mereka menyokong kerajaan ataupun tidak. Terima kasih dan tahniah.

Soalan tambahan saya, peruntukan-peruntukan yang besar ini adalah disalurkan kepada agensi pelaksana tertentu dan ia tidak dilaksanakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sendiri terutamanya projek-projek pembinaan rumah dan lain-lain yang disebut dalam lapan program tersebut. Apakah kementerian bercadang untuk membaiki perkara ini kerana apa yang saya lihat, agensi pelaksana di Kelantan sekarang ini tanpa menyebut nama agensi tersebut, telah gagal untuk melaksanakannya terutama pembinaan rumah rakyat termiskin. Duit sudah ada RM3 juta. Duit sudah lulus. Jabatan Pembangunan Persekutuan di bawah ICU. Duit sudah lulus RM3 juta, pelancaran sudah dilancarkan. Nama rakyat sudah dipilih. Orang yang hendak dapat rumah sudah tahu tetapi duit masih tersimpan.

Apakah kementerian bercadang untuk kembali kepada era lama di mana Program Pembangunan Rakyat Termiskin atau sekarang ini Kesejahteraan Rakyat ini dilaksanakan sendiri oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui agensinya yang banyak – KESEDAR, FELCRA, KEMAS, RISDA, KEDA dan banyak lagi di negeri lain. Sebab kalau bagi seperti yang ada sekarang, hanya bagi duit, kemudian pelaksanaannya, keburukannya ditanggung oleh kementerian. Orang lain dia hendak buat terpulang kepada mereka *because* bukan program mereka. Ia bukan merupakan program mereka, ia program kementerian lain.

Jadi saya ingin tahu sangat perkara ini sebab rakyat sedang menunggu janji-janji yang kita buat dalam pilihan raya yang lepas. Terima kasih.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih Ketereh. Sememangnya kementerian mempunyai pelbagai agensi yang melaksanakan program-program yang disalurkan melalui kementerian. Di Kelantan umpamanya, di antara agensi-agensi yang terlibat ialah Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPPK), di samping RISDA, FELCRA, KEMAS, KESEDAR. Memang setengah-setengah program disalurkan melalui JPPK dan ada juga program yang disalurkan melalui agensi-agensi lain.

Buat masa ini kementerian tidak bercadang untuk melaksanakan program ini sendiri di setiap negeri kerana memandangkan belanja pengurusan mungkin besar.

Apa yang perlu dikaji dan dilihat bagaimanakah pelaksanaan ini dapat dikemas kini dan diperlincinkan lagi. Memang kerajaan mendapat banyak rungutan dan aduan daripada pelbagai peringkat rakyat dari segi pelaksanaan yang tidak dianggap begitu licin dan memuaskan dan ini sering kali dikaji.

Umpamanya kes JPPK yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Ketereh tadi, ia akan cuba diatasi melalui penempatan pegawai-pegawai dari kementerian untuk menambah tenaga kerja di sana bagi melicinkan lagi perjalanan projek-projek tersebut. Memang peruntukan telah disediakan, bukan sahaja RM3 juta seperti mana yang disebutkan, bahkan RM10 juta untuk program membaiki rumah ini tetapi masih belum lagi dilaksanakan.

Saya kira kita semua, Ahli-ahli Dewan Rakyat umpamanya, boleh memainkan peranan dan cuba mempercepatkan lagi di peringkat bawah semoga agensi-agensi ini dapat mengambil langkah yang segera untuk memenuhi kehendak dan harapan rakyat yang tidak kurang banyaknya di bawah. Sekian, terima kasih.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada kementerian. Soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan proses pelaksanaan pembasmian kemiskinan ini terutama sekali di Kelantan kerana Terengganu sebelum ini ada pengalaman apabila mempunyai perbezaan kerajaan negeri. Jadi bolehkah kementerian memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, apakah sebenarnya halangan-halangan yang sebagaimana didakwa, katanya banyak di antara peruntukan Kerajaan Pusat tidak dapat dilaksanakan di peringkat akar umbi oleh sebab halangan-halangan kerjasama dengan kerajaan negeri yang berbeza dari segi kefahaman politiknya dan juga perkara-perkara yang menyentuh tentang agensi-agensi kerajaan di bawah naungan kerajaan negeri, umpamanya, mungkin berkaitan dengan tanah, berkaitan dengan kuasa majlis-majlis daerah, pejabat daerah dan sebagainya.

Masalah Kelantan ini baru-baru ini timbul sebagai suatu daripada keadaan kemiskinan, katanya, ada dakwaan sehingga ada penghijrahan anak-anak Kelantan terutama sekali wanita-wanita muda yang mencari pekerjaan di luar yang dilihat sebagai asas kemiskinan di negeri itu sendiri. Bolehkah kementerian memberi penjelasan kepada kita kerana ini akan menggambarkan imej negeri itu sendiri dan juga imej negara kita keseluruhannya. Terima kasih.

**Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun. Kita memang merasakan bahawa pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan ini lebih banyak berjaya di negeri Terengganu dibandingkan dengan negeri Kelantan. Mungkin terdapat beberapa perbezaan yang ketara di antara pendekatan kedua-dua negeri ini. Yang jelas yang kita lihat ialah dari segi struktur sistem pelaksanaan ataupun jentera pelaksana yang berbeza sedikit di mana di Terengganu ada sistem JKK tetapi di Kelantan tidak ada. Jadi, ini satu yang dirasakan memang membantut pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan di Kelantan berbanding dengan Terengganu. Bahkan ramai pemimpin di Kelantan menggesa supaya kita membentuk sistem JKK dan saranan ini telah pun disampaikan kepada pihak ICU dan kita berharapkan semoga perbezaan-perbezaan ini diambil kira dan dilaksanakan supaya Kelantan juga turut berjaya seperti mana yang berjaya dilaksanakan di Terengganu.

Di samping itu, sememangnya terdapat perbezaan struktur negeri antara Kelantan dan Terengganu ini dan penghijrahan yang besar memang berlaku di Kelantan sehingga kita merasakan bahawa Kelantan ini sebenarnya mempunyai dua negeri di Malaysia, iaitu negeri yang diduduki oleh orang-orang Kelantan dan satu lagi orang-orang Kelantan yang berada di luar Kelantan, yang mana jumlahnya hampir sama dengan orang-orang Kelantan yang berada dalam Kelantan. Cuma kita mengharapkan mereka yang duduk di luar Kelantan dapat mencari rezeki dengan baik dan tidak terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang memalukan negeri Kelantan khususnya yang dipimpin oleh pemimpin-pemimpin yang begitu peka kepada agama dan mengharapkan supaya Kelantan membangun bersama Islam. Jadi, kalaualah Kelantan membangun bersama Islam, kita harap apa yang berlaku kepada rakyat Kelantan tidaklah akan memalukan negeri kita dan negara kita keseluruhannya.

8. **Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan usaha kerajaan untuk melindungi hak pembeli rumah atau pemilik lot perniagaan, di mana projek pembinaan kompleks dan perumahan terbengkalai, menyebabkan mereka perlu menanggung pinjaman dari bank walaupun tidak memperolehi premis yang telah dibayar.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]:** Tuan Yang di-Pertua, kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan

Tempatan berdasarkan Akta Kemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelaksanaan) 1966 adalah terbatas kepada mengawal dan memantau pemaju-pemaju perumahan yang berlesen dengan kementerian saya. Di antara tindakan-tindakan yang akan diambil oleh kementerian bagi membantu pembeli-pembeli yang terlibat dengan projek perumahan terbengkalai adalah seperti berikut:

- (a) menasihati pembeli berunding dengan institusi kewangan masing-masing bagi menstrukturkan semula jadual bayaran;
- (b) mengadakan perundingan dengan pihak pemaju, pembeli dan agensi-agensi yang dikawal terlibat serta bank pembayar bagi mencari langkah pelaksanaan;
- (c) memberi khidmat nasihat dan garis panduan kepada pihak yang ingin mengambil alih projek; dan
- (d) bekerjasama dengan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bagi mengkaji projek-projek yang dikenal pasti telah terbengkalai.

Manakala bagi pembeli-pembeli lot perniagaan atau kompleks membeli belah perniagaan pula, buat masa ini masih tidak ada mana-mana pihak yang mengawal selia projek-projek tersebut jika terbengkalai. Walau bagaimanapun, cadangan daripada pelbagai pihak agar pembangunan projek-projek komersial diletakkan di bawah kawalan kementerian dan ia masih dalam peringkat kajian. Sekian.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang jawapan ini telah kita tahu sejak minggu lepas dan jawapan demi jawapan bagi saya tidak akan menyelesaikan masalah. Di sini soalan tambahan saya hendak tanya kementerian, nasib dan juga hak tertentu pembeli *commercial building*, dengan izin, dan sebagainya, bilakah mereka akan dilindungi di bawah Akta Perumahan Pemaju ini? Jangan kita selalu cakap sahaja akan memberi kajian, berunding dengan pembeli...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Lau Yeng Peng:** .... dan ini akhirnya tidak akan meyakinkan pembeli terhadap kementerian di masa-masa hadapan. Sila beri penjelasan mengenai soalan ini. Ya.

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Cadangan dan komentar ini tidak adillah. Bukan tiap-tiap kali kami beri jawapan tambah hasil, tetapi kementerian saya setuju akta berkenaan masih ada peluang untuk diperbaiki. Sekarang kementerian saya sedang mengkaji apakah langkah yang akan diambil dalam akta yang baru supaya boleh mengawal kepentingan pembeli atau pemaju bangunan komersial. Sabar dahulu, tunggu ya. Itulah akan datang. Sekian.

**Puan Tan Ah Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah tindakan-tindakan diambil terhadap pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab atau yang menyebabkan projek itu terbengkalai?

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Yang di-Pertua, kalau pemaju-pemaju ini tidak bertanggungjawab, pembeli mempunyai banyak jalan, boleh lapor kepada kementerian kami. Kami ada satu tribunal yang akan beri keputusan. Sekarang tribunal kuat (*hard*) ia menjaga kepentingan pembeli khasnya. Sekian.

*[Dewan gamat dengan ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Masa cukup untuk Soal Jawab.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]**

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG PINJAMAN PERUMAHAN (PINDAAN) 2004**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[12 Julai 2004]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyambung semula menjawab.

**11.09 pagi**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyambung semula penggulungan saya hari semalam mengenai peranan Syarikat Perumahan Negara Berhad. Sukacita

dimaklumkan kepada Dewan bahawa dalam projek terbengkalai, setakat ini tiada projek yang dipulihkan atau diambil alih oleh SPNB yang terbengkalai. Malahan Syarikat Perumahan Negara Berhad telah berjaya mengambil alih sebanyak 173 projek perumahan kos rendah dan sederhana yang terbengkalai dan dari jumlah ini SPNB telah berjaya menyiapkan sebanyak 23 projek dengan CF, sementara 19 projek dalam pelaksanaan dan 92 dalam kajian. Kesemua ini melibatkan 48,000 unit rumah bernilai RM3.2 bilion. Sebanyak 39 projek telah dikeluarkan dari pemantauan SPNB disebabkan oleh pemaju telah mendapat pembiayaan sendiri untuk kerja-kerja pemulihan.

Mengenai projek terbengkalai di Desa Ria, semua permasalahan berkaitan dengan pemilikan projek di antara *raging financial* dan penerima telah dapat diselesaikan oleh SPNB pada pertengahan tahun 2004. Pada masa ini SPNB sedang meneliti aspek teknikal bertujuan untuk mengurangkan kos pemulihan projek. Pengurangan kos ini diperlukan oleh kerana Syarikat Perumahan Negara Berhad tidak mengenakan sebarang bayaran tambahan kepada pembeli. SPNB menjangkakan akan memulakan kerja-kerja pemulihan pada suku keempat tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh telah membangkitkan mengenai kriteria pelantikan Pengerusi Eksekutif dan Ahli Lembaga Syarikat serta mengenai sumber dana dan pembentangan akaun kewangan SPNB. Pengerusi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Sila.

**Puan Lim Bee Kau:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebelum Timbalan Menteri pergi ke topik yang lain berkenaan dengan projek terbengkalai, tadi daripada jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah berkenaan dengan projek terbengkalai perumahan dan rumah-rumah kos rendah dan sederhana. Tetapi seperti yang tadi, kita belum selesai sebenarnya soalan yang *last* sekali berkenaan dengan projek terbengkalai komersial. Kita faham bahawa kementerian yang berkenaan telah dan sedang mengkaji untuk menggubal Akta Perumahan supaya komersial itu juga dimasukkan dalam lingkungan pihak kementerian. Tetapi perkara ini memerlukan masa yang panjang dan ia mungkin melibatkan satu masa yang banyak dan pembeli terbengkalai yang tersangkut tidak dapat tunggu.

Jadi, sementara menunggu akta ini di bawa ke peringkat untuk membuat *amendment*, bolehkah pihak kementerian melakukan ataupun membantu pembeli-pembeli terbengkalai komersial ini terutama sekali yang melibatkan institusi kewangan. Tadi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengatakan mereka boleh memberi nasihat untuk berunding, tetapi kita dapatilah bahawa institusi kewangan kebanyakannya tidak begitu fleksibel. Kita begitu kasihan kepada pembeli komersial ini, projek mereka sudah terbengkalai, tidak dapat dijalankan, pihak kerajaan tidak dapat membuat sesuatu dan mereka terpaksa lagi membayar *installment* dan juga *interest*. Jadi, kita minta pihak Kementerian Kewangan kalau boleh, mungkin saya hendak cadang kalau boleh pihak kementerian beri arahan kepada institusi kewangan supaya mereka lebih fleksibel sama ada *restructure* ataupun tidak cajkan *interest* ataupun *installment* mereka itu boleh diberi satu masa semasa projek itu belum dipulihkan, dilambatkan ataupun apa-apa kelonggaran yang boleh diberikan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Serai di atas cadangan itu. Saya percaya Kementerian Kewangan sentiasa bekerjasama terutamanya dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan institusi kewangan terutamanya pemantauan di bawah keberkesanan Bank Negara bagi memastikan permasalahan itu diambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Pengurus Eksekutif Syarikat Perumahan Negara yang telah dilantik berasaskan kepada keupayaan dan pengalaman beliau sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri satu ketika dahulu. Kerajaan percaya beliau akan dapat menerajui Syarikat Perumahan Negara Berhad dengan lebih berkesan dan berkeupayaan untuk melaksanakan objektif dan tanggungjawab dalam menyediakan rumah yang mampu kepada rakyat yang berpendapatan rendah. Ahli Lembaga SPNB juga terdiri daripada mereka yang berpengalaman dalam bidang kewangan dan industri perumahan. Ini termasuk wakil daripada Kementerian Kewangan dan Jabatan Perumahan Negara serta beberapa ahli daripada sektor korporat. Manakala sumber dana SPNB pula adalah pertamanya sebanyak RM224 juta dari pinjaman mudah dan RM76 juta geran daripada kerajaan untuk Skim Rumah Terbengkalai.

Yang kedua, RM100 juta geran daripada kerajaan untuk Skim Rumah Mesra Rakyat dan yang ketiga, pinjaman mudah sebanyak RM500 juta...

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bera.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Saya habiskan ayat ini sekejap, Yang Berhormat. Pinjaman mudah sebanyak RM500 juta dari Kumpulan Wang Amanah Pencen untuk rumah mampu milik. Sila, Yang Berhormat.

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi Yang Berhormat ada sebutkan bahawa peruntukan diberi sebanyak RM100 juta untuk Rumah Mesra Rakyat. Saya difahamkan sehingga ke hari ini, baru RM3 juta hingga RM4 juga sahaja yang digunakan bagi Projek Rumah Mesra Rakyat ini. Jadi, apakah rasional dan alasannya pihak SPNB bila diberi peruntukan yang sebeginu banyak, hanya RM3 juta baru digunakan. Bukankah ini menggagalkan hasrat kerajaan bagi membela rakyat tidak mempunyai rumah?

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Berhormat, maklumat yang saya dapat dan saya percaya RM100 juta ini peruntukannya telah pun - tumpuan daripada borang yang diterima mungkin sudah pun mencukupi, tetapi saya percaya dalam proses pelaksanaan sebagaimana yang saya katakan semalam, ada yang tengah dalam persiapan dokumentasi dan sebagainya. Sebenarnya RM100 juta inilah yang kita bincangkan dengan panjang lebar dan kita perlukan tambahan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Jasin bangun.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Yang Berhormat bagi Jasin, sila.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Terima kasih atas jawapan Timbalan Menteri. Saya semasa rakan saya, Yang Berhormat bagi Santubong membahaskan tentang rang undang-undang ini, saya amat dukacita kerana saya telah kemukakan bahawa banyak permohonan daripada Parlimen Jasin dikemukakan kepada SPNB

untuk rancangan Rumah Mesra Rakyat dan baru-baru ini kita dapat surat kepada Ahli Parlimen bahawa skim ini ditangguhkan.

Saya difahamkan, Yang Berhormat Timbalan Menteri, bahawa hanya RM5 juta macam yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Bera tadi dibelanjakan dan baki daripada RM100 juta ini SPNB telah masukkan dalam bank dalam bentuk *fixed deposit* yang mana keuntungannya diberi bonus kepada kakitangan-kakitangan SPNB.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak rakyat jelata dari Jasin tidak boleh maafkan masalah ini. Duit ini kita sudah janji dengan orang yang tidak ada rumah, kita hendak bagi dia rumah dan ini tidak dilaksanakan dan baki wang itu tidak digunakan, dihantar masuk dalam *fixed deposit* di mana keuntungannya diberi kepada kakitangan SPNB.

Yang sebenarnya hasrat kerajaan ialah untuk membantu rakyat. Rakyat yang telah menyokong kerajaan ini. Kita dapat surat pula ditangguhkan projek ini dan wang itu dimasukkan dalam *fixed deposit*, ini saya tidak boleh terima! Bagi pihak rakyat Jasin, kita tidak boleh terima. Sekiranya ini berlarutan, Tuan Yang di-Pertua, saya amat kesal sekali dan kita mengalu-alukan pelantikan Pengurus Eksekutif SPNB yang baru dan kita harap yang mana untuk rakyat ini harus didahulukan dulu. Jangan sewenang-wenangnya peruntukan yang diberi oleh kerajaan dimasukkan dalam *fixed deposit* dan untuk kegunaan kakitangan-kakitangan SPNB. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih. Yang Berhormat bagi Jasin melaporkan maklumat barangkali perlu kita melihat secara mendalam, tetapi sebenarnya saya telah maklumkan pada hari kelmarin mengenai penangguhan ini. Penangguhan ini sebenarnya bukanlah kita tangguh atas dasar pembekuan atau dasar wang itu dibelanjakan untuk tujuan yang lain.

Saya maklumkan sekali lagi bahawa semenjak kita lancarkan program ini, kita telah menerima 16,085 permohonan. Daripada 16,085 ini, kita telah luluskan penerimaan ataupun borang yang diterima oleh Syarikat Perumahan Negara ialah 4,040, yang diluluskan 1,000. Permohonan ditolak 1,300 daripada 4,040 berkenaan, manakala permohonan yang layak tetapi masih menunggu dokumen berjumlah sebanyak 1,656. Bermakna kalau kita lihat daripada jumlah yang diluluskan dan yang akan diluluskan, 1,656, bermakna RM40,000 seunit, kita telah pun berada dalam lingkungan 2,656, tabung ini akan habis.

Manakala borang yang masih belum balik yang telah diedarkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikeluarkan daripada pejabat Syarikat Perumahan Negara berjumlah 12,051 termasuk 277 di Melaka, mungkin di Jasin. Jadi, 12,051 ini jika diproses dan tetap diproses, balik ke Syarikat Perumahan Negara, bermakna tidak dapat dilaksanakan oleh kerana tabungan telah habis digunakan.

Jadi, Yang Berhormat, saya percaya melalui pensemuraman, perubahan yang kita bentangkan dalam rang undang-undang ini, kita ingin menambah ataupun memohon pihak kerajaan supaya tabung atau program Mesra Rakyat ini barangkali diangkat oleh Syarikat Perumahan Negara supaya menjadi lebih tinggi gerannya dan boleh dilaksanakan. Kalau tidak dengan permohonan baru, setidak-tidaknya 12,051 ini mesti ditunaikan.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kemaman.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Ini janji!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kemaman bangun, Kemaman.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Kemaman, sila.

**Tuan Ahmad Shabery Cheek:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih di atas jawapan yang dikemukakan. Kalau kita dengar rintihan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen ketika membincangkan tentang isu perumahan, khususnya tentang soal pelaksanaan program perumahan di bawah Program Rumah Mesra Rakyat yang dikendalikan oleh pihak SPN.

Apa yang jelas kepada kita dan pengalaman kita sendiri ialah imej SPN itu sendiri adalah terlalu rendah pada kaca mata rakyat. Kesnya kadang-kadang ada rumah yang telah diluluskan tetapi pelaksanaannya tidak dapat dibuat dan pembinaannya tertunggu-tunggu. Tetapi ada permohonan yang dibuat lambat, yang ini didahulukan.

Sebenarnya isu pegawai-pegawaiannya sentiasa bertukar dan tidak ada orang yang boleh dirujukkan kes-kes yang tertentu dengan orang yang sama. Masing-masing naik menjadi pegawai baru, dia kata, "Oh! Ini orang lama. Kami tidak tahu tentang soal ini." Ertinya ini isu pengurusan dan isu pentadbiran yang memberikan

imej SPN itu sendiri banyak boleh dipersoalkan terutama di kalangan rakyat. Adakah perkara ini disedari oleh pihak kementerian?

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kemaman. Sebagaimana yang saya maklumkan kepada Dewan ini, sebenarnya Program Rumah Mesra Rakyat ini hanyalah salah satu daripada program yang dilancarkan ataupun dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara. Tetapi oleh kerana program ini sangat popular terutamanya oleh kerana keluasan rumah yang begitu luas dan jumlah subsidi yang diagihkan oleh kerajaan bagi program ini sangat tinggi, maka program ini mendapat sambutan yang hebat termasuk di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat dan pemimpin masyarakat.

Walau bagaimanapun, Yang Berhormat, kita sedar kita tidak boleh meletakkan imej Syarikat Perumahan Negara sebagaimana yang saya katakan semalam, berdasarkan kepada skim ini sahaja, padahal tadi saya katakan banyak program yang dilaksanakan oleh syarikat ini terutamanya melalui program pemulihan projek-projek rumah terbengkalai....

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, ada tiga orang yang bangun.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Hendak beri yang mana, Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Kalau saya habiskan Yang Berhormat bagi Kemaman dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Sila duduk, Yang Berhormat.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Program Rumah Terbengkalai dan juga Program Perumahan Kos Rendah Mampu Milik, juga rumah-rumah yang dilaksanakan bagi membantu tentera, polis dan sebagainya, saya percaya dengan umur ataupun dengan tempoh yang singkat, beroperasi bermula tahun 1998 dan enam

tahun sampai ke hari ini, syarikat ini telah berjaya sebagai sebuah agensi kerajaan, syarikat kerajaan untuk membela dan juga membantu rakyat dalam skim perumahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya ingin maklumkan sekadar untuk Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kita adil kepada syarikat ini, semasa kita tubuhkan syarikat ini, 100% modalnya oleh pihak kerajaan, sebanyak RM10,000,002. Alhamdulillah, pada tahun 2001, syarikat ini telah memulangkan dividen selama tiga tahun berturut-turut, 2001, 2002, 2003 berjumlah RM12 juta kepada kerajaan.

Bermakna syarikat ini mampu, syarikat ini telah berjaya dan dikatakan tadi ketidakmampuan Mesra Rakyat ini bukan kerana barangkali oleh kerana program ini terlalu mesra dan di pihak kita barangkali ingin melihat program ini disegerakan tetapi kita harus ingat bahawa terlalu banyak perkara-perkara dokumen yang perlu disiapkan, terutamanya di atas tapak yang tidak mempunyai geran, ia memerlukan penyerahan kuasa oleh pemilik dan sebagainya.

Saya dapati kebanyakan masalah berbangkit apabila kita semak dengan SPNB, yang mana mengapakah kelewatan ini berlaku, sebenarnya atas kelewatan dokumentasi. Walau bagaimanapun, kita ambil perhatian di atas pandangan dan mungkin berlaku ketidakcekapan ataupun pertukaran pegawai sebagaimana dibangkitkan oleh Kemaman, kita akan ambil tindakan ataupun ambil perhatian.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** *[Bangun]*

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tiga yang bangun, Yang Berhormat, hendak beri yang mana?

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Sila. Yang Berhormat bagi Kinabatangan dahulu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berbalik dengan SPNB, sebetulnya kita tidak ada, *we have nothing personal with SPNB*, dengan izin, tetapi masalah ini kena kita tangani bersama, di mana saya tidak pernah memperkecil-kecilkan Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi maklumat sejak hari kelmarin bahawa kohnnya 2,600 rumah Mesra Rakyat telah dibina, kita mendapat maklumat, hari ini nampak bukan begitu yang berlaku, di mana kita melihat cuma lebih

kurang 400 lebih yang telah pun dilaksanakan. Saya bimbang pegawai-pegawai yang memberi maklumat kepada Yang Berhormat ini ingin memanipulasikan keadaan yang sebenar.

Jadi saya minta Yang Berhormat supaya menyelidiki maklumat-maklumat ini sebab kita pun mempunyai *research* kita, kita pun ingin mengetahui sama ada telus SPNB melaksanakan amanah yang telah diberikan. Kita juga mendapat maklumat daripada sebilangan kakitangan di SPNB, kita tidak mahu sebut namalah, bahawa penangguhan Rumah Rakyat Termiskin ini tidak pun diketahui oleh Kementerian Kewangan, ianya dimanipulasikan oleh Pengarah Urusan itu sendiri.

Jadi, kementerian ini harus mencari bukti-bukti tertentu dan kita percaya, kita yakin bahawa sebab tidak ada guna kita bertegang urat di dalam Dewan ini, bukan untuk menyalahkan sesiapa tetapi kita tidak mahu kerajaan dianaya oleh segelintir pegawai kerajaan dan rakyat teraniaya keseluruhannya.

Jadi, saya meminta supaya Yang Berhormat sendiri kalau boleh panggilah kakitangan SPNB buatlah pemeriksaan kepada mereka, pegawai-pegawai atas mungkin berselindung tetapi pegawai-pegawai di bawah ini mereka tahu akan apa yang berlaku di peringkat akar umbi.

Jadi, maklumat-maklumat ini perlu tepat sebab kita perlu mengatasi secara bijaksana untuk memastikan bahawa mandat yang diberikan oleh rakyat ini dapat dimanfaatkan oleh kita semua. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Yang Berhormat bagi Bera.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, hendak beri Yang Berhormat bagi Berakah? Yang Berhormat bagi Bera, sila.

**Tuan Ismail Sabri bin Yaakob:** Yang Berhormat, saya sebenarnya lebih kurang sama sahaja dengan Yang Berhormat bagi Kinabatangan, cuma hendak melengkapkan. Tadi Yang Berhormat bagi Kinabatangan menyebut tentang walaupun 2,600 unit Rumah Mesra Rakyat diluluskan tetapi sehingga hari ini baru 457, itupun belum disiapkan. Saya hendak beri *detail* sebab tadi Yang Berhormat bagi Kinabatangan kata mungkin Timbalan Menteri tidak mempunyai data yang lengkap, mungkin laporan yang diberi tidak betul.

Apa yang saya ada di sini ialah status sehingga 30 Jun 2004, yang sudah disiapkan 105 unit sahaja daripada 2,600 tadi yang disiapkan 105 unit. *[Disampuk]* Berapa peratus? Yalah agaknya, saya matematik tidak berapa bagus. *[Ketawa]* Yang

sudah disiapkan 105 unit, normal *progress*, *progress* biasa - 235 unit. Yang memerlukan *urgent action*, ini ada masalah dalam pembinaan tetapi ada masalah - 109 unit. Jadi, semua sekali, 400 lebih. Saya dapat laporan daripada pihak SPNB sendiri. Tidak perlu tahu siapa yang beri saya, tetapi inilah keadaannya, daripada 2,600 unit yang patut disiapkan, yang siap cuma 105 unit, yang lain itu masih dalam *progress*.

Jadi, kalau pihak Timbalan Menteri menyebut bahawa boleh habis semua RM100 juta ini kerana adanya borang sedang diproses dan sebagainya, bermakna tidak mungkin saya kira pada tahun 2005, seperti yang dijangka, 2,600 unit tadi akan disiapkan, *impossible*. Terima kasih.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Yang Berhormat bagi Kalabakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Kalabakan, sila.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya persoalan yang saya ingin kemukakan kurang lebih sama juga tetapi berbeza sedikit kerana kelmarin Yang Berhormat katakan RM100 juta untuk 2,600 buah rumah. Ahli Parlimen bagi Jasin mengatakan, RM100 juta ini bukan untuk perumahan, dia kata beberapa juta sahaja untuk buat perumahan dan lain dilabur untuk memberi bonus kepada kakitangan.

Jadi, bererti di sini, ini pecah amanah Pengarah Urusan ini. *[Ketawa]* Pecah amanah. Kerajaan bagi untuk perumahan, dia labur untuk bayar bonus kepada kakitangan. Jadi, saya minta Penggerusi baru, kalau ini berlaku, kita tidak lagi segan silu untuk meminda atau menukar Pengarah Urusan ini. Ini kita mintalah, sebab mereka ini memberi maklumat kepada kementerian yang salah. Kalau sudah diberi maklumat yang salah kepada Parlimen, maka kementerian memberitahu Parlimen perkara yang salah kepada kami, wakil-wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat untuk mewakili mereka.

Jadi, kami bercakap di sini untuk memindah Pengarah Urusan ini, kami di belakang kementerian dan syarikat perumahan untuk menyokong supaya Pengarah seperti ini tidak layak duduk dalam syarikat perumahan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Jasin bangun.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Sila, sila, Yang Berhormat bagi Jasin hendak habiskan itu. Sila.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita harus akui SPNB ini ditubuhkan sebagai ejen pelaksana. Hasrat kerajaan hendak membantu rakyat memiliki rumah, bukan tujuan hendak cari untung. Mengapa yang gila-gila, sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri kata SPNB sudah beri dividen RM12 juta kepada kerajaan, walhal rakyat di bawah ini menunggu-nunggu. Yang tujuan kita ini ejen pelaksana untuk menyelesaikan masalah perumahan rakyat, itu sahaja. Kalau rugi pun lapor di Parlimen ini, insya-Allah kita halalkan. Itu sahaja! *[Tepuk]* Terima kasih.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Terima kasih, rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan ambil maklum, sebenarnya sebab itulah kerajaan melantik Pengerusi Eksekutif syarikat ini daripada kalangan Ahli Dewan dan saya percaya banyak peranan selepas ini akan dimainkan oleh syarikat ini bagi menjayakan hasrat kita semua.

Saya mengakui peranan perumahan ini tidak akan mudah kita selesaikan. Walau bagaimanapun, hasrat kerajaan melalui Kementerian Kewangan, saya percaya walaupun di peringkat pelaksanaannya saya tidak umumkan tadi, tidak diberitahu sebagaimana yang diberitahu oleh Yang Berhormat bagi Bera tetapi kita melihat sebagai keperluan syarikat ini untuk membangun ataupun untuk membina rumah mesra rakyat tentu sekali dengan RM100 juta hanya mampu dibina sebagaimana yang dikata sebanyak 2,600 unit sahaja.

Walau bagaimanapun, dengan tarikan serta borang-borang yang telah dikeluarkan hampir 16,085 borang, saya percaya tentu sekali jika kita ingin laksanakan hasrat ini tidak akan tercapai. Maka sebab itulah Ahli-ahli Yang Berhormat, dana murah ataupun dana yang kita wujudkan melalui pengsekuritian syarikat pinjaman perumahan yang saya baca ini perlu dijayakan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan dengan soal lantikan Pengerusi Eksekutif dengan pengalaman yang saya kata tadi, kemudian kita percaya dengan dana yang boleh kita tambah dari pihak kerajaan, saya percaya peranan sebagaimana hasrat Yang Berhormat bagi Jasin untuk melihat peranan membela rakyat melalui Skim Perumahan ini akan tercapai. Sukacita juga kita sebagai Ahli Yang Berhormat, selain daripada kita capai hasrat, saya percaya juga setiap syarikat kerajaan kita perlu juga

dimainkan oleh mereka yang boleh menjalankan peranan dan sekali gus, oleh kerana wang ini wang rakyat, kita juga tidak mahu mereka menguruskan dengan tidak cermat, tidak tepat dan syarikat mengalami kerugian, maka bila datang ke Dewan ini, kita juga yang membangkitkan soal-soal yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan untuk membentangkan.....

**Tuan Tan Kok Wai:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Cheras bangun.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai objektif setinggan sifar yang dicitakan oleh kerajaan dengan membina 35,000 unit rumah PPRT di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini oleh SPN tetapi walaupun tahun bagi mencapai matlamat ini adalah tahun 2005, hingga kini hanya 1/3 rumah PPRT telah pun siap ataupun akan siap tidak lama lagi. Apa yang berlaku sekarang ialah sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri dimaklumkan bahawa kebanyakan fasa-fasa baru yang dirancang untuk dilaksanakan bagi membangunkan PPRT di Kuala Lumpur ini telah diarah untuk diberhentikan. Apakah sebabnya? Adakah kerana SPN kekurangan tabung ataupun masalah-masalah yang lain?

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf di atas maklumat ini, saya tidak ada. Walau bagaimanapun, pada hemat saya peranan untuk membasmi kemiskinan yang diutamakan oleh kerajaan sama ada luar bandar dan bandar juga membasmi setinggan adalah sebenarnya peranan bersama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dewan Bandaraya dan agensi-agensi yang lain bukan sahaja kepada Syarikat Perumahan Negara. Walau bagaimanapun, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu akan saya lihat. Saya tidak ada apa-apa maklumat setakat ini untuk saya kemukakan di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan untuk membentangkan Akaun Kewangan SPNB di Parlimen, ia tidak perlu memandangkan bahawa SPNB ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 di mana penyata kewangan tahunan perlu dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan dan dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia sejak tahun kewangannya.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit mengulas soal yang dibangkitkan pada hari kelmarin oleh Yang Berhormat bagi Labuan mengenai peranan kerajaan kepada golongan kakitangan rendah dan kakitangan bawahan untuk mendapatkan pinjaman

perumahan. Kerajaan mempunyai kemudahan pinjaman bagi semua kakitangannya dan yang layak boleh memohon pinjaman-pinjaman perumahan mengikut peraturan yang sedia ada. Had pinjaman ialah di antara RM40,000 bagi kakitangan bergaji RM599 ke bawah dan RM300,000 bagi mereka yang mempunyai gaji yang melebihi RM3,500 sebulan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Seputeh bangun.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Sila.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya masih menunggu jawapan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, tentang soalan saya, apakah kriteria pelantikan Pengerusi Eksekutif? Mengapakah Yang Berhormat bagi Putrajaya dilantik jadi Pengerusi Eksekutif? Adakah pelantikan ini diberikan sebagai pampasan kepada beliau kerana beliau tidak masuk dalam Kabinet? Itu soalan saya.

**Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab soalan ini tadi. Saya percaya Yang Berhormat kalau ada di Dewan ini, tidak dengar.

Mengenai pegawai kontrak dan juga sementara, memang pihak kerajaan tidak mempunyai Skim Perumahan kepada mereka kerana pinjaman perumahan mempunyai tempoh bayaran balik yang panjang, biasanya hampir 25 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai had pinjaman perumahan, sentiasa dikaji dan diubah untuk mengambil kira harga hartanah semasa dan yang paling terakhir kerajaan menaikkan kadar kelayakan pinjaman ialah pada tahun 2001 di mana kadar kelayakan terendah dinaikkan daripada RM25,000 kepada RM40,000 dan yang tertinggi daripada RM200,000 kepada RM300,000.

Mengenai pinjaman perumahan oleh institusi perbankan yang dibangkitkan oleh wakil Yang Berhormat bagi Setiu kepada Yang Berhormat bagi Labuan, untuk makluman Dewan, institusi perbankan telah memainkan peranan penting juga dalam memberi pinjaman perumahan kepada rakyat di negara kita ini di mana lebih daripada 25% daripada jumlah pinjaman perbankan adalah bagi perolehan harta untuk kediaman.

Pada akhir tahun 2003, baki pinjaman perumahan yang diberikan oleh bank perdagangan dan syarikat kewangan berjumlah hampir RM115 bilion dan dari jumlah ini, 30% atau RM34 bilion diberikan kepada pinjaman perumahan berharga RM100,000 seunit.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong mengenai pembelian rumah secara "Al-Bithaman Ajil" – konsep yang dijalankan oleh pinjaman perumahan. Ini bermakna jualan dengan harga tangguh, dengan izin, *deffered payment sales*, iaitu menjual harta kepada pembeli dan ditangguhkan bayaran balik sehingga ke satu masa yang ditetapkan dan dengan bayaran beransur-ansur. Di bawah cadangan pengsekuritian ini, penerbitan bon secara Islam akan juga dilaksanakan. Ini akan dapat memantapkan lagi pasaran bon Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak tepat kalau saya tidak mengulaskan soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Labuan petang kelmarin mengenai kedudukan kewangan kerajaan di mana beliau telah berpandangan bahawa tujuan kerajaan menerbitkan MDS ialah untuk menampung ketidakcukupan sumber kewangan kerajaan. Ingin saya tegaskan di sini bahawa kedudukan kewangan kerajaan terus kukuh berikutan langkah konsolidasi yang telah dilaksanakan untuk memantapkan lagi kedudukan kewangannya.

Hasil kerajaan telah terus meningkat setara sebanyak 10% setahun daripada RM62 bilion pada tahun 2000 kepada RM93 bilion pada tahun 2003. Sebaliknya, peratusan peningkatan perbelanjaan telah dapat dibendung dari 21% dalam tahun 2000 kepada 10.5% pada tahun ini bagi perbelanjaan mengurus. Sementara bagi perbelanjaan pembangunan dikurangkan daripada 24% kepada 14%. Ini bermakna peratusan peningkatan jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan keseluruhannya telah dapat dikurangkan dari 17% kepada 2.4%.

Berikutan daripada langkah berhemah ini, kedudukan kewangan kerajaan terus kukuh dengan defisit keseluruhannya terus berkurangan daripada paras tertinggi sebanyak 5.8 peratus daripada KDNK pada tahun 2000 kepada 5.3 peratus pada tahun 2003 dan dalam lingkungan empat peratus yang dianggarkan pada tahun ini.

Dalam hal ini saya ingin menekankan bahawa kerajaan terus komited untuk mencapai belanjawan berimbang dalam tempoh terdekat. Berikutan daripada kejayaan kerajaan melaksanakan konsolidasi kewangannya, agensi-agensi penarafan

antarabangsa telah menaikkan taraf penarafan negara kita atau dengan izin, *sovereign rating* bagi Malaysia daripada *BBB+* kepada *A-* oleh *Standard & Poor's* iaitu setanding dengan negara Korea dan bagi *BAA2* kepada *BAA1* oleh *Moody's* lebih tinggi daripada negara Thailand.

Sebenarnya kerajaan berkemampuan untuk membiayai defisit yang terus berkurangan dengan hanya menerbitkan MGS. Walau bagaimanapun, seperti yang saya telah tegaskan beberapa kali, pensekuritian ini telah dirangka dengan tujuan utama untuk memantapkan lagi pasaran bon negara, terutamanya bagi menerbitkan bon berjangka panjang yang sangat berkurangan di pasaran pada masa ini di samping dapat mempromosikan terbitan bon berasaskan aset sebagai instrumen baru dalam pasaran modal negara.

Semua ini akan menyediakan *benchmarking* kepada sektor swasta untuk menerbitkan instrumen yang sama bagi keperluan pembiayaan mereka dengan kos pembiayaan yang lebih efisien dan rendah. Dengan ini ia akan dapat menyumbang kepada peningkatan aktiviti pelaburan sektor swasta dan seterusnya kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusan, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa pelaksanaan pensekuritian pinjaman perumahan ini bertujuan untuk membangun dan memantapkan lagi pasaran bon negara sebagaimana yang saya katakan tadi, terutamanya penggunaan sekuriti berasaskan aset sebagai satu instrumen kewangan baru untuk memperoleh dana di pasaran modal serta mempelbagaikan dan menambah kecanggihan produk-produk di pasaran bon tempatan. Ini bertujuan menampung kepelbagaian keperluan pelabur dan penerbit bon sejajar dengan teras utama agenda pembangunan pasaran bon tempatan.

Pensekuritian ini hanya melibatkan kerajaan menjual pinjaman perumahan kepada penerbit yang pula akan menerbitkan sekuriti berasaskan aset untuk membiayai pembelinya. Dalam proses ini tidak ada perubahan sama sekali terhadap kedudukan kerajaan sebagai pemegang gadaian atau sekuriti ke atas aset yang telah dicagarkan kepada kerajaan.

Saya juga ingin menekankan bahawa pensekuritian ini tidak akan dilaksanakan sekali gus dengan penerbitan bon sebanyak RM25 bilion. Malahan penerbitannya akan dilaksanakan secara berjadual dan dari semasa ke semasa mengikut keadaan dan keperluan pasaran. Butir-butir mengenai pensekuritian ini sedang diteliti

terutamanya penjadualan, pricing dan sais penerbitannya. Mengenai respons daripada sektor swasta, ia amatlah menggalakkan dan mereka sangat menyokong cadangan ini berasaskan kepada manfaat yang mereka akan perolehi daripada cadangan ini seperti yang saya nyatakan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberikan jaminan bahawa kepentingan peminjam kakitangan kerajaan dan kedudukan Bahagian Pinjaman Perumahan tidak akan berubah. Syarat dan terma pinjaman perumahan termasuk kadar faedah serta proses permohonan dan kelulusannya juga akan terus dikekalkan. Dengan pensekuritian ini penswastaan dan pengkorporatan Bahagian Pinjaman Perumahan kerajaan tidak akan dilaksanakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahasa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

**Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.**

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 3** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan Majlis sekarang.

**Majlis Mesyuarat bersidang semula.**

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN  
(2003) 2004****Bacaan Kali Yang Kedua****Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2003 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan ekonomi terkini, alhamdulillah kita bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana prestasi ekonomi negara kita terus positif. Kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku tahun pertama tahun 2004 telah berkembang pada kadar 7.6 peratus berbanding 4.6 peratus pada suku tahun pertama tahun 2003. Kadar ini juga merupakan yang paling tinggi sejak suku ketiga tahun 2003 malah lebih tinggi berbanding negara-negara jiran ASEAN, Korea, Taiwan dan Hong Kong. Permintaan agregat terus mengukuh dengan mencatat pertumbuhan sebanyak tujuh peratus.

Kerancakan pertumbuhan ini sebahagian besarnya telah diterajui oleh sektor swasta hasil daripada pengukuhan dalam perbelanjaan pengguna dan peningkatan aktiviti pelaburan swasta. Dalam tempoh yang sama juga, kadar inflasi terus kekal pada tahap yang rendah. Kadar Indeks Harga Pengguna bagi suku pertama 2004 adalah pada tahap satu peratus berbanding 1.2 peratus bagi tempoh yang sama tahun 2003 manakala prestasi Bursa Malaysia juga menunjukkan lantunan peningkatan yang menggalakkan.

**Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 2003 -**

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2003 – Peruntukan tambahan ini dibentangkan menurut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan. Ia adalah bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2003 yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Sebelum saya meneruskan ucapan ini, saya mohon memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Maksud-maksud Bekalan ‘B’ untuk Perbelanjaan Mengurus dan Maksud-maksud Pembangunan ‘P’ untuk Perbelanjaan Pembangunan dalam Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2003 bagi kementerian dan jabatan terlibat dalam anggaran tambahan ini adalah seperti Maksud Bekalan dan Pembangunan Bajet 2003. Oleh kerana itu, nama kementerian dan jabatan bagi Maksud-maksud ‘B’ dan ‘P’ yang berkenaan adalah seperti nama yang asal sebelum penyusunan semula kementerian dan jabatan yang berkuat kuasa pada 27 Mac 2004 yang lalu.

Keseluruhan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2003 yang dibentangkan adalah berjumlah RM21,062,672,329. Daripada jumlah tersebut, hanya RM18,988,403,497 dipohon untuk diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-Undang. Ini kerana bakinya sebanyak RM2,074,268, 832 merupakan perbelanjaan tanggungan yang tertakluk kepada perbekalan undang-undang tertentu. Saya suka memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sejumlah RM17,384,226,417 daripada RM18,988,403,497 keseluruhan anggaran tambahan yang dipohon dan diluluskan ini merupakan lebihan daripada Akaun Hasil Disatukan yang perlu dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

Ini adalah selaras dengan keperluan undang-undang di bawah subseksyen 10 (1) (a) Akta Tatacara Kewangan 1957 yang mana lebihan hasil yang dipindahkan tersebut perlu ditunjukkan sebagai Perbelanjaan Mengurus di bawah Maksud B.30 Peruntukan kepada Kumpulan Wang Berkanun.

Tuan Yang di-Pertua, untuk Belanja Mengurus Tahun 2003 sebenarnya, masih mempunyai baki peruntukan yang tidak dibelanjakan sebanyak RM1,853,961,041 manakala bagi Belanja Pembangunan pula telah terlebih belanja sebanyak RM661,816,756. Oleh itu secara keseluruhannya, peruntukan tahun 2003 masih mempunyai baki yang tidak dibelanjakan sebanyak RM1,192,144,285.

Walau bagaimanapun, oleh kerana pindahan antara Maksud Bekalan tidak boleh dilakukan, maka peruntukan tambahan perlu dikemukakan kepada Dewan yang mulia ini untuk diluluskan. Antara sebab utama keperluan tambahan ini adalah untuk menampung pembayaran Pembayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi 2003 yang pada asalnya tidak diperuntukkan bagi beberapa kementerian.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, keseluruhan jumlah bayaran bonus bagi kakitangan awam tahun lalu telah melibatkan peruntukan sebanyak RM1,261,111,286 merupakan satu jumlah yang besar. Kerajaan tetap mengambil keputusan untuk membayarnya sebagai tanda berterima kasih kepada kakitangan awam yang telah sama-sama membantu melaksanakan dasar-dasar kerajaan. ini juga menunjukkan kerajaan kita merupakan majikan yang prihatin dan sayang kepada pekerjanya. Secara terperincinya peruntukan tambahan yang dipohon untuk diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-Undang ini adalah seperti berikut:

Sebanyak RM528.9 juta di bawah Maksud B.34 - Kementerian Kesihatan bagi tujuan seperti berikut:

- (i) sebanyak RM508.9 juta adalah untuk membiayai pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia, elaun lebih masa, elaun bertugas atas panggilan, elaun insentif klinik selepas waktu pejabat dan Bayaran Imbuhan Tahunan serta Bayaran Khas Prestasi 2003; dan
- (ii) sebanyak RM22 juta untuk membiayai Program Kempen Anti-Merokok (Tak Nak).

Sebanyak RM174.5 juta di bawah Maksud B.25 - Kementerian Pertahanan diperlukan untuk tujuan seperti berikut:

- (i) sebanyak RM126.8 juta bagi membiayai Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi 2003; dan
- (ii) sebanyak RM47.7 juta untuk membiayai bayaran perbekalan peralatan aktiviti keselamatan dan penyelenggaraan Angkatan Tentera Diraja Malaysia.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Sebanyak RM172. 7 juta di bawah Maksud B.28 - Perbendaharaan dikehendaki bagi membiayai perbelanjaan disebabkan oleh kenaikan gaji, pertambahan perjawatan baru dan bagi membiayai aktiviti pemeriksaan, penyiasatan, penaksiran, pemungutan dan penguatkuasaan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Sebanyak RM172 juta di bawah Maksud B.08 - Jabatan Perkhidmatan Awam bagi membiayai Program Tajaan Pelajar Dalam dan Luar Negeri bagi tahun 2003.

Sebanyak RM143.6 juta di bawah Maksud B.35 - Kementerian Dalam Negeri diperlukan bagi menampung emolumen bagi tambahan perjawatan baru penyelarasan gaji anggota Polis Diraja Malaysia dan Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi 2003.

Sebanyak RM100 juta di bawah Maksud B.30 - peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun bagi membiayai pinjaman latihan dan kemahiran di bawah Tabung Pembangunan Kemahiran Kementerian Sumber Manusia.

Sebanyak RM74.2 juta di bawah Maksud B.45 - Kementerian Sumber Manusia untuk tujuan berikut:

- (i) sebanyak RM70 juta bagi melaksanakan Skim Latihan Graduan bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang teknologi maklumat, komunikasi dan perakaunan kepada graduan yang menganggur; dan
- (ii) sebanyak RM 4.2 juta bagi membiayai Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi 2003.

Sebanyak RM68.4 juta di bawah Maksud B.14 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi melaksanakan Program Kebersihan bagi membendung, mengawal dan menghindar dari merebaknya penyakit berjangkit.

Sebanyak RM45.4 juta di bawah Maksud B.44 – Kementerian Penerangan bagi membiayai penajaan siaran langsung Sukan SEA Ke-22 di Vietnam serta bayaran sewa dan cukai Telekom.

Sebanyak RM33.7 juta di bawah Maksud B.33 – Kementerian Kerja Raya bagi menampung sebahagian daripada perbelanjaan bayaran pampasan tol kepada syarikat konsesi.

Sebanyak RM26 juta di bawah Maksud B.07 – Jabatan Perdana Menteri untuk menampung perbelanjaan bagi meneruskan Program Peningkatan Kemahiran Siswazah di bawah Skim Latihan Graduan yang telah bermula sejak tahun 2001.

Sebanyak RM20.8 juta di bawah Maksud B.20 – Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri diperlukan bagi menampung bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi 2003 untuk Perbadanan Produktiviti Negara dan bagi mewujudkan tabung mempromosikan jenama Malaysia di bawah Program Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

Sebanyak RM19.2 juta di bawah maksud B.38 Kementerian Pengangkutan untuk membiayai bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi 2003, sewaan bangunan dan bayaran rebet, bantuan khusus bayaran pekerja kontrak, utiliti, kos penyelenggaraan dan bayaran kepada Pelabuhan Tanjung Pelepas.

Sebanyak RM8.1 juta di bawah maksud B.40 Kementerian Pembangunan Luar Bandar diperlukan bagi membiayai bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi 2003.

Sebanyak RM5.3 juta di bawah maksud B.10 Jabatan Peguam Negara bagi membiayai tambahan perbelanjaan mengurus berikutan penyusunan semula jabatan yang melibatkan pengubahsuaian ruang pejabat, tambahan bayaran emolumen dan saraan hidup kakitangan.

Sebanyak RM4 juta di bawah maksud B.31 Jabatan Kastam Diraja Malaysia diperlukan bagi membiayai bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi 2003.

Sebanyak RM3.4 juta di bawah maksud B.11 Badan Pencegah Rasuah bagi membiayai emolumen pegawai lantikan baru, bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi 2003 dan penyelenggaraan kenderaan.

Sebanyak RM3.1 juta di bawah maksud B.05 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang diperlukan untuk menampung perbelanjaan bagi menyelaras semula Akaun Amanah Jabatan Akauntan Negara, menjelaskan bayaran percetakan borang sistem pengambilan sepanjang masa dan bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi 2003.

Sebanyak RM1 juta di bawah maksud B.18 Kementerian Perusahaan Utama diperlukan bagi membiayai bayaran imbuhan tahunan dan bayaran khas prestasi 2003 bagi Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Sebanyak RM1 juta di bawah maksud B.03 Jabatan Audit Negara bagi membiayai pelaksanaan sistem saraan baru dan sebanyak RM1 juta di bawah maksud B.24 Jabatan Muzium dan Antikuiti diperlukan bagi membiayai bayaran perbelanjaan makam dan tapak sejarah, bayaran perkhidmatan kawalan keselamatan dan perkhidmatan pameran.

Tuan Yang di-Pertua, pemindahan lebihan hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan, mengikut subseksyen 10(1)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 pindaan lebihan amaun dari Akaun Hasil Disatukan ke dalam kumpulan wang tertentu termasuk Kumpulan Wang Pembangunan hendaklah dilaksanakan melalui peruntukan undang-

undang. Oleh yang demikian, bagi tahun 2003 lebih dari Akaun Hasil Disatukan yang perlu dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM17,384.2 juta perlu ditunjukkan sebagai perbelanjaan mengurus di bawah maksud B.30 peruntukan Kumpulan Wang Terkanun.

Butir-butir penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2003 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15 tahun 2004 dan Memorandum Pertendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 15A tahun 2004.

#### **Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2003 –**

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya mengemukakan **Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2003**. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2003 adalah berjumlah RM6,134,594,520.00 Daripada jumlah tersebut sebanyak RM5,506,594,510.00 adalah untuk perbelanjaan secara langsung dan sebanyak RM628,000,010.00 perbelanjaan pinjaman.

Tambahan tersebut adalah diperlukan bagi membiayai projek-projek pembangunan kementerian dan jabatan seperti berikut:

Sebanyak RM135.5 juta di bawah maksud B.17 Kementerian Belia dan Sukan memerlukan peruntukan tambahan bagi membiayai projek dan program seperti berikut:

- (i) sebanyak RM69.1 juta adalah dikehendaki untuk membiayai pembelian peralatan di lapan Institut Kemahiran Belia Negara.
- (ii) Sebanyak RM26.4 juta diperlukan untuk membiayai pembinaan 17 kompleks Rakan Muda dan
- (iii) sebanyak RM40 juta adalah dikehendaki untuk pinjaman kepada Kerajaan Negeri Melaka bagi membiayai pembayaran kemajuan projek Kompleks Sukan Negeri Melaka.

Sebanyak RM188.7 juta di bawah maksud P.19 Kementerian Pertanian memerlukan peruntukan tambahan untuk melaksanakan program tebatan banjir, Storm Water Management and Road Tunnel (SMART) sebanyak RM1,609.5 juta.

Di bawah maksud P.25 Kementerian Pertahanan memerlukan peruntukan tambahan bagi membiayai projek dan program seperti berikut:

- (i) sebanyak RM233.5 juta adalah dikehendaki untuk membiayai projek-projek pembinaan Angkatan Tentera Darat yang dalam pembinaan seperti projek pembinaan Kompleks Pusat Latihan Gabungan Pasukan Tempur 51 Rejimen Artilleri Diraja Gemas, Kompleks Group Gerak Khas Mersing dan projek Infrastruktur.
- (ii) Sebanyak RM523.6 juta adalah dikehendaki untuk membiayai kelengkapan Angkatan tentera Darat seperti *Main Battle Tank*, peralatan *armoured comfit system*, persenjataan udara, projek JERNAS iaitu sistem peluru berpandu bumi ke udara, *TK Transporter*, peluru 25 mm, simulator, meriam 155 mm, *Armoured Combat Vehicle (ACV) 300 Adnan*, *floating bridge* dan 51 Rejimen Artilleri Diraja Gemas, *Multi Launch Rocket System (MLRS)*.
- (iii) Sebanyak RM121.3 juta adalah dikehendaki untuk membiayai projek-projek pembinaan Angkatan Tentera Laut yang dalam pembinaan seperti Pangkalan Mawilla Tiga Langkawi, Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia Telok Sepanggar dan Semporna Sabah dan
- (iv) sebanyak RM731.1 juta adalah dikehendaki untuk membiayai kelengkapan Angkatan Tentera Laut Diraja Malaysia seperti pembelian helikopter *fennec*, kapal peronda (PV), helikopter *Super Lynk* dan kapal selam *Scorpene*.

Sebanyak RM974.2 juta di bawah maksud B.26 Kementerian Pendidikan memerlukan peruntukan tambahan bagi membiayai projek dan program seperti berikut:

- (i) sebanyak RM145.9 juta adalah dikehendaki untuk membiayai 103 projek sekolah baru dan menyiapkan 69 projek sekolah tambahan gantian untuk sekolah rendah.
- (ii) Sebanyak RM29.2 juta adalah dikehendaki untuk membiayai 122 projek sekolah baru dan menyiapkan 43 projek sekolah tambahan atau gantian untuk sekolah menengah.
- (iii) Sebanyak RM11.5 juta adalah dikehendaki untuk membiayai 4 projek sekolah teknikal dan vokasional dalam perlaksanaan dan

- pembiayaan perabot dan peralatan bagi 29 projek yang telah siap.
- (iv) Sebanyak RM115.6 juta adalah dikehendaki untuk membiayai 12 projek politeknik dalam perlaksanaan dan pembiayaan perabot dan peralatan.
  - (v) Sebanyak RM39.8 juta adalah dikehendaki untuk membiayai pembayaran kemajuan projek Universiti Putera Malaysia.
  - (vi) Sebanyak RM36 juta adalah dikehendaki untuk membiayai pelaksanaan projek penswastaan rumah guru Fasa 1, empat projek pembelian terus dan 235 projek di bawah Jabatan Kerja Raya.
  - (vii) Sebanyak RM53.1 juta adalah dikehendaki untuk membiayai 182 projek asrama dan pembinaan. Sebanyak RM17.3 juta adalah dikehendaki untuk membiayai pembayaran kemajuan projek Universiti Teknologi Malaysia.
  - (viii) Sebanyak RM2.5 juta adalah dikehendaki untuk membiayai projek pembangunan kerja-kerja awalan, projek cawangan Universiti Teknologi MARA Puncak Alam dan bayaran kemajuan projek yang sedang berjalan.
  - (ix) Sebanyak RM80.7 juta adalah dikehendaki untuk membiayai pelaksanaan projek bekalan air di 300 sekolah di Sarawak dan 144 sekolah di Sabah.
  - (x) Sebanyak RM17.8 juta adalah dikehendaki untuk membiayai pembelian tanah bagi kegunaan institusi pendidikan.
  - (xi) Sebanyak RM1.6 juta adalah dikehendaki untuk membiayai pembayaran kemajuan projek-projek Universiti Malaysia Sarawak.
  - (xii) Sebanyak RM51 juta adalah dikehendaki untuk membiayai pembayaran kemajuan projek Universiti Malaysia Sabah.
  - (xiii) Sebanyak RM31.6 juta adalah dikehendaki untuk membiayai 18 projek Kolej Komuniti dalam pembinaan dan sebanyak RM59.6 juta adalah dikehendaki untuk menyelaras pembayaran

pembelian bangunan baru bagi Jabatan Penuntut Malaysia London.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM718.9 juta di bawah Maksud P.28 - Perbendaharaan memerlukan peruntukan tambahan bagi membiayai projek dan program seperti berikut:

- (i) Sebanyak RM100.9 juta adalah dikehendaki untuk pembayaran pengambilan balik tanah persendirian bagi melaksanakan projek Pusat Pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kurantin (CIQ) di Johor Bahru, Johor.
- (ii) Sebanyak RM300 juta adalah di perlukan bagi memenuhi jadual pengeluaran pinjaman di bawah perjanjian *bilateral* yang telah di meterai oleh kerajaan dengan *Japan Bank Infrastructural Corporation* (JBIC) Jepun dan
- (iii) sebanyak RM318 juta adalah diperlukan bagi menjelaskan bayaran kepada Inventure Jaya Sdn. Bhd untuk melaksanakan projek R&D dan teknologinya.
- (iv) Sebanyak RM228 juta adalah dalam bentuk pinjaman.

Sebanyak RM175.6 juta di bawah Maksud P.31 - Jabatan Kastam Diraja Malaysia memerlukan peruntukan tambahan bagi membiayai pembayaran kemajuan projek pejabat dan perumahan kastam Wilayah Persekutuan Kelana Jaya Kuala Lumpur. Disebut Kelana Jaya tetapi untuk Kastam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Sebanyak RM922.8 juta di bawah Maksud P.33 - Kementerian Kerja Raya memerlukan peruntukan tambahan bagi membiayai projek-projek menaik taraf dan memperelokkan jalan, pembinaan jalan-jalan baru, persimpangan bertingkat dan jejambat.

Sebanyak RM701.3 juta di bawah Maksud P.34 - Kementerian Kesihatan memerlukan peruntukan untuk membiayai sepuluh hospital baru iaitu, Hospital Selayang, Ampang, Serdang, Sungai Buluh di Selangor, Hospital Alor Setar di Kedah, Hospital Setiu di Terengganu, Hospital Temerloh di Pahang, Hospital Sarikei di Sarawak dan Hospital Lahat Datu dan Pitas di Sabah.

Sebanyak RM42.5 juta di bawah Maksud P. 35 - Kementerian Keselamatan Dalam Negeri memerlukan peruntukan untuk pembelian alat perhubungan radio Polis Diraja Malaysia.

Sebanyak RM577 juta di bawah Maksud P.38 - Kementerian Pengangkutan memerlukan peruntukan bagi membiayai projek dan program antaranya meningkatkan keupayaan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).

Pengerukan laluan masuk kapal di Pelabuhan Tanjung Pelepas, pemberian dan pembelian di bawah Jabatan Laut Semenanjung serta pembelian rumah kakitangan dan pejabat di Kota Kinabalu.

Sebanyak RM60 juta di bawah Maksud P.39 - Kementerian Pembangunan Usahawan memerlukan tambahan peruntukan untuk pendahuluan bagi peruntukan tambahan projek pemberian modal secara pinjaman kepada peniaga kecil bumiputera.

Sebanyak RM13 juta di bawah Maksud P.42 - Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memerlukan tambahan peruntukan untuk bayaran kemajuan projek-projek institusi kebajikan.

Sebanyak RM15.6 juta di bawah Maksud P.44 - Kementerian Penerangan memerlukan tambahan peruntukan untuk menjelaskan tanggungan pelaksanaan projek-projek pembangunan dan sebanyak RM80 sebagai peruntukan tanda bagi Maksud-maksud pembangunan P.7 Jabatan Perdana Menteri, P.20 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, P.36 Kementerian Luar Negeri dan P.37 Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

Butir-butir dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2003 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun, 2004 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16A Tahun 2004.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Kedua 2003 selepas ucapan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**USUL****ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN  
(TAMBAHAN) (BIL.2) 2003**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul yang dikemukakan atas nama Kementerian Kewangan Dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak enam bilion satu ratus tiga puluh empat juta lima ratus sembilan puluh empat ribu lima ratus dua puluh ringgit (RM6,134,594,520) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2003, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2003 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun, 2004 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut, hendaklah disahkan.”

Diserahkan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2003 dan bagi mempergunakan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu dalam tahun itu, dibacakan bagi kali yang kedua sekarang, dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang. Kedua-duanya masalah tersebut terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat oleh sebab kita ada satu hari sahaja untuk berbahas perkara dasar dan dua hari untuk berbahas di peringkat Jawatankuasa, maka saya terpaksa mengehadkan perbahasan dasar ini kepada 15 minit dan kepada perbahasan peringkat Jawatankuasa kepada 10 minit kepada seseorang Ahli. Ya, sila.

**12.25 tgh.**

**Tuan Lim Kit Siang:** Tiada masa lebih, kita boleh buang masa lima hari atas isu-isu *irrelevant*, 80 peratus ini RM27 bilion kita mahu hadkan, bukan tidak boleh panjangkan masa sampai malam itu mustahak. Bolehkah lebih masa diperuntukkan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi mengikut Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat, tiga hari diperuntukkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tahu, tapi jam boleh dipanjangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila Yang Berhormat 15 minit Yang Berhormat, ya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak lebih daripada itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila-sila teruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa *reform* ada, *reform* Parlimen. Apa *reform* Parlimen! Ini joke! Parlimen *become a joke*. Ya, tengok itu RM27 bilion lima hari buang masa, *irrelevant*. Kita harap kita boleh kaji dalam perkara ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Kita mahu serius.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat minta maaf, Yang Berhormat kita ada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat, barangkali kita boleh mengadakan mesyuarat akan datang.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya, saya harap lebih masa boleh diberikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang kita terpaksa mengikut..

**Tuan Lim Kit Sing:** Ya, saya tahu, itu tahu, itulah..

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dia tidak ada apa-apa hal, kita mahu bercakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Kalau dia tidak hendak cakap, kita hendak cakap Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, 100 hari telah berlalu sejak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memenangi mandat luar biasa dalam Pilihan Raya Umum Mac tahun ini dengan menguasai sembilan per sepuluh majoriti Parlimen, iaitu 198 dari 219 kerusi Parlimen dan baru-baru ini bertambah menjadi 199 dengan Pasir Putih.

Baru Selasa yang lepas Yang Amat Berhormat telah muncul dalam satu wawancara RTM1 sempena dengan hari 252 beliau menjawat jawatan Perdana Menteri. Saya pernah berkata bahawa Yang Amat Berhormat harus diberi tempoh tiga tahun sebelum satu keputusan mengenai prestasinya boleh dibuat, tetapi ini tidak bererti bahawa tafsiran peringkat interim dan berkala tidak harus dilakukan ke atas prestasinya yang memimpin negara ini.

Pada hakikatnya ini, tafsiran berkala terhadap prestasi sebagai Perdana Menteri mengenai jurang antara yang janji dan yang ditunaikan, sebenarnya adalah berguna untuk membantu dan memastikan bahawa Yang Amat Berhormat berpegang kepada janji-janjinya mengenai kerajaan yang bersih berkesan, *accountable*, telus, berjwakan rakyat dan tidak korup dan bersedia mendengar perkara yang benar dari rakyat serta moto dan slogan “Cemerlang, Gemilang, Terbilang”. Perbahasan hari ini ke atas peruntukan tambahan merupakan salah satu peluang yang berkenaan

Yang Amat Berhormat telah mencerahkan harapan bahawa beliau berkomited terhadap kerja memerangi rasuah, tetapi soalnya adakah berapa ramai dari mereka yang ada di dalam Kabinet, kerajaan dan Barisan Nasional benar-benar berkomited juga ataupun menjadi pengikut baru kepada kempen memerangi rasuah ini.

Rakyat Malaysia semakin yakin bahawa Yang Amat Berhormat sebenarnya seorang diri sahaja dalam perang menentang rasuah in kerana beliau nampaknya tidak mendapat sokongan sepenuhnya dari Barisan Nasional, Kabinetnya serta seluruh jentera kerajaan dalam kempen ini sungguhpun mereka menyokong beliau sebagai Perdana Menteri.

Usaha Perdana Menteri untuk membina budaya politik baru yang bertoleransi sifir terhadap rasuah tidak menampakkan kesan yang meluas dan membawa perubahan yang ketara ke atas sistem politik kita yang kelihatan menjunam dari tempat ke-23 di indeks persepsi rasuah tahunan *Transparency International* pada 1995, ke tempat 37 dalam tahun 2003, satu kejatuhan 14 kedudukan.

Inilah mengapa berlakunya sandiwara dan kemarahan orang ramai apabila Dewan Undangan Negeri Perak menolak usul yang dibentangkan oleh DAP yang memberikan sokongan sepenuhnya kepada kempen menentang rasuah Perdana Menteri, alasan tidak relevan dan tidak penting.

Ini juga disebabkan mengapa timbulnya skandal RM100 juta hutang Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum berkait dengan pembekalan poster dan lain-lain kelengkapan kepada syarikat Elegant Advisory, yang secara puratanya menjadikan setiap Ahli Parlimen Barisan Nasional melanggari undang-undang pilihan raya yang mengehadkan perbelanjaan pilihan raya, tanpa mengambil kira lain-lain perbelanjaan pilihan raya mereka.

Inilah juga mengapa timbulnya skandal menutup 18 kes rasuah profil tinggi. Adalah sungguh malang dan menyedihkan bahawa mesyuarat pertama Parlimen Kesebelas yang berlangsung Mei hingga Jun telah gagal menunjukkan kepada rakyat Malaysia dan masyarakat dunia amnya mesej yang jelas bahawa kini telah wujud semangat politik yang baru bagi pihak kerajaan dan Parlimen untuk melancarkan perang habis-habisan ke atas gejala rasuah berikut dengan tiga isu yang berikut:

Pertama, percubaan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, untuk mengelak dari menjawab mengenai 18 kes rasuah profil tinggi yang didedahkan oleh bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 13 Februari 2004, setelah bekas Ketua Pegawai Eksekutif Perwaja Steel Bhd, Tan Sri Eric Chia serta bekas Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam di tahan dan didakwa di mahkamah bagaikan 18 lagi kes-kes rasuah profil tinggi itu telah tiba-tiba hilang dengan begitu sahaja.

Penafian Barisan Nasional yang mengarahkan atau tahu menahu mengenai siri iklan pilihan raya hantu BN mengenai berjuta-juta ringgit dalam surat khabar-surat khabar bahasa Cina, khasnya yang memaparkan Yang Amat Berhormat sebagai *Justic Power*, zaman baru yang bertekad membersihkan kerajaan Barisan Nasional yang *corrupt* dan reput ke akar umbinya. Perkara ini membangkitkan persoalan sama ada kerajaan Barisan Nasional kini tidak lagi mempunyai semangat anti rasuah yang pernah dilaung-laungkan semasa kempen pilihan raya dulu itu.

Ketiga, kekurangan respons yang positif terhadap cadangan untuk menujuhkan sebuah jawatankuasa pilihan integriti nasional untuk membekalkan kepimpinan dan sokongan Parlimen terhadap agenda Yang Amat Berhormat untuk memerangi rasuah secara habis-habisan. Yang Berhormat Menteri telah berkata dalam jawapannya semasa menggulung perbahasan di atas Titah Ucapan Diraja pada 2 Jun 2004, bahawa 18 kes rasuah profil tinggi yang dirujuk oleh bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri adalah bulan Februari tahun ini, termasuk juga bekas Ketua

Pegawai Eksekutif Perwaja Steel, Tan Sri Eric Chia serta Menteri Tanah begitu, jelaslah jawapan ini palsu.

Dalam ucapan ini kita perlulah satu keterangan yang sebenarnya yang apa berlaku terhadap kes 18 kes profil tinggi, khasnya oleh sebab Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah, Datuk Zulkifli bin Md Nor, ada berkata di Bintulu pada 27 Mei, bahawa 18 kes rasuah tinggi ini telah siap disiasat oleh BPR sedang menunggu keputusan dari Peguam Negara mengenai tindakan yang harus diambil dan kenyataan pun ada dilaporkan di *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia* pada 28 Mei 2004.

Percubaan mengelirukan dan *contradiction* dan menutup keputusan 18 kes rasuah profil tinggi ini telah mewujudkan satu jurang kredibiliti yang serius serta mencetuskan krisis keyakinan mengenai sama ada kerajaan sememangnya mempunyai semangat politik untuk menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya perang habis-habisan dilancarkan ke atas genjala rasuah.

Semalam saya menerima jawapan daripada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri terhadap soalan saya mengenai keputusan siasatan BPR tahun 1997 dan 2002 terhadap bekas Presiden MCA dan Menteri Pengangkutan Dato' Seri Ling Liong Sik dan sama ada wajar beliau dianugerahkan dengan gelaran Tun, sedangkan kesnya masih di bawah siasatan BPR.

Daripada jawapan beliau saya ada timbulkan persoalan yang berikut. Mengapa BPR mengambil masa dua tahun untuk selesaikan kerja siasatan ke atas dua laporan saya dan sebenarnya perkara mudah dan terus terang. Kedua, apakah keputusan Peguam Negara ke atas kertas siasatan laporan BPR kedua saya terhadap Ling Liong Sik, dan mengapa perkara ini masih belum selesai lagi setelah tiga bulan beliau berlalu. Sedangkan ia merupakan satu kes yang berbalik ke tempoh tujuh tahun dahulu dan ketiga, adakah betul dan wajar bagi BPR memberikan lesingnya terhadap tindakan menganugerahkan gelaran Tun kepada Ling Liong Sik, sedangkan siasatan BPR ke atas laporan kedua saya terhadap Ling Liong Sik masih belum siap dan masih menunggu keputusan Peguam Negara. Berapa kaliakah pernah BPR menolak cadangan menganugerahkan pingat nasional dan negeri atas alasan yang berkait dengan rasuah dan berapa kaliakah bantahan dibiarkan seperti ini turut atau dilanggari.

Setiap kali soalan dibangkitkan di Parlimen mengenai kempen anti rasuah kerajaan, Pelan Integriti Nasional (PIN) pastinya akan dilempar untuk menunjukkan bahawa kerajaan memang serius untuk memerangi rasuah. Apa yang saya hendak

tanya di sini adalah, berapa ramai Ahli Parlimen di sini yang berani kata bahawa mereka telah membaca secara terperinci Pelan Integriti Nasional itu? Sebenarnya, saya ingin tahu berapa orang Ahli Parlimen yang pernah melihat salinan Pelan Integriti Nasional, janganlah kata membacanya.

Memandangkan PIN ini belum lagi dibentangkan di Parlimen, saya berani berkata bahawa kebanyakan Ahli-ahli Parlimen dalam negara ini belum pernah melihat, membaca atau memahami PIN itu. Fakta ini sendiri telah menggagalkan matlamat PIN yang kononnya melibatkan penyertaan aktif dari semua sektor masyarakat, termasuklah para Ahli Parlimen dalam setiap peringkat evolusinya formulasi, implementasi, penyeliaan dan kajian semula.

Semasa beliau dilantik sebagai Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat pernah menjanjikan ketelusan dalam *award contract* dan projek kerajaan dalam mengurangkan ketidakpastian dan mengehadkan peluang gejala rasuah pada waktu itu. Semasa mengakui bahawa secara kontrak kerajaan dikeluarkan dan proses tender memang kurang telus, Yang Amat Berhormat berkata, bahawa perundingan secara terus untuk projek-projek kerajaan hanya terhad kepada kes-kes khas sahaja.

Sekiranya kerajaan serius tentang Pelan Integriti Nasional, maka ianya harus mengemukakan satu laporan suku tahunan di Parlimen mengenai kempen menentang rasuah dengan laporan pertamanya menumpukan ke atas 18 kes rasuah berprofil tinggi dan sebab mengapa janji tender terbuka kerajaan tidak dipatuhi khasnya sebab kenapa janji kerajaan untuk mengadakan tender terbuka di dalam *award* projek Landfill Selangor Utara telah dilanggar. Kita dapat bahawa projek ini sudah diberi kepada *Consortium Project KUB* di lokasi Bukit Tagar di Sungai Tinggi, Hulu Selangor dan kita mahu satu penjelasan yang sepenuhnya.

Di sini saya ingin merujuk kepada satu skandal serius dari sudut pandangan pentadbiran baik atau *good governance*. Semasa saya menyertai perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Parlimen dalam bulan Mei yang lepas, saya pernah berkata bahawa ada sesuatu yang tidak kena dengan dasar dan pendekatan pihak berkenaan dalam usaha memperbaiki dan memastikan kemajuan sosioekonomi dan pendidikan Orang Asli dalam negara ini, iaitu bumiputera sebenar di tanah air kita, memandangkan tidak ada usaha yang konkret untuk meningkatkan penglibatan dan kejayaan kaum-kaum Orang Asli dalam peringkat tinggi pelbagai kehidupan nasional.

Saya tidak mendapat sebarang jawapan yang sewajarnya daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah yang bertanggungjawab terhadap JHEOA tetapi skandal “jutawan Orang Asli hidup dalam kemiskinan” yang muncul pada hujung minggu lepas merupakan satu *indictment* ke atas kementerian berkenaan serta JHEOA yang mesti memikul tanggungjawab sepenuhnya terhadap skandal berkenaan kerana ia menyalahkan kegagalan dan pecah amanah pihak berkenaan dalam melindungi kepentingan dan memperbaiki kualiti kehidupan kaum Orang Asli.

Isnin yang lepas, iaitu pada 5 Julai 2004, seorang kaum Orang Asli dari Sungai Linggiu, Kota Tinggi, Johor yang bernama Saling bin Lau Bee Chiang telah membuat laporan polis yang berikut:-

*“Bagi pihak 36 Orang Asli di Batu Empat, Kota Tinggi, bahawa adalah saya mewakili seramai 36 orang plaintif dalam kes bernombor 24-828-94 di Mahkamah Kota Tinggi, Johor berkaitan wang pampasan tanah tapak pembinaan empangan di Sungai Linggiu, Kota Tinggi, yang mana tuntutan telah dibawa ke mahkamah oleh peguam bernama S. Kanawagi dari tuan tanah di Kuala Lumpur.*

*Di dalam kes ini, kami telah dimaklumkan oleh peguam mengatakan pampasan diterima sebagai RM25 juta dan dipegang sebagai trust. Kami telah diberi wang permulaan sebanyak RM2,500 seorang seramai 401 orang telah diterima dan pampasan kedua kami terima RM100 dan dibayar tiga bulan sekali sebanyak RM300. Pembayaran terakhir dibuat pada November 2001. Selepas itu, kami seramai 52 orang menerima pampasan sebanyak RM900 sebulan.*

*Mengikut maklumat terbaru, yang kami terima bahawa mahkamah sebenarnya mengarahkan sejumlah RM38 juta sebagai wang pampasan di mana RM26.5 juta wang penghakiman dan RM11.5 juta sebagai wang faedah. Kami juga mendapat tahu hanya RM22 juta sahaja yang dipegang oleh trust di sebuah bank dan kami tidak ketahui dan kami tidak tahu baki sebenarnya wang masih ada. Yuran peguam ialah RM500,000 sahaja. Kami tidak pernah membuat apa-apa persetujuan membenarkan apa-apa potongan dan pengeluaran lain dari wang tersebut.*

*Saya membuat laporan ini kerana kami percaya ada berlaku penipuan dan penyelewengan mengenai jumlah sebenar wang pampasan dan wang yang kami terima, di mana di dalam akaun trust, hanya tinggal RM22 juta sahaja. Bakinya sebanyak RM16 juta tidak tahu ke manakah hilangnya.*

*Saya datang ke balai membuat laporan supaya siasatan dijalankan ke atas kes ini.”*

Itulah laporan polis.

Ketua Polis Johor memberitahu *The Malay Mail* pada hari Sabtu bahawa dakwaan yang dibuat oleh Orang Asli ini adalah serius dan melibatkan jumlah wang yang banyak dan sedang disiasat oleh Bahagian Jenayah Komersial. Semasa dihubungi oleh *Malay Mail*, Pengarah Jabatan Orang Asli Negeri, Mohamad Bakhtir berkata beliau sedar tentang dakwaan Orang Asli itu tetapi pada setakat ini melihat perkara ini sebagai pertikaian di antara individu dan peguam mereka, pada pandangannya, wang yang berkenaan harus digunakan untuk memperbaiki kehidupan komuniti berkenaan. Beliau berkata bahawa jabatannya bagaimanapun tidak mempunyai hak untuk campur tangan kerana peguam yang berkenaan telah mendapat perintah mahkamah menjadi sebagai pemegang amanah yang berkenaan.

Sebenarnya, ini merupakan satu cubaan mengelakkan tanggungjawab yang sungguh memeranjatkan daripada pihak JHEOA yang sepatutnya menjaga kebijakan dan kepentingan Orang Asli di samping satu pemutaran fakta, khasnya berkenaan dengan perintah mahkamah yang dikeluarkan oleh Hakim Dato' Haji Mokhtar Sidin yang bertarikh 5 Jun 2000 berkenaan dengan amanah RM22 juta di bawah nama *Lingga Valley Orang Asli (Jakun's Trust)* yang secara spesifiknya menyatakan bahawa Ketua Pengarah Jabatan Hal-Ehwal Orang Asli Malaysia Kuala Lumpur, buat masa ini harus dilantik sebagai Pemegang Amanah tambahan amanah ini, iaitu Pemegang Amanah yang keempat selepas dua batin Orang Asli, Adong bin Kuwau dan Abdul Rahman bin Abdullah serta peguam Kanawagi a/l Subramaniam.

JHEOA mendakwa bahawa ianya tidak tahu menahu tentang skandal “Jutawan Orang Asli hidup dalam kemiskinan” dan menjadi buruh rencam di limbungan sekerap logam serta jaga ladang ayam. Memandangkan Ketua Pengarah JHEOA bukan sahaja disebut sebagai salah seorang *trustee* Tabung Amanah Orang Asli Linggiu Valley, malah pernah menjadi pihak yang aktif dalam prosiding mahkamah dan

menghasilkan keputusan pampasan RM38 juta untuk Orang Asli di Linggiu Valley kerana Ketua Pengarah JHEOA masa itu, Daud Hassan pernah mengemukakan afidavit dalam kes berkenaan.

Bagi soal RM16 juta yang tidak dapat dikesan ini, peguam berkenaan, Kanawagi, telah menafikan di *Malaysiakini*, bahawa tidak timbul sebarang soal penipuan atau penggelapan wang, dan mendakwa bahawa beliau telah memberi RM3.6 juta kepada Ketua Orang Asli untuk diagihkan di kalangan plaintif terlibat, RM2.2 juta kepada orang tengah atau Daud yang memperkenalkan kepada para plaintif dan baki RM10.2 juta telah ditahan untuk bayaran belanja guaman dan kos bagi sepasukan peguam yang bertaraf tinggi di antaranya profesor antarabangsa.

Pihak polis telah menyiasat laporan polis yang dibuat pada hari Isnin yang lepas dan saya difahamkan bahawa satu laporan sedang dibuat kepada Majlis Peguam hari ini. Adalah penting untuk pihak polis dan Majlis Peguam supaya menyiasat perkara ini secara terperinci dan menidakkan fakta yang sebenarnya, memandangkan orang yang mendapat manfaat daripada RM38 juta yang sepatutnya ditawarkan kepada Orang Asli di Linggiu Valley ini, nampaknya adalah peguam dan Daud jadi jutawan dan bukannya Orang Asli yang jutawan itu.

Walau bagaimanapun, apa yang Parlimen harus diberitahu adalah yang pertamanya, mengapakah JHEOA bertindak begitu lalai dan tidak bertanggungjawab dan gagal melindungi hak dan kepentingan Orang Asli di Linggiu Valley khasnya dalam segi award RM38 juta, sedangkan Ketua Pengarah JHEOA telah disebut oleh mahkamah sebagai salah seorang pemegang amanah yang terlibat. Yang keduanya, mengapa Badan Pencegah Rasuah yang telah menerima aduan dalam tahun 2001 mengenai masalah kewangan tidak senonoh itu telah gagal bertindak segera untuk mengelakkan skandal “Jutawan Orang Asli hidup dalam kemiskinan” ini.

DAP menyeru supaya Perdana Menteri menubuhkan satu suruhanjaya pentadbiran baik atau *good governance* untuk menyiasat kegagalan pihak-pihak kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan dalam membekalkan perkhidmatan yang berkesan. Misalnya, kelalaian dan sikap tidak bertanggungjawab JHEOA ini yang mengakibatkan skandal “Jutawan Orang Asli hidup dalam kemiskinan”.

Sekian, terima kasih.

**Datuk Shahrir Abdul Samad:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat. Sila.

**12.44 tgh.**

**Dato' Shahrir Abdul Samad [Johor Bahru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan tentang Belanjawan Tambahan ini. Yang pertamanya tentang soal penswastaan yang dilakukan oleh pihak kerajaan, khususnya kepada satu projek yang dipanggil sebagai projek e-insurans iaitu satu penyediaan sebuah *gateway* ataupun sebuah *gateway provider* di antara syarikat-syarikat insurans dengan JPJ yang bertujuan untuk mengurangkan berlakunya kes-kes pemalsuan kepada insurans dan polisi insurans. Hari ini, sedangkan ia sepatutnya dilaksanakan atau dilancarkan pada 1 Januari tahun ini. Hari ini, ia telah ditangguhkan.

Pertamanya, saya menimbulkan perkara ini ialah kerana sudah tentu dengan adanya sebuah *gateway provider* di antara syarikat-syarikat insurans dan JPJ, maka polisi insurans atau *cover note insurance* khususnya bagi kenderaan dapat dikawal dari segi tidak berlakunya pemalsuan, kerana dalam satu tinjauan yang telah dibuat, terdapat hanya 65% daripada kenderaan negara yang pada tahun 2002, kalau tidak silap saya, yang mempunyai insurans dan sudah tentulah dengan adanya sistem e-insurans ini dapat ia ditambahkan *coverage* ataupun lindungan insurans kepada kenderaan.

Yang memelikkan kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah kerana projek e-insurans ini telah diluluskan oleh Kementerian Pengangkutan pada tahun 2000 iaitu empat tahun lalu. Ia telah dilaksanakan tanpa sebarang kos kepada kerajaan, iaitu ia merupakan sebuah inisiatif sektor swasta yang bertujuan untuk meningkatkan perkhidmatan oleh syarikat-syarikat yang berhubung dengan keperluan rakyat, khususnya bagi insurans kenderaan-kenderaan mereka.

Setakat hari ini, ia sudah pun mempunyai 40 syarikat insurans yang menyertai projek ini. Ianya juga didapati tidak bercanggah dengan projek kerajaan elektronik. Tetapi, alih-alih apabila diberitahu kepada syarikat yang mengendalikan *gateway provider* ini atau projek e-insurans ini, alih-alih diberitahu bahawa projek ini patut ditangguhkan dan dua buah syarikat tambahan dibawa masuk untuk juga membuat cadangan atau projek *gateway* mereka tersendiri.

Jadi, ini menimbulkan pertanyaan, kalaularah satu-satu projek penswastaan yang bertujuan untuk meningkatkan perkhidmatan kerajaan, khususnya Jabatan

Pengangkutan Jalan (JPJ), dengan inisiatif daripada pihak swasta, dengan sokongan daripada syarikat-syarikat insurans dan juga dengan sokongan daripada Persatuan Insurans Malaysia, Persatuan Insurans Am Malaysia, dengan sokongan daripada Persatuan Takaful Malaysia, Kementerian Pengangkutan pula boleh mengambil satu keputusan yang melantik pula dua buah syarikat tambahan untuk melakukan perkara yang sama. Saya difahamkan bahawa pandangan daripada syarikat-syarikat insurans dengan keputusan baru ini oleh pihak Kementerian Pengangkutan bakal menimbulkan tambahan kos kepada syarikat-syarikat insurans kerana daripada satu *gateway provider*, mereka perlu pula menyertai *gateway provider* yang lain.

Jadi, kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, haruslah Kementerian Pengangkutan melihat kembali kepada keadaan ini supaya jangan timbul sebarang syak wasangka bahawa apabila sebuah kementerian itu bertukar daripada satu menteri kepada menteri yang baru, kaedah-kaedah membuat keputusan tentang projek-projek seperti ini boleh juga bertukar kerana ini akan menimbulkan tuduhan bahawa mungkin ada sesuatu yang tidak kena dengan keadaan atau proses keputusan yang telah dibuatkan dahulu.

Berhubung juga dengan soal penswastaan, kalau dalam projek e-insurans ini, pihak swasta yang membelanjakan wang untuk menyediakan kemudahan ini bagi kegunaan orang ramai, untuk kepentingan orang ramai dan juga kemudahan syarikat-syarikat insurans dalam berhubung dengan pihak JPJ, ada juga satu masalah dari segi projek penswastaan di mana kerajaan dalam meluluskan sesuatu projek penswastaan itu seolah-olah menerima konsep bahawa sesuatu projek penswastaan itu boleh diberikan subsidi.

Saya mengambil contoh Projek Senai Air Cargo Centre di Lapangan Terbang Senai. Projek Air Cargo Centre di Lapangan Terbang Senai ini ialah satu projek yang memang patut dialu-alukan kerana ia bertujuan untuk meningkatkan khidmat pengangkutan dan pengedaran secara peringkat serantau dan bukan hanya dari segi keperluan negara. Sudah tentu kalau adanya usaha untuk meningkatkan kemampuan Lapangan Terbang Senai untuk mengendalikan *air cargo* atau kargo udara secara besar-besaran bukan sahaja daripada Malaysia malahan mengambilnya daripada Indonesia, mengambilnya juga yang sepatutnya di Malaysia tetapi telah pergi ke Singapura, dibawa balik pengendalian kargo ini juga daripada Singapura balik ke Senai

sudah pastilah usaha sebuah syarikat ini untuk menjadikan Lapangan Terbang Senai sebagai pusat pengedaran serantau ini memang patut dialu-alukan.

Malangnya dalam usaha untuk menjayakan projek ini, membolehkan supaya Lapangan Terbang Senai ini benar-benar menjadi sebuah pusat pengedaran serantau, apa yang berlaku ialah penganjur (promoter) kepada projek ini bersama-sama dengan pihak kerajaan dengan keputusan MTEN telah bersetuju bahawa kerajaan bolehlah mengambil balik tanah kepunyaan peribadi (*private*) sebanyak 4,000 ekar lebih bagi tujuan yang jelas untuk memberi subsidi kepada promoter projek Pusat Pengedaran Air Cargo di Senai ini. Kalau kerajaan mengambil alih tanah milik individu atau syarikat untuk tujuan penggunaan jabatan kerajaan ataupun untuk kegunaan awam tentulah ia boleh diterima dengan mudah. Tetapi apa yang telah berlaku ialah adanya cadangan dan usaha untuk mengambil balik 4,500 ekar di dalam kawasan yang berhampiran dengan Lapangan Terbang Senai itu yang bertujuan semata-mata untuk memberi subsidi kepada usaha hendak mewujudkan Pusat Pengedaran Senai ini.

Pada pendapat saya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak menjadikan Lapangan Terbang Senai ini sebagai sebuah lapangan terbang yang boleh mengendalikan kargo udara, apa yang perlu dibuat ialah supaya dibina sebuah landasan yang sama halanya dengan landasan yang sudah ada. Kalau hendak dibina sebuah landasan yang baru iaitu yang *parallel*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tanah yang patut diambil balik ialah tanah di sebelah timur kepada landasan yang sedia ada tetapi tanah yang hendak diambil balik ialah tanah di sebelah selatan yang juga masih terpisah daripada Lapangan Terbang Senai. Jumlah tanah yang diperlukan untuk membina sebuah landasan yang baru pun tidak begitu luas seperti 4,500 ekar.

Jadi, kepada saya Tuan Yang di-Pertua, bahawa kalau kerajaan menerima baik cadangan daripada sebuah syarikat swasta untuk melakukan sesuatu projek demi untuk kepentingan negara, kalau hendak diberikan subsidi berikanlah subsidi secara terus menerus untuk memberikan daya hidup kepada projek itu tetapi kalau pula digalakkan kepada syarikat itu mengambil balik tanah orang lain dan digunakan tanah itu untuk dibangunkan sebagai sebuah projek perumahan, ini sebenarnya seolah-olah kita merampas daripada A untuk membayar B dan tambah lagi bahawa tanah yang hendak diambil balik itu tidak ada kena mengena dengan Lapangan Terbang Senai.

Saya mengatakan kerajaan terlibat ialah kerana ini menjadikan keputusan pihak MTEN dan juga yang paling aneh pihak kerajaan sanggup pula menekankan

harga pengambilan balik tanah itu semata-mata untuk hendak membantu syarikat yang menganjurkan supaya Lapangan Terbang Senai ini dijadikan sebagai sebuah pusat pengedaran serantau.

Tuan Yang di-Pertua, yang rugi bukanlah sebenarnya kepada pemilik tanah kerana pemilik tanah ini boleh pergi ke mahkamah untuk menuntut harga pampasan yang baik dan sebagainya tetapi yang rugi ialah apabila sesuatu bidang tanah diambil balik oleh satu usaha kerajaan, yang rugi sebenarnya ialah kerajaan negeri yang kehilangan pendapatan dari segi premium dan sebagainya apabila tanah seluas itu diambil balik oleh pihak kerajaan bagi tujuan semata-mata untuk memberi subsidi kepada syarikat yang menganjurkan projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak meneruskan tentang soal pengambilan balik tanah. Ini berlaku dalam kawasan saya sendiri yang ada juga disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi berhubung dengan projek Pusat Pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin di mana sebahagian tanah telah diambil balik untuk tujuan ini.

Saya telah dihubungi oleh salah seorang pengundi saya yang menyatakan bahawa tanahnya iaitu Tanah MG 837 Lot 546 Mukim Bandar Johor Baharu telah diambil balik oleh kerajaan untuk tujuan CIQ. Jadi, sebagai seorang Wakil Rakyat yang prihatin yang kuat bekerja sebagaimana kami dikehendaki oleh pihak kerajaan, saya pun turun melihat kedudukan tanah yang berkenaan dan saya juga melihat pelan yang dipegang oleh pihak kontraktor kepada CIQ. Saya lihat bahawa sebenarnya tapak tanah yang dimaksudkan itu iaitu Tanah MG837 Lot 546 Mukim Bandar Johor Baharu sebenarnya mengikut pelan yang ditunjukkan kepada saya oleh pihak kontraktor projek CIQ, tapak tanah itu hanya diperlukan untuk laluan kepada menyambung satu lebuh raya yang dicadang tetapi belum lagi diluluskan oleh kerajaan.

Jadi, sebenarnya apa yang telah berlaku? Walaupun tuan punya tanah ini mungkin dia kerugian dan kerajaan melihat ini RM1 juta sahaja – belanjanya sedikit sangat daripada yang berpuluhan juta yang dibelanjakan untuk pengambilan balik tanah tetapi yang RM1 juta itu boleh diselamatkan kerana tapak tanah yang berkenaan memang tidak diperlukan untuk laluan jalan yang dirancang. Kalau lot tanah itu tidak diambil, laluan yang dirancang keluar daripada lori yang masuk balik ke Bandar Johor Bahru boleh diteruskan tetapi ia hanya diperlukan untuk menyambung

CIQ kepada sebuah projek impian ‘Senai Dedicated Highway’ dan masalahnya projek ini belum lagi diluluskan oleh kerajaan.

Saya rasa kalau pihak kerajaan bertindak seperti ini, saya bertanya tentang soalnya kepada kementerian, kementerian kata inilah, begitulah....jawapan yang biasa untuk menyedapkan telinga kita tetapi kalau dia berani dan sanggup turun melihat sebenarnya, sebenarnya kita boleh bukan sahaja boleh berjimat berjuta-juta ringgit tetapi kita boleh juga mengelakkan daripada masalah-masalah kebencian orang kepada perancangan dan pelaksanaan projek kerajaan.

Jadi, benda yang tidak sepatutnya berlaku boleh dielakkan dan saya berharaplah kerana kita bercakap dalam perkara ini menteri-menterinya tidak ada, timbalan-timbalan menterinya tidak ada, hanya Timbalan Menteri Kewangan yang mendengar dan perkara ini akan berlaku. Saya berharaplah bahawa keadaan seperti ini dapat dielakkan supaya dalam pelaksanaan projek-projek kerajaan biarlah pandangan dan maklum balas daripada kami ini, wakil-wakil rakyat dan orang-orang tempatan diberi penilaian yang tinggi. Janganlah pula kalau pihak EPU atau Kementerian Kewangan duduk di dalam bilik yang ada *air-condition*, dalam bangunan yang baru di Putrajaya, bila hendak minta peluang untuk berjumpa pun Tuan Yang di-Pertua, satu bulan pun.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Terima kasih, Ini saja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak sambung, masa yang berhormat sudah cukup.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tidak, saya tidak hendak sambung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** *[Disampuk]* Sambung? Dia suruh saya sambung. Saya hendak dengar Tuan Yang di-Pertua, boleh sambung?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah 15 minit, Yang Berhormat.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Sudah habis, bukan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Haa... Sudah habis. Habis. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya.. *last point*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Bahawa dalam perancangan kerajaan ini, kami, saya wakil rakyat biasa ini, kami memberi pandangan daripada peringkat bawah. Jangan lupakan dan jangan ketepikan pandangan-pandangan. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mambong hendak bercakap, sebelah petang Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan disambung semula. Ahli Yang Berhormat bagi Mambong.

**2.33 ptg.**

**Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang ini kepada saya untuk membahaskan Akta Perbekalan Tambahan (2003) 2004. Pada masa yang sama saya ingin mengalu-alukan kehadiran adik-adik dari Sekolah Menengah Sultan Abdul Jalil Shah, Pasir Salak, Perak. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Saya ingat kawasan Yang Berhormat. Bukan ya?

**Dr. James Dawos Mamit:** Ini bukan kawasan saya tetapi kita *welcome* semualah kalau yang hadir di dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, kali ini saya tidak akan menyentuh tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan racun makhluk perosak ataupun dengan pengurusan alam sekitar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat ada 15 minit sahaja Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Dr. James Dawos Mamit:** Pada petang ini saya menyentuh tentang pertumbuhan ekonomi negara dan juga pembangunan di luar bandar. Tuan Yang di-

Pertua, pertumbuhan ekonomi negara didorong beberapa faktor. Yang pertama, adalah prestasi ekonomi antarabangsa (*international economic performance*).

Yang kedua, perdagangan luar (*external trade*) melalui eksport.

D yang ketiga, gandingan pelaburan kerajaan dan pihak swasta di bidang-bidang yang dapat menghasilkan keuntungan sampingan (*spin-off*) yang tinggi.

Semua faktor tersebut amat memuaskan pada tahun 2003, dan pada suku tahun pertama tahun ini bagi menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi negara yang positif dan pertumbuhan agak tinggi iaitu 5.3% pada tahun 2003 dan 7.6% pada suku tahun pertama tahun ini.

Justeru itu, saya menyokong langkah kerajaan untuk mengagihkan perbelanjaan tambahan bagi tahun 2003 berjumlah lebih daripada RM18 bilion. Perbelanjaan kerajaan (*government spending*) amat penting bagi penjanaan ekonomi. Dalam pada ini, saya ingin tahu sumbangan perbelanjaan kerajaan kepada KDNK pada tahun 2003 dan suku tahun pertama tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, di negara-negara lain, seperti di negara Belanda ataupun The Netherlands, daripada pertumbuhan KDNK negara itu yang 1.25% sumbangan *government spending* ialah 0.75% pada tahun 2003. Pada tahun ini adalah dianggarkan bahawa *government spending* akan menyumbangkan kepada pertumbuhan KDNK negara itu 0.9%. Begitu juga dengan Kerajaan Britain, *government spending* telah pun menyumbangkan kepada pertumbuhan KDNK negara itu iaitu 1.8% pada tahun 2003. Gambaran tersebut adalah penting untuk renungan kita semua sebab persoalan yang timbul daripada *government spending* ialah pengurusan *deficit budget*.

Oleh yang demikian, *government spending* haruslah menjurus kepada pelaburan-pelaburan yang dapat memberi *spin-off* yang tinggi. Ini adalah satu prinsip ekonomi *Keynesian* iaitu perbelanjaan yang menghasilkan *spin-off*. Walaupun prinsip ekonomi *Keynesian* menggalakkan pelaburan dan perbelanjaan, namun kerajaan harus mengutamakan perbelanjaan pembangunan yang boleh memberi manfaat kepada rakyat jelata yang telah pun terpinggir daripada arus pembangunan dan pembangunan ini haruslah dirancang oleh kerajaan dengan teliti.

Maksud saya ialah pembangunan kawasan luar bandar. Kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak jauh ketinggalan dari arus pembangunan, dari segi kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan elektrik, bekalan air paip bersih, jalan

berturap, sistem perparitan di kampung-kampung dan sistem pembetungan. Di kawasan saya sendiri kawasan Parlimen Mambong terdapat tujuh buah kampung yang hanya 30 kilometer daripada Bandaraya Kuching masih lagi tidak ada bekalan elektrik, apatah lagi dengan bekalan air paip bersih.

Pada 3 Julai 2004 saya membawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melawat ke tempat-tempat yang berhampiran dengan Bandaraya Kuching di kawasan Parlimen Mambong yang tidak ada bekalan elektrik dan air paip bersih untuk meninjau keadaan kemajuan di tempat-tempat tersebut. Maka dengan lawatan itu saya yakin dan berharap agar kementerian mempercepatkan pembangunan kemudahan-kemudahan asas yang telah disebut tadi.

Oleh itu, saya mencadangkan agar satu sistem bagi merancang dan melaksanakan projek-projek pembangunan luar bandar di kaji, agar pembangunan lebih bersepadu dan teratur. Dalam pada ini, saya mencadangkan agar di setiap kawasan Parlimen diwujudkan satu jawatankuasa pembangunan yang dipengerusikan oleh Ahli Parlimen dan ahli-ahli lain haruslah Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan pegawai-pegawai kerajaan yang relevan. Cadangan ini telah pun disuarakan juga oleh beberapa rakan-rakan wakil rakyat.

Bidang tugas jawatan ini haruslah merangkumi rancangan pembangunan selain daripada mengenal pasti projek-projek berdasarkan kepada amaun peruntukan yang diagihkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Maka dengan adanya jawatankuasa ini, saya rasa pembangkang luar bandar boleh dilaksanakan dengan teratur dan terancang.

Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa ini boleh juga mengesyorkan kepada kerajaan, teknologi-teknologi yang paling sesuai untuk pelaksanaan sesuatu projek. Sebagai contoh, di Sarawak banyak kampung dan rumah panjang terlalu jauh daripada grid elektrik utama. Dalam keadaan begini, satu sistem elektrik *hybrid* yang merangkumi mikro hidro dan *solar cell system*, dengan izin, haruslah dipertimbangkan oleh kerajaan.

Saya memang sedar bahawa solar cell dahulu tidak berfungsi dengan baik kerana *fungal deposit* di *collectomya*. Tetapi sekarang solar cell diperbuat daripada bahan-bahan *crystalline* dan masalah *fungal deposit*, dengan izin, tidak berlaku lagi. Oleh itu, jawatankuasa yang dicadangkan haruslah sentiasa berwaspada dan peka

terhadap kewujudan teknologi terkini di negara kita agar pembangunan luar bandar boleh dipercepatkan.

Saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kinabatangan.

#### **2.41 ptg.**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya punya kawan ini. *[Ketawa] [Sorak]*

**Seorang Ahli:** Lima minit!

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk melihat pertumbuhan ekonomi dalam negara kita bergerak cergas. Menerusi beberapa peruntukan yang diberi ini, saya melihat ianya akan dapat membantu memangkinkan ekonomi semasa negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hairan dengan sikap pembangkang, kenapa mahu mengukur kemampuan seorang pemimpin dengan 100 hari, dengan membilang hari dan sebagainya. Apa makna 100 hari untuk mengukur kemampuan Perdana Menteri? Tidak ada logiknya, tidak ada masuk akalnya, sedangkan bangsa Eropah pernah mengatakan kematangan seorang manusia bermula dengan umur 40 tahun. Bererti 40 tahun dia baru matang. Apa hendak kira 100 harikah, enam bulankah atau setahunkah? Tidak ada maknanya. Tidak relevan dan tidak masuk akal. Ini memperlihatkan bahawa Ketua Pembangkang, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur ini korup politik. Tidak ada isu yang hendak dibangkit.

Kerajaan telah menjelaskan berbagai-bagai tentang korupsi dan sebagainya. Masih juga dibawa hari-hari, ini yang mahu dibahas. Saya rasa kalau kita turut membahaskannya, saya sudah buang masa 2 minit ini untuk mengatakan yang karut-marut daripada Ketua Pembangkang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin *quote* sedikit ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa tidak ada sebab oleh mana-mana agensi kerajaan untuk memberhentikan pelaksanaan projek-projek yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan.

Baru-baru ini dalam persidangan sesi pertama, saya telah bertanya kepada kerajaan, bilakah Jalan Telupit-Layunukan-Tongot akan dibina? Kerajaan menjawab dalam surat bertulis iaitu sebelum hujung tahun ini. Saya minta dalam Dewan yang mulia ini, memandangkan peruntukan kita yang ditambah ini berbilion-bilion ringgit

untuk projek ini untuk mengatasi masalah rakyat. Ini adalah jalan utama menghubungkan antara Kinabatangan dengan dunia luar dan jalan ini memang menjadi keutamaan.

Saya telah mendapat makluman bahawa jalan ini telah dirundingkan sejak dua tahun yang lalu, tinggal menunggu pelaksanaan. Saya memohon supaya jalan ini dapat dilaksanakan. Saya juga meminta kerajaan melihat bahawa di Parlimen Kinabatangan ini terdapat lebih kurang 22 buah pulau yang ada penduduk yang tinggal. Di kepulauan ini pada hari ini tidak terdapat bekalan elektrik dan bekalan air bersih dan ini sudah berpuluhan-puluhan tahun.

Kita melihat pembangunan ekonomi di seluruh negara nampak hebat tetapi kenapa masih ada masalah masyarakat yang terpinggir dalam sedemikian rupa. Ini pada saya merupakan satu *priority* yang harus diberi keutamaan oleh kerajaan untuk menangani masalah-masalah ini. Saya kalau boleh, tidak mahu lagi bercerita soal masalah-masalah ini tetapi bila saya balik ke kawasan, rakyat saya tanya berbalik-balik, kenapa dan bila masalah ini akan selesai?

Saya nampak saya tidak boleh menyelesaikan masalah ini secara persendirian melainkan kena mengadu kepada kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang diamanahkan oleh kerajaan untuk melihat bagaimana mengatasi masalah ini – masalah tidak ada lampu elektrik, tidak ada air, jalan raya tidak usah cakap.

Baru-baru ini kita telah diberi borang iaitu Borang Prestasi Wakil Rakyat. Sebelum borang itu dibagi, saya telah bersedia dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat dan saya akan kemukakan masalah ini. Saya tengok ada peluang bagi saya, tetapi saya meminta pula apabila kita tunaikan, kerajaan kena tunaikan masalah rakyat ini – masalah jambatan mahu runtuh, jalan kampung tidak ada, seolah-olah macam kita belum merdeka.

Tidak tahulah, saya percaya di Parlimen Tuan Yang di-Pertua pun ada juga masalah yang sebegini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada Yang Berhormat, banyak!

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Ha tengok! Jadi, kita kena lihat. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua setuju dengan saya supaya kerajaan dapat mengatasi masalah-masalah ini.

Masalah lain yang perlu saya bangkit semula, sedangkan saya sudah bangkitkan di Dewan ini tetapi tidak ada tindakan di mana saya meminta Kementerian Kewangan dan Bank Negara supaya mengarahkan mana-mana bank di negara kita ini membuka cawangan bank di Kinabatangan. Sampai hari ini belum ada! Saya muh tanya kerajaan, apa sudah jadi?

Oleh kerana ketiadaan bank ini, sedangkan ekonomi sekelip di kawasan ini dianggarkan RM2 bilion satu tahun di mana kilang-kilang kelapa sawit yang terbesar di negara ini, di Kinabatangan, tetapi tidak ada kemudahan bank seumpama ini. Jadi, saya minta Kementerian Kewangan....

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada yang bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Labuan bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman:** Boleh tolong tambah? Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya turut bersimpati dengan masalah beliau yang terpaksa menjerit untuk meminta sebuah bank membuka cawangan kecil ataupun *sub-branch* di kawasan beliau. Namun setelah bertahun-tahun duduk di Parlimen, menjerit supaya diberikan *sub-branch*, hingga ke hari ini pun belum lagi diberikan ataupun dilaksanakan.

Bersetujukah Yang Berhormat jika saya mengatakan bahawa kerajaan telah melakukan satu kesilapan bila membenarkan satu pergabungan di antara bank-bank sehingga menjadi sepuluh bank terbesar dan bila menjadi sepuluh bank terbesar, maka obligasi sosial mereka kepada kawasan-kawasan kecil yang dianggap mundur sudah tidak menjadi keutamaan kepada mereka.

Bersetujukah Yang Berhormat bahawa sekiranya saya mencadangkan kepada kerajaan dengan sokongan Yang Berhormat supaya jika inilah apa yang berlaku hari ini tidak membantu ke arah menjana ekonomi baik dari peringkat kampung ataupun Kinabatangan hingga ke pusat bandar raya, bersetujukah Yang Berhormat supaya kerajaan keluarkan lagi lesen-lesen baru yang bertujuan membantu rakyat di peringkat akar umbi, terutamanya rakyat di kawasan Kinabatangan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Saya memang amat bersetuju sebab masalah ini memang dihadapi di mana apabila bank-bank di negara kita diminta untuk *merged* ataupun bergabung, maka *social obligation* itu sudah tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada bank yang tidak bergabung, Yang Berhormat, Bank Rakyat boleh.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Ketawa]* Sudah tidak ada dan ini telah menidakkan arus ekonomi di sebuah daerah, contohnya daerah Kinabatangan. Kerajaan telah berjanji kepada saya, tetapi sampai hari ini juga tidak ada. Jadi ini masalahnya dan saya minta kerajaan tangani masalah ini.

Masalah yang kedua, iaitu baru-baru ini tahun 2003 bulan November yang lalu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, melalui PBT masing-masing, Pejabat Daerah di Sabah dan seluruh negara, khususnya telah memberi peruntukan, malangnya kontraktor Kelas F yang membina, membuat projek-projek ini sampai hari ini belum dibayar. Saya tidak tahu mana silapnya dan saya meminta perkara ini diselesaikan. Kontraktor F ini pun mereka ada pinjaman, ada pinjaman tidak dapat di bank, ada melalui ‘Along’.

Ini yang berlaku, sebab itu kita minta kerajaan menyediakan ruang peminjaman tanpa ada cagaran yang terlalu sukar, tetapi masalahnya begini. Jadi, pergi ‘Along’lah, pergi mana, pergi sini. Jadi, kontraktor ini mengalami kerugian, berbulan-bulan kerja siap, tetapi tidak dibayar. Siapa yang salah? Saya selaku wakil rakyat diadu oleh kontraktor ini. Sudahlah projek baru tidak ada, yang lama sudah dibina pun tidak juga kena bayar. Ini harus diambil perkiraan.

Seterusnya, iaitu saya ingin membawa satu isu yang paling besar kita hadapi, selain daripada .....

**Tuan Ronald Kiandee:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Beluran bangun, Yang Berhormat. Silakan.

**Tuan Ronald Kiandee:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka dengar yang kontraktor tidak dibayar ini. Saya ada *newspaper cutting*, Perdana Menteri kata, ‘*Government has the money.*’ Ada duit, tetapi dia kata, “*it is only that we are careful in our spending.*” Di mana silap ini? Sama ada kerajaan ada duit, kerajaan ada program untuk membayar, tetapi di mana silapnya? Mungkin di pihak kakitangan kerajaan yang tidak dapat melaksanakan pembayaran dengan sempurna, menyebabkan masalah pembayaran di kalangan kontraktor. Apa pendapat Yang Berhormat dalam perkara ini?

**Datuk Bung Moktar bin Raden:** Ya, saya sekongsi dengan Yang Berhormat bagi Beluran, sebab itu saya kemukakan, kenapa, di mana silapnya? Adakah dipihak Kewangan, *Treasury*? Ataupun mungkin di pihak bendahari dan sebagainya? Kita tidak tahu. Sebab itu saya meminta kementerian dan kerajaan mengambil kira masalah ini sebab bukan Kinabatangan sahaja, di Beluran pun ada yang belum kena bayar dan di PBT-PBT yang lain. Jadi, ini masalah, mereka bukan kontraktor kaya-raya, cuma kontraktor Kelas F dengan projek peruntukan RM50 ribu, RM60 ribu, jadi itu sudah menjadi masalah.

Saya berbalik kepada masalah yang saya ketengahkan tadi, iaitu masalah kemiskinan. Bagaimana program kerajaan menangani masalah kemiskinan secara menyeluruh? Kalau kita lihat statistik kemiskinan di negara kita, ada yang berkurangan, ada negeri-negeri, daerah-daerah bertambah. Kenapa kemiskinan ini berlaku, dan tidak boleh kita tangani secara menyeluruh?

Kita juga telah membuat ikhtiar yang lain bahawa kita percaya dengan memberi pendidikan yang tinggi, khususnya kepada pelajar-pelajar di luar bandar, maka kita akan dapat mengatasi masalah kemiskinan, tetapi rupa-rupanya pelaburan jangka panjang yang kita ketengahkan tidak berhasil dan tidak berbaloi. Di mana di Kinabatangan pada hari ini terdapat lebih kurang 70 orang graduan menganggur sudah bertahun-tahun, macam mana hendak cari kerja?

Jadi, masyarakat pelajar-pelajar luar bandar melihat, rakan-rakan mereka yang telah berjaya, menjadi pelajar pintar tetapi tidak ada kerja, mereka sudah tidak ada minat untuk meneruskan pelajaran sebab tidak ada guna, pelajaran tinggi mana pun, peluang pekerjaan tidak ada. Apakah kerajaan membiarkan perkara ini? Ini masalah utama yang perlu kita hadapi. Jangan berlaku macam di negara Zimbabwe, di mana pencurinya, perompaknya, penyamunnya terdiri daripada pelajar-pelajar yang keluar daripada universiti, sebab peluang pekerjaan tidak ada. Jadi, berkemungkinan juga kes-kes ragut ini melibatkan pelajar-pelajar ini, sebab cari makan sudah susah. Sudahlah ibu bapa melabur kewangan dengan harapan mereka keluar mendapat pekerjaan tetapi tidak ada peluang pekerjaan.

Jadi, apa cara pendekatan yang dilaksanakan oleh kerajaan dan juga agensi-agensi yang lain untuk melihat agar fenomena seumpamanya ini tidak berlaku, sebab bayangkan daerah kecil seumpama ini pun ada akauntan menganggur, dan sebagaimananyalah semua bentuk kelulusan ada, tetapi tidak ada ruang pekerjaan.

Ini pada saya merupakan satu musuh utama kita bagaimana kita mengekang kemiskinan sedangkan yang berkebolehan pun sudah tidak boleh cari makan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Boleh gulung, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Baru lima minit tadi. Tuan Yang di-Pertua, jadi pada saya ini satu masalah yang perlu dan harus kita tangani bersama untuk melihat bahawa masa depan pelajar-pelajar cemerlang ini dapat diatasi, sebab ini menyeluruh. Kalau saya bercakap, bicara 70 di Kinabatangan, mungkin beribu-ribu lagi di dalam bandar pelajar-pelajar yang tidak ada kerja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukup, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi, satu minitlah, satu minit.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sangatlah kepada kerajaan agar melihat bahawa pendidikan yang tinggi sahaja tidak mampu menjamin masa depan seseorang, di sebaliknya mungkin dengan menguasai sedikit *skill*, maka mereka akan boleh menempatkan diri mereka untuk bekerja. Jadi, saya minta penubuhan Kolej Komuniti di daerah Kinabatangan dapat disegerakan untuk memastikan pelajar-pelajar mungkin yang menganggur ini dapat peluang untuk menimba ilmu pengetahuan dari segi bidang kemahiran.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bentong.

## 2.56 ptg.

**Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004.

Sebagaimana kita semua sedia maklum, dalam tempoh Kajian Semula 2001 hingga 2003 Rancangan Malaysia Kelapan, perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah meningkat dengan pesat, selaras dengan dasar untuk mengurangkan kesan kelembapan ekonomi dunia terhadap ekonomi negara kita dan mengatasi prestasi lembap pelaburan sektor-sektor swasta.

Tahun lalu, 2003, kita telah ada satu pakej, *stimulus package*, iaitu RM7.3 bilion untuk mengatasi masalah SARS dan juga perperangan di Iraq untuk meningkatkan perkembangan ekonomi negara. Pada keseluruhannya, pelaburan sektor awam sehingga hari ini masih lagi mencatat peratusan yang tinggi iaitu 15.9% dengan Keluaran Negara Kasar, berbanding dengan tahap pelaburan swasta yang hanya mencatat 9.5% daripada KNK.

Setiap tahun dalam pembentangan bajet negara kita, kita menekankan strategi untuk menggalak pelaburan sektor swasta dan menjadikan sektor swasta sebagai *engine of growth* dalam ekonomi negara kita. Sehingga hari ini kita nampak strategi kita tidak dapat lagi menarik pelaburan swasta yang dinamik dan agresif. Pihak bank dan syarikat-syarikat swasta masih lagi teragak-agak dan *cautioned* untuk bergiat aktif dalam pasaran negara kita, seterusnya menjadi *engine of growth* negara kita, kita tidak nampak kesannya.

Saya ingin tahu apakah masalah sebenarnya dan apakah halangan yang wujud pada masa kini untuk menggalakkan pelaburan pihak swasta yang berterusan. Adakah dasar-dasar kita yang tidak menggambarkan realiti perdagangan dunia atau konsep Persyarikatan Malaysia yang kita banggakan yang kita agungkan bahawa kita bekerjasama dengan pihak swasta, kakitangan kerajaan sentiasa memberi sokongan dan dukungan untuk memastikan pihak swasta bergerak aktif dalam aktiviti-aktiviti perniagaan dalam negara kita, tidak dapat berjalan dengan baik. Mana silapnya?

Selepas kemenangan besar Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum kali ini, kita telah dapat lihat keyakinan penduduk negara kita begitu tinggi dan demikian juga keyakinan pelabur-pelabur luar telah mula menampakkan bahawa Malaysia ini satu pasaran yang cukup baik untuk melabur. Kita tahu bahawa mereka memang mempunyai keyakinan dan sehingga hari ini kita tidak nampak lagi *Foreign Direct Investment* (FDI) kita meningkat.

Kadar pelaburan Malaysia iaitu *Malaysia's Investment Rate*, dengan izin, *the ratio of Growth Domestic Investment to GDP* belum lagi kembali ke paras sebelum krisis ekonomi kita pada tahun 1997. Kekangan dan masalah yang dihadapi oleh pihak swasta termasuk kekurangan pekerja mahir, kepakaran teknologi yang kita ada dan merujuk kepada kajian yang dibuat oleh *World Bank*, beban kawalan undang-undang dan birokratik dalam kerajaan kita masih lagi menjadi salah satu faktor kelembapan pelaburan pihak swasta dalam negara kita.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kerajaan dapat mengesan dan mengenal pasti halangan-halangan birokratik dan juga meningkatkan produktiviti negara dengan secepat mungkin. Kerajaan bercadang untuk meningkatkan ekonomi Malaysia, memajukan ekonomi Malaysia dengan ekonomi berdasarkan pengetahuan iaitu *knowledge based economy*. Melalui pertukaran dan hala tuju kita ke arah *knowledge based economy*, yang paling penting ialah untuk memastikan *Multimedia Super Corridor* kita dapat menyediakan infrastruktur demi mempercepatkan perkembangan *knowledge based economy*. Dengan adanya MSC yang sempurna, kita bukan sahaja dapat menyediakan satu infrastruktur yang baik demi pembangunan ekonomi negara kita, saya yakin kita dapat bertukar corak dari segi perkembangan *knowledge based economy* negara.

Dalam hubungan ini, saya ingin mencadangkan sekiranya boleh, kerajaan perlu memperluaskan *Multimedia Super Corridor* ini ke seluruh pelosok negara dan yang lebih penting kalau kita dapat mempercepatkan perkembangan MSC dari Kuala Lumpur ke Bentong dan seterusnya masuk ke Pantai Timur iaitu Pahang, Kelantan dan Terengganu. Saya yakin dengan menyediakan infrastruktur yang baik, memasuki Pantai Timur, kita dapat mengembangkan ekonomi di Pantai Timur.

Tuan Yang di-Pertua, penyediaan *Multimedia Super Corridor* iaitu perkembangannya ke sebelah Pantai Timur contohnya, kalau kita dapat masuk ke Bentong melalui Janda Baik dan Bukit Tinggi, kita dapat menjadikan kawasan Janda Baik dan Bukit Tinggi satu destinasi pelancongan yang amat menarik.

Saya yakin dengan adanya infrastruktur yang disediakan melalui MSC, banyak kemudahan yang kita boleh sediakan. Kawasan Janda Baik dan juga Bukit Tinggi di Bentong ini merupakan satu kawasan yang begitu indah dan nyaman, udaranya begitu bersih dan telah menarik ramai pelancong ke kawasan sana pada masa ini.

Di Janda Baik dan Bukit Tinggi pada masa ini, kita telah berjaya menjalankan Program *Home Stay*, program-program *ecotourism*, pelancongan pertanian di kawasan ini. Untuk menjadikan ia satu pusat pelancongan yang lebih berkesan dan lebih baik, saya yakin kawasan ini boleh dijadikan satu destinasi *My Second Home Programme* iaitu menggalakkan ramai pelancong dari luar negara untuk melihat keadaan yang begitu menarik di kawasan sana dan memastikan mereka dapat membeli rumah-rumah yang harganya murah dan juga keadaan kawasan yang selesa untuk didiami.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bentong, Cameron Highlands bangun.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Ya, sila.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Bentong mengenai sektor pelancongan dan *home stay*. Di negeri Pahang, saya dimaklumkan ada 50 keluarga yang telah diluluskan untuk Program *Home Stay* dan *Home Stay* ini mendapat sambutan yang baik dari Sweden, Jepun dan beberapa negara Eropah. Kenapakah kerajaan masih meletakkan syarat-syarat seperti menjadikan tandas berjubin, rumah mereka serba lengkap untuk menjayakan Program *Home Stay* apabila memilih keluarga-keluarga untuk dipilih sebagai tempat *home stay* ini sedangkan saya dimaklumkan pelancong-pelancong yang datang daripada luar negara ini mahu merasakan kehidupan yang beralam luar bandar di mana mereka hendak melalui liku-liku, pergelutan dengan alam, mereka mahu tinggal seperti di kawasan-kawasan Orang Asli, bukan datang dari Sweden, mereka ada bilik mandi berjubin dan sebagainya dan program ini masih belum mendapat pengiktirafan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, jangan panjang sangat.

**Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Bentong mengenai program ini.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands kerana begitu tertarik dengan Program *Home Stay*. Saya yakin Program *Home Stay* ini boleh juga dipanjangkan ke Cameron Highlands dan memanglah cadangan itu bahawa mengadakan syarat-syarat adalah untuk memastikan imej negara kita sentiasa berjaga dan saya berharap sekiranya kita hendak memastikan Program *Home Stay* ini berjaya bukan sahaja pelancong luar ini datang ke kampung-kampung kita, hendak tinggal, hendak tengok kehidupan harian kita, malah kita juga boleh mengadakan aktiviti kebudayaan serta aktiviti yang menarik bagi pelancong-pelancong dari luar negara ini. Kenapa kita adakan syarat-syarat ini, saya haraplah kementerian yang berkaitan dapat memberi jawapan yang lebih terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan bahawa *Multimedia Super Corridor* ini amat penting dan dapat meningkatkan ekonomi negara kita .....

**Tuan Lau Yeng Peng: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Puchong bangun Yang Berhormat.

**Tuan Liow Tiong Lai:** ..... khasnya melalui program pelancongan. Saya tidak ada masa Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat, teruskan.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Maaf ya. Kita bincang kemudian di kafeteria nanti. Tuan Yang di-Pertua, saya menegaskan bahawa melalui program pelancongan, kita dapat meningkatkan lagi, saya masuk dalam topik pelancongan ini kerana kita tahu pelancongan muncul sebagai penyumbang yang penting kepada pertumbuhan ekonomi negara kita. Dalam tahun ini sahaja kita dapat melihat peningkatannya sebanyak 38.4%, satu peningkatan yang begitu baik berbanding dengan sektor-sektor yang lain. Dalam tempoh Kajian Semula Rancangan Malaysia Kelapan, sejumlah RM758.7 juta telah dibelanjakan untuk pembangunan pelancongan di mana 60% untuk meningkatkan kemudahan dan infrastruktur, pengindahan, pembersihan, perlindungan alam sekitar dan sebagainya.

Apa yang ingin saya bincangkan di sini ialah banyak peruntukan telah disediakan untuk pembinaan infrastruktur pengindahan dan pembersihan, tetapi dari segi penyelenggaraan tempat-tempat pelancongan ini, destinasi pelancongan kita yang sedia ada. Selalunya Kementerian Pelancongan tidak menguruskan penyelenggaraan tempat-tempat destinasi pelancongan ini dan diserahkan kepada majlis-majlis tempatan untuk menguruskannya. Dalam hubungan ini kita dapat bahawa ada juga majlis-majlis daerah yang tidak mampu untuk menguruskan tempat-tempat destinasi pelancongan yang sedia ada di negara ini.

Saya menyeru kerajaan menimbaangkan semula dasar ini agar Kementerian Pelancongan diberikan peruntukan yang lebih, diberikan kuasa yang lebih, untuk memastikan mereka juga memainkan peranan dalam menjaga kebersihan, kemudahan asas yang ada di tempat-tempat pelancongan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Gulung Yang Berhormat.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Dah gulung?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, gulung.

**Tuan Liow Tiong Lai:** Baru nak mula masuk isu pelancongan, banyak lagi. / speed-up ya, Tuan Yang di-Pertua.

Saya juga ingin tegaskan di sini bahawa bilangan pelancong-pelancong yang telah meningkat pada tahun ini amat menggalakkan. Saya berharap iaitu kita telah mencecah 15 juta orang dan berharap langkah-langkah yang lebih agresif dapat terus diambil untuk meningkatkan lagi sektor pelancongan negara kita. Promosi-promosi pelancongan yang agresif, iaitu dengan kerjasama MITI dan juga agensi-agensi kerajaan yang lain, perlu dilancarkan secara besar-besaran di luar negara.

Malaysia mempunyai potensi yang amat besar untuk menjadi destinasi membeli belah antarabangsa yang amat menarik. Apabila kita membuat kajian dan menanda aras Kuala Lumpur adalah satu-satunya bandar raya di negara kita yang boleh ditonjolkan sebagai satu destinasi membeli belah di peringkat serantau dan antarabangsa. Oleh itu saya menyeru supaya kerajaan mengamalkan lebih banyak lagi tarikan dari segi *Mega Sales* dan juga agar pusat membeli belah mengadakan *tax rebate* dan juga mengawal pakej-pakej pelancongan “*Zero Fair*”, *Zero Fair* yang memudaratkan pelancongan di negara kita.

Pelbagai program pelancongan berasaskan pertanian, ekologi dan lain-lain, juga perlu ditingkatkan. Akhir sekali, saya singkatkan Tuan Yang di-Pertua, saya berharap program Malaysia *My Second Home* yang saya tegaskan tadi, dapat dijadikan satu program pelancongan yang lebih mantap iaitu kita perlu membuka kawasan-kawasan yang lebih menarik terutamanya di kawasan saya, Janda Baik dan juga Bukit Tinggi ... saya *offer* untuk dijadikan kawasan pelancongan yang menarik di Malaysia. Dengan itu saya mohon menyokong.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Batu Pahat.

### **3.14 ptg.**

**Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi juga peluang untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkenaan dengan perindustrian tekstil dan baju kerana di Batu Pahat, daerah Batu Pahat di kawasan saya, ia merupakan satu

bandar yang dinamakan "bandar tekstil" dan juga memainkan peranan yang penting dalam membantu Malaysia dalam usaha untuk mendapat lebih banyak keuntungan dari segi pertukaran wang asing.

Perindustrian tekstil dan baju merupakan keuntungan eksport yang kelima besarnya untuk negara kita dengan nilai RM8.5 bilion bagi tahun 2003 seperti yang dinyatakan dalam *Star Business News* pada bulan Julai 2004 yang lalu. Tetapi apa yang kita perhatikan sekarang ini ialah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh industri kecil dan baju tempatan, iaitu dengan adanya pemansuhan sistem kuota import daripada USA dan Eropah dan cabaran *Free Trade Agreement*, dengan izin, di kalangan *World Trade Organization* dan juga *Asia Free Trade Area (AFTA)*.

Dalam usaha untuk menghadapi cabaran-cabaran di atas dan juga menyediakan sektor perindustrian bagi menghadapi masalah-masalah yang akan datang, kerajaan telah secara berperingkat menurunkan duti import ke atas barang atau komponen yang diimport dari berbagai-bagai negara dan sentiasa mengingati pengusaha-pengusaha kilang supaya mengamalkan strategi-strategi yang sewajarnya. Misalnya, dengan menempatkan premis di negara atau kawasan yang boleh menyediakan ataupun membekalkan kos pekerja dan logistik yang lebih murah, memodenkan perkilangan dengan kaedah jentera yang lebih canggih, meningkatkan lagi operasi secara *upstream* ataupun bergabung dengan industri-industri berkenaan supaya mencapai *economic scale*, dengan izin.

Di Malaysia di mana perindustrian asas lebih bergantung kepada industri kecil dan sederhana (IKS), kerajaan juga telah mengumumkan insentif-insentif proaktif untuk mendorong perkembangan sektor ini seperti Elaun Pelaburan Semula (*Reinvestment Allowance*) dan menurunkan kadar cukai pendapatan daripada 20 peratus kepada 10 peratus bagi IKS. Apa yang diutarakan oleh pengusaha-pengusaha IKS di kawasan saya Batu Pahat, ialah lebih menumpukan kepada cukai jualan yang diuruskan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Cukai jualan sebanyak 10 peratus akan dikenakan ke atas semua penjualan ataupun invois barang yang di kilang tanpa mengendahkan sama ada hutang itu boleh dipungut atau sebaliknya.

Bagi menolong IKS yang baru, Pejabat Kastam Diraja Malaysia akan mengeluarkan sijil pengecualian daripada lesen yang dikenali sebagai CJ.7 bagi mereka mendapatkan pelepasan daripada Jabatan Kastam bahawa penjualan dan pelupusan barang-barang bercukai yang dikilangkan dijangka tidak melebihi

RM100,000 dalam masa 12 bulan. Had nilai sebanyak RM100,000 ini telah diperkenalkan di bawah Akta Jualan sejak tahun 1972 lagi iaitu, kalau kita buat kiraan, bersamaan dengan RM8,334 sebulan. Bagi saya, ia merupakan satu angka yang tidak munasabah yang mana tidak dapat menolong IKS ini tumbuh dengan lebih realistik pada masa ini.

Para pengusaha IKS telah dengan sedaya upaya mencuba untuk mengekalkan had RM100,000 tersebut iaitu melalui sijil pengecualian cukai CJ.7 yang saya sebutkan tadi dan melaporkan bahawa mereka mempunyai jualan yang tidak melebihi RM100,000 setahun, ataupun mereka ini menutup perniagaan mereka selepas dua atau tiga tahun beroperasi dan mereka mendaftar dengan syarikat ataupun nama syarikat yang baru supaya mereka dapat memohon kembali sijil pengecualian tersebut.

Di samping itu, pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja menjangkakan bahawa pemegang-pemegang sijil CJ.7 yang saya nyatakan tadi, dapat mengukuhkan bisnes mereka atau akan menjadi lebih matang dalam tempoh dua atau tiga tahun. Pada masa tersebut, mereka sepatutnya memohon lesen cukai jualan CJ.2, lalu menyumbang kepada kadar cukai jualan 10 peratus setahun bagi setiap keluaran mereka. Maka kita faham bahawa dalam keadaan ekonomi sekarang, yang cukup hebat bersaing antara satu sama lain, para pengilang kecil tidak akan mendapat keuntungan secukupnya yang membolehkan mereka tumbuh dengan baik kerana keuntungannya semakin mengecil. Mereka akan turut mencari jalan untuk mengelak dari membayar cukai jualan mahupun *income tax* ataupun cukai pendapatan.

IKS di Batu Pahat, dalam perjumpaan saya yang lalu, telah meminta supaya kerajaan menaikkan ataupun meninggikan had nilai bagi CJ.7 dari RM100,000 kepada RM500,000. Walau bagaimanapun, apabila kita mengambil kira berkenaan dengan inflasi sekarang yang berada pada kadar empat peratus setahun dan kita campurkan dari tahun 1997 hingga tahun 2004, kita dapat menggambarkan bahawa keperluan semasa ialah lebih kurang RM350,000. Jadi memandangkan kepada keterangan yang saya nyatakan tadi, saya mencadangkan supaya kerajaan dapat menimbang dan meninjau supaya had nilai untuk CJ.7 dapat disemak semula dan menetapkan bahawa had nilai RM400,000 adalah bersesuaian dengan keadaan ekonomi sekarang dan seterusnya ia dapat menangani masalah kehilangan cukai terutamanya cukai pendapatan.

Saya rasa itu sahaja yang hendak saya utarakan. Saya menyokong.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Beluran.

### 3.20 ptg

**Tuan Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam siri lawatan saya ke kawasan saya, saya berjumpa anak-anak muda yang tidak bersekolah. Saya tanya, mengapa tidak bersekolah? Dia kata sekolah hingga Darjah Enam. Saya tanya kenapa tidak pergi sekolah, kenapa cepat sangat *graduate*? Dia kata letih sangat hendak pergi sekolah. Apabila kita selidik, rumah tempat tinggal budak-budak ini dengan sekolah, jauhnya 8 kilometer. Tiap-tiap hari jam 2.00 pagi budak-budak dan anak-anak sekolah ini pergi jalan kaki ke sekolah dan mengambil lebih kurang empat jam untuk sampai ke sekolah. *Meaning they left the house*, mereka keluar daripada rumah jam 2.00 pagi dan sampai sekolah lebih kurang jam 6.00 pagi, 8 kilometer jalan dan sebab itu berhenti hingga Darjah Enam. Saya kata kenapa berhenti Darjah Enam, dia kata letih sangat, cukuplah sampai Darjah Enam, boleh membaca dan boleh menulis sedikit-sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, inilah keadaan di luar bandar kebanyakan kawasan di Sabah, bukan sahaja di kawasan Beluran. Perhubungan kurang, jalan raya kurang dan disebabkan oleh kekurangan itu aktiviti ekonomi kurang dan disebabkan kekurangan itu mereka memilih untuk kekal dalam keadaan itu.

Sebab itu ramai yang bertanya, apakah erti pertumbuhan ekonomi 6.4% dijangka mencapai dan mencecah hingga 7% tahun ini, jika kek ekonomi itu, limpahan ekonomi itu tidak sampai kepada masyarakat luar bandar. Itu persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, ramai masyarakat di luar bandar hari ini yang masih memerlukan bantuan kerajaan secara khusus untuk mengeluarkan mereka daripada belenggu kesusahan yang mereka hadapi.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Tuan Ronald Kiandee:** Sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Beluran. Tuan Yang di-Pertua, saya tadi tidak sempat menyuarakan sebab masa sudah habis. Ini masalah yang sama saya hadapi, di kawasan saya pun beginilah, sudahlah jalan kaki berjam-jam,

kena habuk, kena hujan, kasut pun tidak ada. Pelajar-pelajar yang hadir pada hari ini mereka tergolong daripada pelajar yang berasib baik. Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya masalah seumpama ini sudah tidak wujud lagi dalam dunia globalisasi pada hari ini, tidak seharus lagi berada dalam keadaan kita yang merdeka sudah berpuluhan tahun ini, cuba Yang Berhormat bagi cadangan.

**Tuan Ronald Kiandee:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya cadang dan saya setuju memang itu yang merupakan hasrat semua wakil rakyat daripada luar bandar di Sabah dan Sarawak ini agar kerajaan melihat secara khusus masalah-masalah yang dihadapi bagi kawasan luar bandar di Sabah dan juga di Sarawak.

Saya berkata ini kerana saya inginkan limpahan ekonomi itu dapat dirasai oleh sebahagian besar masyarakat luar bandar terutama di Sabah dan Sarawak. Sebab itu apabila kita berkata tentang pertumbuhan ekonomi yang pesat dan pencapaian kerajaan dari segi ekonomi dan pencapaian kerajaan dalam membuat permohonan ianya harus dilihat daripada semua aspek dan harus dirasai oleh semua golongan masyarakat. Dan bolehlah kita berkata bahawa ada perkongsian ekonomi yang ada kita capai untuk negara ini.

Saya menyambut baik kerajaan pengumuman Menteri di Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini bahawa sebahagian besar daripada kontrak kerja yang akan dijana daripada *Supplementary Budget* ini akan dibahagikan kepada masyarakat bumiputera dan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera, *I quote* ketika beliau menjawab, dia kata, “*Government hopes (yesterday's announcement) to award at least 70% of one billion worth of contract for phase two among bumiputera contractors*”. Tetapi ramai masyarakat luar bandar bertanya, Tuan Yang di-Pertua, bumiputera mana yang akan berjaya, yang akan diberi kontrak ini?

Begitu juga apabila kita bercakap tentang pencapaian Dasar Ekonomi Baru. 18.9% ekuiti korporat bumiputera pada tahun 2000, 18.7% ekuiti bumiputera tahun 2003, pencapaian bumiputera tetapi apabila kita lihat definisi ‘bumiputera’ secara besar, bumiputera mana? Kalau di Semenanjung ini kita bercakap tentang bumiputera Melayu, di Sabah dan Sarawak bumiputera merangkumi lebih daripada 50 kumpulan etnik kerana sebahagian besar dari kumpulan-kumpulan etnik ini berada di luar bandar dan berhadapan dengan masalah infrastruktur, masalah pembangunan yang belum lagi setaraf dengan bumiputera yang berada di Semenanjung ini.

Jadi, bererti apabila kita bercakap tentang pencapaian bumiputera, kita melihat bahawa bumiputera di Sabah dan Sarawak masih jauh ketinggalan daripada aspek pencapaian ekonomi mereka. Ramai bumiputera di luar bandar bukan bercakap tentang ekuiti korporat tetapi meminta bercakap tentang masalah infrastruktur, masalah air, masalah jalan raya, masalah sekolah yang baik, sekolah yang ada asrama, masalah kesihatan dan sebagainya, masalah bekalan lampu kerana ini yang akan membezakan antara bumiputera dan apabila kita bercakap tentang pencapaian bumiputera, itu yang membezakan antara pencapaian bumiputera masyarakat mana keseluruhan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat terlalu banyak yang perlu dibuat oleh kerajaan untuk menyamaratakan pencapaian bumiputera, bumiputera *in the real sense* keseluruhan bumiputera sama ada dari suku mana, Melayu, Iban, Melanau, Dusun, Kadazan dan sebagainya. Sungai, Bidayuh, Kayan, Kenyah, semua, termasuk Kadayan, Tuan Yang di-Pertua dia dari suku kaum Kadayan.

**Beberapa ahli:** Yakah?

**Tuan Ronald Kiandee:** Ya. Kerana kalau kita lihat di Sabah masih banyak kita lihat dari segi *poverty ratenya*, kalau di Semenanjung kita bercakap 3.5%. Di Sabah kita bercakap tentang 20% pada tahun 1999, mahu diturunkan kepada 16% tahun 2002, pencapaiannya masih jauh, 16% dengan 3.5% dibandingkan dengan Semenanjung ini.

Begitu juga apabila kita cakap tentang buta huruf, bercakap di Semenanjung ini 0.5% *targetnya*, di Sabah kita bercakap tentang 15% *targetnya*, jauh lagi beza, Tuan Yang di-Pertua. Kemudahan kesihatan untuk doktor di Sabah dan di Semenanjung ini, *nation* punya kadar satu doktor 1,420 penduduk. Di Sabah satu doktor 2,800 penduduk, di Beluran satu doktor 10,000 penduduk, 10,000 penduduk!

**Seorang ahli:** Dahsyat!

**Tuan Ronald Kiandee:** 8,000 penduduk Beluran hanya ada 8 orang doktor dan satu doktor 10,000 penduduk. Itu bezanya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** 80,000, Yang Berhormat, 80,000.

**Tuan Ronald Kiandee:** Ya, 80,000. Bekalan elektrik dikatakan di sini sudah hampir 100%, di Sabah baru mahu disasarkan 89%, baru mahu disasarkan, bekalan air juga begitu.

Jadi bererti Tuan Yang di-Pertua, masih banyak perbezaan di kalangan bumiputera itu sendiri, masih banyak perbezaannya. Oleh kerana itu jika kita rangkum bumiputera sebagai sudah mencapai ekuiti 21% kadang-kadang kita lupa, kita rasakan kita sudah mencapai 21% pemegang ekuiti dalam korporat tetapi sebahagian besar dari pihak bumiputera luar bandar masih menagih simpati daripada kerajaan.

Saya bawa isu ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita melihat Dasar Ekonomi Baru ingin merapatkan jurang perbezaan ekonomi antara masyarakat bumiputera dan bukan bumiputera. Saya takut nanti 20 tahun akan datang, kita ada satu Dasar Ekonomi Baru untuk merapatkan jurang ekonomi antara bumiputera di sini dengan bumiputera yang berada di luar bandar. Kerajaan harus lihat ini dan harus ada program yang menyeluruh, yang *integrated, holistic* untuk menentukan di kalangan bumiputera itu sendiri tidak ada perbezaan ekonomi wujud lagi selepas 20 tahun akan datang. Pada ketika itu apabila kita bercakap bahawa bumiputera sudah mencapai 20% pencapaian ekuiti dalam korporat bererti dia menyeluruh kepada semua masyarakat bumiputera.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat]**

Saya melihat Ketereh, Sri Gading walaupun kita boleh cakap bumiputera Melayu sudah mencapai pencapaian yang tinggi tetapi ada juga di kalangan bumiputera Melayu yang tersisih. Ada juga golongan bumiputera Melayu yang rasakan mereka perlu juga menangani masalah mereka untuk me/evel/kan mereka kepada pencapaian bumiputera Melayu yang berjaya.

Jadi perkara-perkara ini harus diambil perhatian oleh kerajaan untuk menentukan bahawa tidak ada masyarakat yang tercicir di dalam arus pembangunan negara dan tidak ada masyarakat yang tidak ada agihan ekonomi apabila kita berkata bahawa pertumbuhan ekonomi kita pesat, pencapaian ekonomi kita mantap dan tidak ada kumpulan masyarakat yang tercicir daripada kategori pencapaian ekonomi yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, kalau di Amerika dalam keadaan yang membangun sekarang ini pun, antara calon presidennya ada berkata bahawa jangan diwujudkan Amerika itu dua Amerika *two Americans*. Satu yang *wealthy*, dan satu yang

*everybody else.* Dalam konteks yang sama, saya mahu agar program-program kerajaan ini dilaksanakan dengan baik, pendekatan-pendekatannya dilaksanakan dengan sempurna supaya tidak wujud dua bentuk Malaysia di kalangan bumiputera Malaysia itu sendiri. Satu kumpulan yang berada dan satu kumpulan yang jauh tersisih terutama mereka yang berada di luar bandar.

Kalau itu dapat kita lakukan, maka baru kita berkata bahawa pencapaian ekonomi bumiputera seimbang baik di semenanjung ini, baik yang berada di bandar dan baik yang berada di luar bandar. Saya tidak nampak mengapa kerajaan tidak dapat melaksanakan ini....

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.....

**Tuan Ronald Kiandee:** Tiada masa. Minta maaf. Saya tidak nampak kenapa kerajaan tidak dapat melaksanakan ini....

**Tuan R. Karpal Singh:** *[Masih berdiri]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Beri laluan Yang Berhormat?

**Tuan Ronald Kiandee:** .....ada isu penting Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak habiskan ini. Kerajaan mempunyai kewangan seperti yang saya katakan tadi ketika mencelah dengan Kinabatangan. *Government has the money.* Ini merupakan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Yang penting adalah kesungguhan kita dalam melaksanakan program-program kerajaan itu biar matlamat, objektifnya, sasarannya sampai kepada matlamat yang harus dicapai melalui program.

**Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Lim Si Cheng:** Yang Berhormat boleh gulungkan.

**Tuan Ronald Kiandee:** Saya ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, agar masalah bumiputera luar bandar ini, baik di Sabah dan di Sarawak dilihat secara terperinci oleh kerajaan melalui *formulation* satu program yang terperinci khusus untuk Sabah dan Sarawak kerana kalau kita lihat, program-program luar bandar seperti elektrik, bantuan PPRT, bekalan air dan sebagainya, pada ketika ini ia adalah menyeluruh kepada seluruh negeri di negara ini dan kita mahu lihat secara spesifik keadaan keperluan, masalah yang dihadapi oleh masyarakat bumiputera di luar bandar. Saya inginkan agar dapat diwujudkan bentuk-bentuk pendekatan yang khusus

untuk menangani masalah yang khusus untuk masyarakat bumiputera di luar bandar. Saya ingin menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dungun.

### **3.34 ptg.**

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun seperti rakan-rakan yang lain untuk memberi sedikit sebanyak pandangan di dalam Akta Pembekalan Tambahan 2003/2004 Perbelanjaan Tambahan yang sebagaimana telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada petang semalam dan pada pagi tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya seperti rakan-rakan yang lain secara khususnya ingin mengucapkan tahniah di atas cadangan Kementerian Kewangan dan Perbendaharaan kerana telah dapat mengemukakan rang undang-undang ini sebagai suatu cara negara kita menguruskan pengurusan kewangan secara baik dan ini memperkenan keadaan keadilan yang ada di negara kita di dalam melaksanakan pengurusan kewangan mengikut tatacara dan kaedah yang telah sedia ada dalam cara kita mentadbirkan negara kita ini.

Saya hanya mahu bercakap tentang satu isu iaitu tentang keseluruhan daripada perbelanjaan demi perbelanjaan mengikut dasar-dasar yang telah diputuskan oleh kerajaan kita yang mana seperti mana kata rakan kita tadi tentang kedudukan bumiputera di dalam meletakkan diri bumiputera di dalam pembangunan ataupun arus perdana ekonomi negara. Dari dulu sampai sekarang kita mempunyai tidak kurang dari enam kementerian untuk melaksanakan tanggungjawab, untuk menterjemahkan dasar dan sebagai sambungan daripada dasar ekonomi bumiputera yang akhirnya adalah untuk merapatkan jurang perbezaan di antara ekonomi orang bumiputera dan bukan bumiputera kerana akhirnya struktur ataupun ekuiti kedua-dua kumpulan ini untuk dirapatkan supaya kita dapat mencapai suatu perpaduan nasional ataupun perpaduan kebangsaan yang tulen, yang utuh demi untuk masa depan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini kita dapat lihat bahawa ada beberapa dasar dan pendekatan yang dilaksanakan oleh kerajaan perlu dilihat semula oleh beberapa agensi kerajaan. Dulu apabila kita memperkenalkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera (MPPB) ataupun BCIC yang diperkenalkan oleh kerajaan supaya bumiputera yang suatu ketika tidak berada di dalam garisan ataupun di dalam ruang untuk mereka bersama-sama berkecimpung sebagai mana

kaum bukan bumiputera yang telah berjaya merebut apa yang dinamakan ekuiti ekonomi untuk negara kita, maka masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera diperkenalkan oleh kerajaan. Tapi sekarang ini kita nampak MPPB ini telah dilihat sebagai satu program ataupun konsep yang diperkenalkan oleh kerajaan yang agak terhakis.

Seperti juga ada beberapa nama yang kita masih dengar seperti kelas menengah Melayu. Kewujudan mereka di dalam komponen ataupun dalam struktur negara, dalam struktur masyarakat dan rakyat kita tetapi akhirnya kita kurang kedengaran sekarang ini apakah program-program kerajaan dalam memungkinkan supaya kelas menengah Melayu ini akan di perhebatkan dari masa ke semasa kerana kita tahu tadi beberapa Yang Berhormat Ahli Parlimen rakan-rakan kita ada menyatakan ekuiti bumiputera pencapaiannya hanya 21% berkemungkinan bergabung semuanya dengan beberapa syarikat kerajaan sama ada di peringkat pusat ataupun agensi-agensi, syarikat-syarikat yang berada di peringkat kerajaan-kerajaan negeri. Berapakah sebenarnya ekuiti bumiputera secara individu ataupun secara kumpulan korporat ataupun konglomerat yang berada di dalam peratusan 21% ini?

Saya, pertamanya hendak minta maaf dengan rakan-rakan bukan daripada bumiputera yang telah berjaya membangunkan negara dengan meletakkan diri mereka seiring sejalan dengan hasrat kerajaan yang telah mencapai kemajuan negara ini yang telah mereka jayakan melalui pembinaan keusahawanan mereka terutama sekali kaum Tionghoa ataupun kaum Cina.

Saya menyatakan pendirian ini bukan untuk menyatakan pengagihan yang sepatutnya ditekankan oleh kerajaan yang kita tahu bahawa pencapaian bumiputera dalam sektor ekonomi dengan pendekatan-pendekatan yang dilaksanakan oleh kerajaan setakat ini masih jauh ketinggalan. Sebab itulah saya mencadangkan kepada kerajaan supaya menilai kembali puluhan tabung-tabung, dana-dana yang telah disediakan oleh beberapa kementerian termasuk MITI, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Kewangan, dan juga Jabatan Perdana Menteri.

Bolehkah kerajaan menyatakan kepada kita usaha-usaha beberapa kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan ini mungkin dari jumlah bumiputeranya besar tetapi jumlah, Insya-Allah isi padu perniagaan dan perdagangan amat kecil kalau dibandingkan dengan jumlah perdagangan ataupun transaksi perniagaan yang sebenarnya berlaku di negara kita. Mengikut beberapa kajian, usaha kerana ini tidak

pun sampai ke tahap 10% daripada jumlah *transaction* perniagaan yang diusahakan oleh kerajaan dalam membangun dan membantu usahawan-usahawan bumiputera.

Sebab itulah saya memohon dengan kerajaan, memohon restu supaya dapat menilai kembali kerana tabung-tabung yang telah diperkenalkan oleh kerajaan ini puluhan dari mereka dan telah digabungkan tetapi ianya tidak dapat diterjemahkan di akar umbi. Banyak dasar-dasar yang telah diperkenalkan oleh kerajaan, program-program yang diperkenalkan oleh kerajaan yang diluluskan oleh Bank Negara, oleh kementerian dan juga agensi-agensi kerajaan berkemungkinan rakyat akar umbi, usahawan-usahawan bumiputera yang jauh di pedalaman, di luar bandar tidak dapat menikmati daripada tabungan-tabungan yang telah disediakan oleh kerajaan ini.

Biasanya oleh kerana kita terlampau mempunyai *red tape* yang banyak, masalah pentadbiran yang agak kusut sehingga banyak di antara tabungan ini tidak dapat dipergunakan. Tahun lepas sahaja, mengikut satu kenyataan surat khabar iaitu lebih daripada RM3 bilion dalam beberapa tabungan tidak digunakan. Kadang-kadang oleh kerana tabungan yang di buat ini, yang telah diluluskan oleh kerajaan dan agensi-agensi kerajaan yang diluluskan di peringkat kebangsaan ianya tidak dapat disalurkan di peringkat akar umbi, di peringkat daerah, di peringkat negeri dan sebagainya.

Jadi, saya meminta kerajaan mengkaji semula, umpamanya sebagaimana kita tahu peruntukan permohonan daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi tentang TEKUN, Pembangunan Usahawan Kecil sebanyak RM60 juta sebagai tambahan. Ini pun kita bersetuju sangat dan kita nampak TEKUN telah memainkan peranan yang penting di dalam menyelesaikan peniaga-peniaga ataupun peraih-peraih di peringkat kampung-kampung, di peringkat daerah, di peringkat luar bandar kerana pinjaman mereka hanya sekitar di antara RM1,000 hingga RM20,000 sahaja. Saya amat bersetuju supaya TEKUN ini boleh ditambah dari masa ke semasa kerana ia melibatkan akar umbi usahawan kecil, usahawan dan juga peniaga-peniaga kecil di kampung-kampung.

Kita berharap Yayasan TEKUN ini yang diusahakan oleh kerajaan dapat menyelesaikan masalah beberapa peraih dan usahawan kecil kita supaya tidak bergantung kepada along-along dan peranan ini harus kita ucapkan tahniah, tetapi kita berharap kerajaan dapat menentukan beberapa organisasi yang nampak kesannya baik, tetapi dapat mengkaji juga banyak tabungan yang berkaitan dengan pembangunan industri, pembangunan kilang-kilang, pinjaman untuk bumiputera yang

lain sama ada di bawah MITI ataupun di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Jabatan Perdana Menteri dan Perbendaharaan yang kadang-kadang tidak dapat dipergunakan sepenuhnya, akhirnya dasar-dasar ataupun pendekatan program yang hendak dilaksanakan oleh kerajaan akan mendapat *feed back* ataupun kesan yang tidak baik di dalam kita melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita untuk membangunkan usahawan bumiputera kita ini.

Sebab itulah beberapa dasar supaya kerajaan menilai sebelum mengemukakan dasar-dasar ini supaya kita konsisten di dalam melaksanakan program-program ini. Sebab itulah pada awalan tadi saya menyatakan supaya tabung-tabung yang telah digabungkan ini supaya diuruskan dengan secara baik dan ramai usahawan sebenarnya apabila tabungan ini diperkenalkan oleh kerajaan, apabila digunakan bank-bank komersial sebagai *vehicle* kepada kerajaan akhirnya majoriti usahawan kecil bumiputera tidak dapat menikmati, kerana bank melihat dari segi *viability* ekonomi semata-mata, tidak melihat apa yang tersirat dalam usaha baik kerajaan untuk mengagihkan peruntukan tabung-tabung ini kepada usahawan kecil di sebelah luar bandar dan juga di kawasan yang belum maju di seluruh negara ini. Saya berharap pelaksanaan ini dapat dinilai dengan serius oleh beberapa agensi yang mempunyai tanggungjawab dalam melaksanakan program tabungan bumiputera ini.

Tuan Yang di-Pertua, selepas kita merdeka kita melihat bahawa kumpulan orang Melayu dan bumiputera apabila hendak bermula banyak bergantung kepada pembangunan koperasi, kemudian melalui proses pembangunan ekonomi bumiputera itu sendiri, kita dapat melihat ada individu bumiputera profesional yang telah dapat menjayakan diri mereka dengan menjadikan usahawan secara Sendirian Berhad ataupun perkongsian. Kemudian kita melalui suatu era, kerajaan telah melalui satu era untuk mengimbangkan kedudukan bumiputera dan bukan bumiputera sehingga lahir beberapa tokoh besar, tokoh-tokoh korporat mengikut bidang-bidang dengan diswastakan projek-projek kerajaan, dengan diagihkan projek-projek raksasa dan besar yang mega kepada beberapa usahawan bumiputera.

Tetapi melalui beberapa kemelesetan ekonomi, kita nampak majoriti tokoh korporat bumiputera ini terhakis daripada arus pembangunan ekonomi negara kerana mereka tidak mempunyai *food based* ataupun asas perniagaan yang kukuh kerana mereka tidak dinilai melalui proses yang sepatutnya kita bangunkan ahli-ahli korporat kita ini. Sebab itulah saya berharap kerajaan tidak melaksanakan pisang berbuah dua

kali kerana kegagalan ini merugikan masa dan juga ianya tidak memberi suatu *indicator* yang baik di dalam kita menyelesaikan, membangun usahawan Malaysia sama ada usahawan bumiputera ataupun bukan bumiputera. Sebab itulah kita nampak proses ini sudah beralih selepas kita melalui proses kemelesetan, ia seolah-olah berlaku suatu keyakinan baru.

Apabila kita bercakap tentang syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kerajaan yang sekarang ini diperhebatkan, saya terpaksa menyatakan bahawa kadang-kadang kita lupa sejarah bagaimana kita bangunkan bangsa kita melalui proses pendidikan negara, sebab itulah sekarang ini kita nampak di pasaran yang terbuka apabila kerajaan sendiri dan beberapa tokoh kita bercakap tentang kita mahu bumiputera yang berjaya, mestilah seolah-olahnya mempunyai kelulusan daripada University Oxford, Cambridge, Harvard, lulusan beberapa universiti-universiti yang terkenal.

Sehingga kita lupa bagaimana kerajaan sendiri telah mengangkat martabat beberapa universiti tempatan termasuk Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Utara Malaysia umpamanya USM dan yang paling penting sekali bagaimana kita meletakkan bumiputera ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh gulung, masa, masa.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh gulung.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua, dua tiga minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** Sebab itulah saya minta secara ringkasnya, supaya kerajaan memberi perhatian supaya ia tidak menjadi suatu budaya dalam negara kita kerana apa jua yang dilaksanakan oleh kerajaan kita membanggakan graduan-graduan lahir dari negara kita. Malah sekarang ini kita nampak, berapa sebenarnya saya tidak tahu, tetapi ada sesetengah pengkaji-pengkaji graduan menganggur mengatakan lebih daripada 50,000 graduan daripada universiti tempatan

dan universiti luar negara masih menganggur. Apakah suasana ini akan menjadi suatu daripada kegawatan yang akan kita tempuh sebagai cabaran-cabaran baru.

Saya meminta kepada kerajaan dan saya berharap suatu kajian secara terperinci dapat dilaksanakan supaya kita tidak melihat ini sebagai suatu penyakit baru dalam kita melaksanakan tugas dan tanggungjawab membina rakyat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak sebut satu dua ini ia tidak mungkin melengkapkan ucapan saya. Sayaohon izin kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, asas kepada ucapan saya Tuan Yang di-Pertua ialah, dasar di dalam negara kita terutama sekali dalam membangunkan bumiputera sama ada pendidikan, sama ada ekonomi, keusahawanan dan sebagainya, sebenarnya sekarang ini telah terhakis. Saya meminta benar-benar kerajaan supaya menilai kembali semua dasar-dasar ini dan cara pelaksanaannya supaya ianya dapat kita bangunkan. Saya juga bersetuju supaya rancangan kerajaan membangunkan bersama usahawan bumiputera dan bukan bumiputera dalam bentuk *strategic alliance*, pakatan yang strategik supaya usahawan bukan bumiputera yang berjaya membantu usahawan bumiputera yang kurang berjaya dan *strategic alliance* ini memungkinkan kita membangunkan usahawan-usahawan Malaysia yang berjaya untuk kita menerima cabaran di peringkat global dan antarabangsa.

Sebab itulah saya mencadangkan syarikat-syarikat besar bukan bumiputera yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur supaya ada suatu agenda negara, agenda kerajaan dan juga agenda syarikat-syarikat berkenaan supaya dapat membantu ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat masa sudah cukup.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan:** .... kelas menengah ataupun usahawan-usahawan bumiputera. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua sebelum saya duduk, saya berharap juga supaya Ahli-ahli Parlimen apabila banyak projek diumumkan oleh kerajaan, kadang-kadang Ahli-ahli Parlimen kita dipinggirkan begitu sahaja.

Saya mintalah kementerian-kementerian dan menteri-menteri mengambil kira pandangan Ahli-ahli Parlimen di kawasan masing-masing, kalau hendak buat *highway across* kepada kawasan katalah Parit Buntar, apa salahnya kita mengambil pandangan Yang Berhormat Ahli Parlimen dengan mengemukakan usahawan yang ada Cina, Melayu, India di kawasan mereka, tetapi tidak lagi kita melaksanakan projek yang agak

besar di kawasan-kawasan kita, akhirnya usahawan-usahawan ataupun kontraktor yang melaksanakan projek di kawasan kita masing-masing adalah orang yang terlampau jauh daripada kita sehingga kita sendiri sebagai wakil rakyat dan Ahli Parlimen terpaksa menangani perkara ini sebagai suatu permasalahan baru. Jadi, dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong dan mengucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

**3.50 ptg.**

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kurang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2003) 2004 di peringkat dasar ini untuk saya mengutarakan satu isu yang bersifat sejagat, yang bersifat universal iaitu isu kemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sudah tentu membelanjakan wang yang begitu banyak dalam misi-misi kemanusiaan seluruh negara dan juga misi-misi kemanusiaan di peringkat antarabangsa.

Kita menghantar pasukan keamanan kemanusiaan ke Bosnia-Herzegovina, ke Iraq dan seumpamanya ialah untuk membuktikan Malaysia adalah sebuah negara yang sangat peka keprihatinannya terhadap masyarakat antarabangsa di atas nama kemanusiaan.

Saya berdiri pada petang ini Tuan Yang di-Pertua, untuk saya mewakili Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, menceritakan keadaan terkini keadaan suaminya Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, yang sekarang ini dalam keadaan yang sangat kritikal di penjara Sungai Buluh. Semalam saya memasukkan usul ini di bawah Perkara 18(1), tetapi saya menarik balik. Kerana saya telah memikirkan secara mendalam tentang kewarasan saya dan kebijaksanaan saya untuk memasukkan usul tersebut. Sekiranya diterima sudah tentu menjadi suatu perdebatan yang saya kira akan mempertajamkan lagi keadaan. Maka di atas nama kemanusiaan, saya menarik balik usul tersebut dan saya mengambil peluang ini untuk berucap mewakili keluarga ini dan insya-Allah, saya akan menggunakan bahasa yang paling lembut, pendekatan yang paling diplomasi dan saya harap, saya berdoa kepada Allah S.W.T. agar kata-kata yang keluar daripada mulut ini tidak akan menyakiti hati siapa-siapa.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, pernah menjadi Timbalan Perdana Menteri Malaysia, sebesar mana pun dosa dan kesalahan beliau kita kena akui bahawa beliau pernah berjasa kepada negara. Setajam mana pun kedua-dua negara besar dalam era perang dingin Amerika dan Soviet Union, seruncing mana pun Pakatan 'NASO', Pakatan 'NASA' dan juga Pakatan Warsaw dan sebesar mana pun perselisihan di antara Jerman Barat dan Jerman Timur menyaksikan runtuhnya tembok Berlin. Ini semua adalah hasil kerja semua pihak NGOs yang cintakan kepada perdamaian, ingin melihat dunia ini tegak di atas nama kemanusiaan dan keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Permatang Pauh mungkin tidak dapat berdiri pada petang ini, mungkin atas dua sebab. Yang pertama, beliau ialah isteri kepada Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Yang kedua, beliau mungkin merasa berkepentingan dalam hal ini. Sejarah negara juga telah menyaksikan Tuan Yang di-Pertua, negara bersedia untuk berbincang, bermuzakarah untuk mencari yang terbaik demi keamanan rakyat Malaysia. Ini sejarah negara.

Negarawan Ulung Perdana Menteri yang pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, pernah membawa Chin Peng ke meja perundingan, memberikan jaminan keselamatan pergi dan balik. Negara pernah mengampunkan dan mengadakan gencatan senjata dengan PKM, mengampunkan Abdullah Sidi, Shamsiah Pakeh, Rashid Maidin kembali sebagai warganegara Malaysia yang diampunkan, hidup dalam sebuah negara yang aman damai. Ini semua dibuktikan dan membuktikan Negarawan Ulung ini sangat berjiwa besar, hidup di atas semangat kemanusiaan untuk melihat sebarang permusuhan dan sebarang pertelingkahan ini dapat diselesaikan dan dapat untuk menjadi saksi anak-anak generasi muda akan datang, murid-murid di sekolah membaca sejarah ini sebagai suatu yang boleh kita banggakan sebagai rakyat Malaysia.

Negara dunia ketiga, yang kita rasa kita lebih baik seperti Filipina, sekejam mana pun Marcos yang pernah digelar sebagai diktator, pernah mengizinkan Mendiang Aquino untuk mendapatkan rawatan kesihatan di luar negara, dan yang terbaru ialah bagaimana bekas Presidennya Joseph Estrada juga diizinkan untuk mendapatkan rawatan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membacakan kronologi terkini seperti mana yang disampaikan kepada saya oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, untuk sama-sama kita renung dalam Dewan yang mulia ini. Pada 14 April yang lalu peguam Dato'

Seri Anwar bin Ibrahim, Encik S. Nair menulis kepada Penjara Sungai Buluh untuk meminta kebenaran bahawa Dr. Halili dibenarkan memeriksa Dato' Seri Anwar bin Ibrahim di penjara.

Pada tanggal 31 Mei, Encik S. Nair menulis surat kepada Jabatan Perkhidmatan Perubatan meminta semua laporan perubatan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, laporan keputusan MRI dan segala laporan yang terperinci mengenai kesihatan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

Pada 5 dan 6 Julai, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah dibawa untuk pemeriksaan lanjut di Jabatan Urologi HKL oleh Dr. Shahbudin, *urinary frequency...* pembuangan air kencing beliau tidak lawas. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah dinasihatkan menjalani pembedahan tulang belakang dibawa pulang semula ke penjara selepas ujian pengaliran air kencing dan kemudian sesi fisioterapi.

Pada 5, 6, 7, 8 dan 9 hari bulan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim terpaksa berulang alik daripada Penjara Sungai Buloh ke HKL, sedangkan penderitaan yang disaksikan sendiri oleh isteri beliau sepatutnya beliau dimasukkan ke dalam wad, kerana beliau menghadapi masalah *spinal cord* sakit tulang belakang, yang walaupun negara kita ada pakar diberikan nasihat kepada Dato' Seri Anwar bin Ibrahim menjalani pembedahan dalam negeri, tetapi keluarga beliau juga membuat satu kajian kerana Tuan Yang di-Pertua, sebarang risiko menjalani pembedahan *spinal cord* ini akibatnya akan lumpuh seumur hidup. Ia bukan seperti sakit-sakit yang lain dan setelah keluarga beliau mendapat nasihat pakar-pakar dalam negeri dan luar negara, maka risiko yang paling kecil ialah terdapat hanya di klinik yang direkomenkan kepada beliau iaitulah di Alpa Klinik di Munich, Jerman.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya menggunakan bahasa yang paling rendah iaitu merayu sebab itulah saya tidak mahu usul saya diperdebat dan dipertajamkan. Sekali lagi saya menggunakan bahasa merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri kita semua, supaya dapat mengizinkan Dato' Seri Anwar Ibrahim menjalani pembedahan di tempat, di klinik pilihan beliau iaitu di Alpha Clinic Munich, Jerman sebagaimana yang beliau kehendaki

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya bahawa di atas nama kemanusiaan, di atas nama membela – tentang kesalahan beliau di mahkamah biarkanlah mahkamah menyelesaikannya. Dosa beliau kalau dianggap bersalah oleh

negara, biarlah mahkamah yang menentukan tetapi berilah peluang untuk beliau terus hidup dan pergi ke tempat....

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tangga Batu.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** ....ataupun ke tempat beliau yang beliau yakin bahawa risiko yang paling kecil ini akan beliau perolehi. Silakan sahabat saya Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. *[Diam]* Ada *point of order* ini Tuan Yang di-Pertua. Ada menceceh di belakang ini apabila kita bercakap. Kita di dalam keadaan yang begitu penuh konsentrasi mendengar perbahasan dari Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya cuma hendak bawa satu perkara yang mungkin boleh menyebabkan kita berfikir dengan cara lebih rasional, Tuan Yang di-Pertua.

Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian sebentar tadi bahawa Dato' Seri Anwar ini pernah menjadi negarawan yang ulung dan sebagainya, mempunyai semangat nasionalisme yang tinggi yang telah mempunyai pengaruh yang begitu besar di negara kita. Jadi, mungkin dengan sedikit pengaruh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ada bersama Yang Berhormat bagi Permatang Pauh menjelaskan kepada Yang Berhormat Dato' Seri Anwar berilah kepercayaan kepada pakar-pakar tempatan. Risiko terhadap pembedahan ini semua al-maklum dan kita pun tidak boleh memberi jaminan 100% bahawa pakar yang berada di Munich, Jerman ini boleh menjamin keselamatan dan kesejahteraan setelah menjalani proses pembedahan. Berilah peluang kepada pakar kita untuk menunjukkan kebolehan mereka di dalam perkara ini.

Begitu juga pada suatu ketika dahulu Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir pernah menjalani pembedahan *coronory by pass* di Hospital Kuala Lumpur yang mana sebelum itu kebanyakan pembesar negara kita tidak pernah menjalani pembedahan *coronory by pass*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua di negara kita sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Jadi, ini mungkin boleh disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian melalui Yang Berhormat bagi Permatang Pauh kepada Dato' Seri Anwar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik.

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah berjanji tadi saya tidak akan berdebat dengan sesiapa. Itu hak dia. Saya hanya menyampaikan hasrat dan hak Dato' Seri Anwar Ibrahim. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, apa yang hendak saya katakan di sini adalah....

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Sebenarnya saya hanya ingin memberi sedikit pandangan saya kepada Yang Berhormat bagi Tangga Batu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Ya, ya. Sedikit, sedikit sahaja lagi. Saya rasa bagi apa-apa penyakit pun, yang *second opinion*, pandangan kedua daripada doktor pakar adalah penting. Sekarang doktor yang merawat ataupun melawat Dato' Seri Anwar Ibrahim itu seorang sahaja. Jadi, adalah penting bagi keluarganya untuk menjemput doktor dan doktor pakar yang lain untuk merawatnya dan memberi pandangan yang kedua.

Kita lihat isteri kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mendapat penyakit kanser, dia pun pergi mendapatkan rawatan di Amerika Syarikat. Jadi, ini memanglah hak bagi Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk mendapat pandangan kedua daripada doktor pakar yang lain dan juga diberi peluang untuk mendapat rawatan di luar negeri.

Jadi ini adalah hak,,,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah. Cukuplah Yang Berhormat .

**Tuan Salahuddin bin Ayub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Seputeh. Itu pandangan daripada kawan-kawan mengenai isu ini. Saya gulung Tuan Yang di-Pertua.

Sebagai seorang Muslim saya merasakan bahawa kalau manusia itu melakukan satu lautan dosa, Allah subhanahuwataalla menyediakan tujuh lautan taubat. Begitulah kasihnya Allah kepada hamba, begitulah Allah subhanahuwataalla sangat-sangat sayang kepada hambanya. Seorang pemimpin, saya rasa seperti Perdana Menteri kita, Pengerusi Negara Berkecuali (NAM), Pengerusi OIC seharusnya menunjukkan contoh yang baik dalam isu ini, bukan kita menuntut pembebasan, bukan kita menuntut perkara yang di luar undang-undang tetapi kemanusiaan. Kalau ini berlaku, saya yakin dan percaya insya-Allah anak-anak kita besok akan menyaksikan bahawa Perdana Menteri yang ada pada hari ini adalah seorang negarawan ulung yang telah mencipta nama dalam negara kita untuk kemanusiaan ditegakkan, insya-Allah. Terima kasih banyak, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Santubong.

#### **4.07 ptg.**

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya sudah kata *the last for the evening*lah. Tadi kita banyak mendengar kawan-kawan daripada Sabah hingga Sarawak menceritakan bagaimana persoalan di luar bandar iaitu persoalan api, air, jalan raya dan Kontraktor Kelas 'F'.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut satu perkara iaitu matlamat Wawasan 2020 hanya tinggal 16 tahun sahaja lagi. Dalam masa 16 tahun adalah masa yang begitu singkat untuk kita mengaturkan semua tindakan kita untuk memastikan supaya di seluruh ceruk pelosok negara ini mendapat sekurang-kurangnya yang asas iaitu pembekalan api, air bersih dan jalan yang sempurna yang boleh dipakai untuk anak-anak sekurang-kurangnya ke sekolah.

Malangnya kebelakangan ini, umpamanya api elektrik di Sarawak telah dua tahun tidak ada peruntukan daripada Kerajaan Pusat. Alasan yang kita ketahui ialah oleh kerana kontraktor dan pelbagai lagi perkara lain. Ini adalah perkara enteng ataupun perkara pengurusan *delivery system* kita. Nampaknya Tuan Yang di-Pertua, 40 tahun kita merdeka, pengurusan *delivery system* ini belum lagi kita buat dengan sempurna dan masih banyak remeh-temeh berlaku dan akhirnya mereka yang di luar bandar yang mengharapkan bantuan ini khususnya api elektrik ini belum lagi melihat oleh kerana ada masalah pengurusan.

Jadi, amat penting sekali supaya pihak kerajaan mengambil satu tindakan yang khusus supaya masalah dalaman ini – masalah pengurusan ini diambil tindakan secepat yang boleh supaya api elektrik boleh sampai ke kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah bercerita mengenai ICT ataupun teknologi maklumat semasa saya mewakili Batang Lumar dan di kawasan saya di Batang Lumar tidak pernah saya bercakap. Persoalan pertama belum kita laksanakan iaitu api elektrik, telefon dan sebagainya. Kalau kita tidak ada telefon dan tidak ada api elektrik ini tidak payahlah bercakap pasal ICT ini. Tidak usahlah bercerita mengenai *digital divide* dan sebagainya. Ini adalah perkara yang angan-angan sahaja.

Perkara yang penting belum kita atasi, yang asas belum kita atasi, api, air bersih dan jalan. Tadi kawan mengatakan sudah letih tidak mahu pergi sekolah lagi oleh kerana jalan pun tak sampai ke sekolah. Begitulah juga air, di Sarawak pun belum sampai ke peringkat 70%. Api elektrik pun belum sampai ke-80%. Ini bermakna semua masyarakat di luar bandar masih menunggu bahawa apa yang dianggap sebagai *taken for granted*, dengan izin, di dalam bandar belum sampai kepada pihak mereka.

Kawasan saya sekarang, Tuan Yang di-Pertua, ialah Santubong. Kalau kita lihat naik hotel di tengah bandar Kuching kita melihat di seberang sungai kawasan saya Santubong, kampung yang bergelar Gersik, Buayan, Serbaya, Semarang, Kampung Pulo di tepian bandar. Bahkan dikatakan dalam bandar tetapi malangnya sekali masih ada juga masalah jalan, api dan air di kawasan tersebut. Jadi, kita boleh melihat juga hakisan daripada masalah api, air dan jalan ini ialah pendidikan anak-anak.

Dari situlah datangnya anak-anak yang memasuki ke sekolah menengah di bandar Kuching tetapi anak-anak ini adalah anak-anak yang dalam kelas tingkat tiga di belakang. Tingkat pertama, anak-anak daripada bandar sebenarnya, anak-anak orang yang mempunyai sumber kewangan yang mencukupi, hantar anak pergi tuisyen dan sebagainya. Yang kelas dua mungkin keciciran daripada anak-anak ini, tetapi ini anak-anak daripada kampung Melayu di dalam bandar yang tercicir juga ini ialah datangnya daripada kampung seberang di kawasan Santubong.

Masalah yang dilihat, Tuan Yang di-Pertua, tidak lain ialah soal persekolahan. Masih ada di bandar, di pekan Kuching mempunyai sekolah yang tidak begitu mencukupi. Bilik darjahnya, bilik sumbernya, kemudahan-kemudahan yang diperlu semua belum mencukupi. Ini kawasan bandar, bukan kawasan Batang Lumar, ini

Santubong yang saya sebutkan ini tetapi saya berucap sebagaimana saya berucap juga di Batang Luper berhubung dengan kemudahan api, air dan jalan.

Berpindah saya kepada persoalan Kelas F, Tuan Yang di-Pertua. Soalan Kelas F ini banyak disebutkan. Kontraktor-kontraktor bumiputera yang diberi kontrak oleh pihak-pihak yang tertentu, oleh pihak kerajaan untuk membantu mereka ini dengan harapan mereka mendapat pekerjaan dan boleh juga mendapatkan sedikit hakisan ataupun pengeluaran daripada apa yang dikatakan orang Sarawak ‘buah merdeka’, tetapi malangnya pihak-pihak yang tertentu yang menguruskan pengeluaran kontrak kepada mereka ini telah memanipulasikan di peringkat kerajaan, daripada peringkat jabatan. Tetapi kita sebagai Wakil Rakyat walaupun melaporkan perkara ini kepada pihak Badan Pencegah Rasuah pun tidak mendatangkan apa kesan sekalipun.

Kita berasa sedih apabila kita bertanya dia kata “Wakil rakyat tidak berhak mempersoalkan, ini soalan pegawai kerajaan, ini urusan pegawai kerajaan.” Jadi, wakil rakyat tidak berhak. Yang meminta duit ialah wakil rakyat di sini, tetapi yang mengurus ialah pegawai kerajaan di peringkat daerah dan pegawai ini telah memanipulasikan supaya orang lain yang dapat kontrak menggunakan nama syarikat-syarikat bumiputera Kelas F. Yang mendapat kontrak dalam *drawer* tiap-tiap pegawai. Selepas itu dia serahlah kepada pihak yang lain, pihak yang boleh bermuafakat dengan pegawai-pegawai ini.

Tanya dengan Pengarah Badan Pencegah Rasuah Sarawak, betul atau tidak Wan Junaidi pernah melapor. Apa jawapan, “Oh susah hendak cari.” Kalau susah tak payah kerjalah, berhenti kerja sahaja. Semua perkara tidak senang, semua perkara susah termasuk tugas dan tanggungjawab pegawai yang kita menerima laporan ataupun rintihan daripada kita. Jadi, kalau percakapan kita di sini sebagaimana Pengerusi *Backbencher* tadi kata, tidak dapat didengar, tidak perlu didengar, tak payahlah kita berucap. Tak payah adakan Parlimen untuk bercakap kerana orang tidak dengar pun. Pegawai tidak selidik pun, pegawai tidak teliti pun, pegawai tidak baca pun *Hansard* ini. Siapa hendak baca *Hansard*? Untuk *distribution* Ahli Parlimen ini sahaja, untuk Ahli Parlimen ini baca menyenangkan hati sendiri, bawa kepada orang kampung untuk mengatakan, “Inilah aku kata dalam Dewan Rakyat”. Itu sahaja gunanya.

Sepatutnya *Hansard* ini adalah satu perkara yang patut tiap-tiap kementerian, patut tiap-tiap jabatan, patut tiap-tiap pegawai membaca dan meneliti, menyelidik betul atau tidak betul apa yang dikatakan oleh Ahli Parlimen di sini. Kalau betul, ambil

tindakan yang khusus. Jangan suruh Ahli Parlimen pergi kawasan tiap-tiap minggu, buat laporan macam budak-budak sekolah. Sudah buat laporan apa tindakan yang diambil. Kita bercakap di kampung, bercakap di kawasan kata ini kita sudah berjumpa dan berbincang dengan ketua parti, berbincang dengan orang kampung, bincang orang miskin, bincang dengan sesiapa sahaja. Sudah dimasukkan dalam laporan dihantar ke atas, siapa yang baca.

Pada orang kampung cerita ini satu janjian. Kita berjumpa dengan orang kampung, kita bertanya orang kampung kata “YB, saya sudah ambil tindakan”. Setahun selepas itu apa keputusannya. Di mana selepas keputusan, siapa yang salah? Kalau kita tidak bersedia untuk mengambil tindakan, tidak payahlah wakil rakyat buat laporan. Buat kerja lebih sahaja itu. Wakil rakyat sudah banyak kerja. Hari ini turun pukul 9.30 malam ini, pukul 10.30 balik.

Jadi, buat *report*, buat laporan, kerani pun tidak dibayar, pembantu pun tidak dibayar. Jadi, kalau sudah buat laporan, kita beritahu orang kampung, “Saya sudah buat laporan ke atas.” Tengok ini tiap-tiap bulan kena buat laporan. Pembangkang senanglah, membangkang sahaja tidak payah buat laporan. Kita yang buat, kita yang betul-betul bagi perkhidmatan, tetapi apakah reaksi, apakah tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan, pegawai-pegawai – pegawai senanglah, bukan hendak perlu dipilih. Kita lima tahun sekali kena dipilih.

Tuan Yang di-Pertua, apa sahaja keputusan kita hendak buat satu dasar, dasar itu mesti diback-up dengan tindakan yang khusus, dengan sumber kewangan yang mencukupi untuk kita mengambil tindakan. Kelas F ini berapa tahun saya sudah jadi wakil rakyat. Berpuluh tahun saya duduk di sini dengar cerita Kelas F ini sahaja. Sudah tidak dapat kerja, dapat kerja tidak dibayar. Itu pun banyak. Beri kontraktor-kontraktor yang besar dengan beratus juta kontrak, mana orang ini buat mentor-mentee program dia kepada Kelas F. Dia buat kekayaan sendiri sahaja, dia tidak kisah orang kecil ini, kalau hendak mati, matilah dia. Itu soalannya.

Jadi, orang yang Kelas F, saya kata, saya cadangkan di Dewan ini tubuhkan satu undang-undang. Saya kata undang-undang ini diwujudkan di Amerika apa dikatakan *Prompt Payment Act*. Wujudkan satu undang-undang di mana apabila Kelas F atau Kelas D, C ini tidak dibayar dengan masa yang tertentu dia berhak mengambil peguam dan ambil tindakan kepada kerajaan, semua kos dibayar kerajaan. Pegawai

yang menyeleweng, pegawai yang *negligent*, pegawai yang tidak buat kerja boleh diambil tindakan.

Begitu juga *main contractor* yang mendapat kontrak daripada kerajaan. Kalau dia lambat bayar subkontraktor, sekarang banyak. Kalau hendak benci di seluruh Malaysia ini bukan di Semenanjung, bukan di Sabah dan Sarawak sahaja, seluruh negara ini banyak kelas sekarang merasa mereka sendiri teraniaya oleh kerana *main contractor* tidak bayar, jabatan kerajaan merata tidak bayar, di mana duit pergi siapa tahu. Kita tidak boleh mempersoalkan, kita tidak ada hak.

Ada garis panduan kerajaan bagi. Saya tahu, saya telah diberi maklumat bahawa ada arahan tertentu mengatakan apabila projek siap dalam masa tiga puluh hari, pembayaran dibuat. Tanyalah betulkah tiga puluh hari ini dibayar. Tetapi kalau undang-undang ini diwujudkan, *Prompt Payment Act* ini diwujudkan, kita boleh ambil tindakan. Kosnya semua kepada kerajaan, kosnya kepada pegawai yang *negligent* supaya pegawai-pegawai ini tidaklah perlu berunding di kedai kopi, tidak perlulah makan mee, tidak perlulah minum kopi O. Tak payah, *there is no such thing as lobbying to get payment*, dengan izin.

Kalau orang sudah perlu dibayar itu, dia mesti dibayar. Jadi, kita melihat orang yang sudah kecil macam Yang Berhormat sebut tadi, dia pun pinjam duit daripada bank juga, bank ini pun hendak tuntut pembayaran. Kalau tidak bayar di bank ini, dia pinjamlah daripada "Along". Kalau "Along" ini tidak dibayar, nanti "Along" datang bawa parang, bawa senjata, jadi siapa yang patut disalahkan? Yang "Along"kah, yang kerajaankah, yang kontraktor inikah yang salah? Tidak jauh bezanya siapa yang menyebabkan pembayaran tidak dibuat, kesalahannya hampir sama. Kasihanlah sedikit!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulung.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya berharap pihak kerajaan kalau ada cadangan yang saya sebut ini, kalau dapat daripada Kementerian Kewangan minta tolong tulis nama *Prompt Payment Act* ataupun Undang-undang Pembayaran Cepat ini. Tuliskan atas surat atau kertas, saya hendak jawapan bertulis mengatakan kita akan *study* dan fikir macam mana hendak mewujudkan undang-undang sebegini agar tindakan yang sepatutnya menyelamatkan *all these Class F contractors* yang sepatutnya mendapat sokongan dan bantuan daripada kita ini,

sebenarnya mendapat bantuan dan duit yang diturunkan oleh kerajaan itu tidak terkandas di pertengahan jalan, dan diturunkan kepada mereka yang berhak.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Ledang.

#### **4.21 ptg.**

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan pada sesi ini untuk bercakap tentang cadangan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang pengeluaran CF.

Apabila Perdana Menteri mencadangkan supaya CF dipertanggungjawabkan kepada perunding sama ada arkitek ataupun konsultan jurutera, ramai yang melenting dan ramai yang tidak setuju, macamlah dunia ini hendak roboh, hendak kiamat. Dalam surat khabar satu hal, wakil rakyat satu hal, tetapi pada saya, kita harus lihat dari sudut yang positif.

Saya hendak mengambil satu contoh tentang kepercayaan orang terhadap jurutera perunding ataupun konsultan. Sebuah projek yang telah berjaya kita bina iaitu projek *Twin Towers*, dengan izin, Menara Berkembar yang tertinggi di dunia di mana, Tuan Yang di-Pertua, *main consultant* ialah orang tempatan iaitu Ranhill Bersekutu, dengan izin.

Saya ingin bertanya kepada rakan-rakan sekalian, walaupun projek itu dibina begitu rupa dengan jurutera perundingnya orang tempatan, pada masa yang sama CF dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Adakah jurutera-jurutera Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai kepakaran yang lebih baik daripada jurutera perunding menara tersebut? Jawabnya saya yakin 100%, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak mempunyai kepakaran sebagaimana jurutera perunding yang mengawasi projek menara tersebut.

Tetapi kita lihat sekarang bangunan tersebut berdiri dengan kukuh, dengan gagah, teknologi dibawa ke dalam negara kita, menghasilkan suatu reka cipta yang unik di dalam sebuah dunia masa kini, ramai yang cemburu, tetapi CF dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, maknanya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur lebih kepada memastikan sesuatu yang *fit* ataupun *building fitness* itu dipatuhi, dengan izin.

Konsultan ataupun jurutera perunding termasuk arkitek pada masa yang sama juga memainkan peranan supaya *fitness* tadi, dengan izin, dipatuhi.

Pada pandangan saya ini adalah satu bidang tugas yang sama, yang tidak ada bezanya, tetapi dari segi kepakaran, tetap jurutera perunding tersebut termasuk arkitek mempunyai kepakaran lebih baik daripada jurutera Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga kalau kita bandingkan dengan projek-projek yang lain di mana peranan konsultan sangat besar. Banyak projek di dalam negara kita yang telah pun diawasi dan diselenggarakan oleh jurutera-jurutera perunding ataupun arkitek-arkitek di mana JKR dan lain-lain jabatan sekadar mengawasi dan memastikan bahawa konsultan buat kerja.

Oleh yang demikian, apabila cadangan pengeluaran CF ataupun pengeluaran Sijil Layak Menduduki diserahkan kepada konsultan, saya tidak nampak ada sesuatu yang harus kita curiga. Memanglah kemungkinan ada berlaku penyelewengan dan sebagainya, tetapi ingin saya tegaskan di sini, penyelewengan akan berlaku di mana-mana kalau tidak ada kesedaran atau keinsafan sama ada di peringkat konsultan, kontraktor, pegawai kerajaan dan lain-lain.

Kita jangan berhujah hanya dari sudut penyelewengan seolah-olah konsultan lebih teruk daripada orang lain, maka cadangan itu dicadangkan supaya konsultan diberikan tanggungjawab untuk mengeluarkan CF tidak baik. Kita harus lihat dari sudut yang positif. Matlamat Perdana Menteri yang saya lihat ialah untuk mempercepatkan proses kelulusan sesuatu bangunan termasuk bangunan kilang dan sebagainya dalam usaha untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara.

Sekiranya pertumbuhan ekonomi negara dapat dipercepatkan, sekarang alhamdulillah kita telah pun mencapai hampir 7%. Saya pasti limpahan nikmat itu datang kepada rakyat jelata, rakyat jelata akan menerima faedah. Projek-projek yang diperlukan di Malaysia Timur dapat disegerakan. Projek sekolah dapat dibina dengan segera, tidaklah timbul soal bangunan sekolah yang dibuat daripada buluh tadi. Ini matlamat kerajaan.

Tetapi jika kita sengaja manafikan sesuatu cadangan bagi tujuan untuk mempercepatkan sesuatu pertumbuhan ekonomi seperti CF tadi, bermakna pada masa yang sama kita juga manafikan pertumbuhan ekonomi yang juga untuk taraf hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, soal konsultan tadi, kita mempunyai suatu cadangan yang sangat konkrit. Kerajaan ada cadangan yang sangat konkrit. Konsultan dalam hal ini tidak bersalah, arkitek tidak bersalah. Cuma pada masa yang sama, kita terpaksa mengawasi konsultan.

Sekadar saya ingin menyebut di dalam Dewan yang mulia ini, ramai di kalangan jurutera-jurutera perunding dan ramai di kalangan arkitek tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya. Bayaran kepada konsultan, lambat satu hal. Lain jabatan, lain kadarnya, sedangkan setiap konsultan atau setiap badan kepada jurutera perunding misalnya, arkitek misalnya, BAM ada kadarnya sendiri, Lembaga Juruukur Malaysia ada kadarnya sendiri, tetapi kadar tersebut tidak dipatuhi ataupun tidak diikuti oleh jabatan-jabatan kerajaan.

Saya mengucapkan tahniah kepada JKR yang masih lagi konsisten dengan pembayaran. Tetapi jabatan-jabatan lain apabila berdepan dengan konsultan, mereka meminta supaya kadar bayaran konsultan diturunkan daripada 3% kepada 1%, daripada 1% turun kepada 0.5% daripada kos projek. Akhirnya, konsultan terima juga projek dengan harga yang murah, mereka gagal, mereka tidak mampu untuk menghasilkan suatu pengawasan projek yang baik. Akhirnya, projek-projek yang dilaksanakan tidak sampai kepada tahap yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, apatah lagi projek-projek swasta yang diawasi oleh konsultan, sememangnya konsultan terpaksa dilantik, tetapi pemaju-pemaju perumahan menafikan bayaran yang sewajarnya. Akhirnya, konsultan terpaksa merayu kepada pemaju untuk mendapatkan bayaran yang lebih baik, bayaran yang cepat, pemaju ugut konsultan jika tidak mahu *approve*, tidak ada bayaran, ini yang berlaku. Bukan soal CF tadi.

Kalau ada suatu kaedah atau pendekatan untuk memastikan bahawa konsultan ini menjalankan kerja dengan baik, saya yakin soal pelaksanaan projek untuk tahap yang berkualiti tinggi, soal untuk mempercepatkan CF dengan tanggungjawab yang diberikan kepada konsultan, tidak ada masalah.

Yang berlaku sekarang mereka tertekan. Sebab itu di Dewan yang mulia ini, saya mencadangkan supaya suatu pendekatan dibuat oleh mereka yang berkaitan, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan lain-lain, supaya membuat satu pemantauan untuk memastikan konsultan diberikan pembelaan yang sewajarnya. Dalam usaha kita untuk memberikan tanggungjawab yang lebih

kepada mereka, kerana mereka sebenarnya adalah badan-badan profesional yang layak diberikan tanggungjawab yang sebenar-benarnya.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga soal PMC, banyak projek sekolah yang katanya tergendala, banyak projek sekolah seperti makmal komputer yang roboh dan sebagainya kerana katanya PMC salah. Memang benar PMC salah. Matlamat kerajaan baik, matlamat kerajaan menyerahkan sesuatu pelaksanaan projek kepada PMC, pada saya tidak salah tetapi yang salah ialah pelaksanaannya. Kenapa satu PMC diberikan kerja yang terlalu banyak? PMC, ia tidak sama dengan JKR; PMC, dia tidak mempunyai jumlah kakitangan yang ramai sebagaimana JKR.

PMC berpusat di Kuala Lumpur, beribu pejabat ataupun berpejabat di Kuala Lumpur, tidak ada pejabat di Bentong, Pahang, tidak ada pejabat di Gua Musang, tidak ada pejabat di Mersing dan sebagainya, tetapi projek mereka di Bentong, di Mersing, di Gua Musang. Akhirnya projek tersebut tidak dapat diawasi dengan sempurna. Matlamat baik, lantik PMC untuk melaksanakan projek, tetapi oleh kerana pelaksanaannya tidak sempurna, seolah-olah matlamat juga tidak baik.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, selamat datang. Jadi, saya menyebut perkara ini kerana apabila kita berdepan dengan sesuatu masalah dalam hal pelaksanaan projek tadi, apabila kerajaan telah melantik PMC, kemudian gagal. Bukan PMCnya salah, bukan matlamat salah tetapi pelaksanaannya tidak tepat. Dari sudut pelaksanaan, boleh diubahsuai, boleh dikaji semula supaya matlamat yang baik itu tercapai. Begitu juga tadi soal CF, saya hendak bandingkan di antara CF dengan PMC tadi, antara konsultan dengan PMC supaya matlamat yang baik itu tercapai sekiranya sesuatu kaedah pelaksanaan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini, saya amat yakin jika PMC tadi diberikan kepercayaan untuk melaksanakan projek, jika konsultan dan lain-lain, arkitek dan sebagainya diberikan kepercayaan yang maksimum dengan pengawasan yang rapi, hasrat Perdana Menteri, hasrat kerajaan untuk mempercepatkan proses pengeluaran CF bagi bangunan-bangunan kerajaan, bagi bangunan-bangunan swasta, kilang-kilang, taman-taman perumahan dan lain-lain akan tercapai, akan berhasil dengan sebaiknya kerana matlamat akhir kerajaan ialah untuk mempercepatkan

proses pertumbuhan ekonomi untuk melimpahkan nikmat pertumbuhan ekonomi kepada orang ramai keseluruhannya, supaya projek-projek dapat dilaksanakan, supaya peruntukan-peruntukan wakil rakyat dapat diturunkan segera dan taraf hidup rakyat akan meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Cheras.

#### **4.34 ptg.**

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Daripada jumlah peruntukan pembangunan sebanyak RM4.1 bilion, saya mendapati sebanyak RM922 juta, iaitu hampir satu perenam peruntukan pembangunan pergi kepada projek pembinaan Jalan Persekutuan di banyak tempat dalam negara. Ia satu jumlah yang cukup besar dan saya tidak membantah peruntukan-peruntukan ini kerana ia mendarangkan faedah kepada rakyat terutama di kawasan luar bandar yang mana saya mendapati kebanyakan Jalan Persekutuan perlu diperbaiki dan dinaik taraf serta dibuatkan jalan baru dan pastilah ia sudah dirancang begitu lama dan hanya sekarang baru hendak dilaksanakan sahaja.

Jalan Persekutuan menjadi pilihan rakyat untuk bergerak kerana kos laluan di lebuh raya sangat tinggi, menerusi kutipan tol yang sungguh membebankan. Jalan Persekutuan juga telah banyak membantu rakyat dalam menjimatkan kos perjalanan dan pengangkutan, maka adalah penting projek membaiki, menaik taraf Jalan Persekutuan perlu disiapkan seberapa segera.

Pada hari ini sahaja, kita boleh menyaksikan projek membaiki dan menaik taraf jalan seperti Jalan Kuala Selangor ke Sabak Bernam dan Jalan Alor Gajah/Muar masih belum disiapkan, walaupun projek sudah lama berjalan dan setiap hari kenderaan bersesak menggunakan jalan yang sedang dalam pembaikan.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan jalan-jalan ini tidak wajar dilengahkan lagi kerana rakyat sudah lama menanti dan menjadi buah mulut rakyat kerana kelewattannya. Walaupun demikian, bukan semua projek jalan memberikan kebaikan, ada cadangan jalan yang dibangunkan yang disifatkan sebagai tidak perlu atau semata-mata bagi memberi peluang sesebuah syarikat kroni Barisan Nasional untuk mengaut keuntungan besar. Contoh paling menarik pada masa ini, adalah cadangan

projek pembinaan Lebuh Raya Kuala Lumpur-Putrajaya (*KL-Putrajaya Dedicated Highway*) yang bernilai RM1.4 bilion termasuk kos pengambilan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, satu hal Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Badawi patut mendapat pujian ialah kerana beliau mengambil tindakan menangguhkan projek tersebut pada bulan Mei ini, setelah mendapati sesuatu yang tidak betul berlaku dalam projek.

Untuk makluman Dewan, projek pembinaan lebuh raya ini menerusi dua fasa. Fasa pertama, melibatkan pembinaan lebuh raya *elevated* sejauh 13 kilometer dari bulatan Kampung Pandan ke Lebuh Raya KESAS yang akan menelan kos melebihi RM900 juta; dan fasa kedua, dari Lebuh Raya KESAS sampai ke Putrajaya sejauh 13 kilometer dengan kos projek sebanyak RM350 juta secara *average*.

Adalah juga dirancang bahawa sebaik sahaja projek Lebuh Raya KL-Putrajaya siap, satu lagi sambungan projek lebuh raya akan dibina lagi dari Putrajaya ke KLIA, yang akan menelan belanja beratus-ratus juta ringgit lagi. Projek ini diserahkan kepada Maju Holdings Sdn. Bhd. untuk menguruskannya.

Projek ini sungguh aneh kerana pada fasa pertama, kerajaan dipaksa membiayai kos projek sebanyak RM900 juta, walaupun telah diswastakan kepada Maju Holdings sebagai syarikat konsesi, tetapi pada fasa kedua, Maju Holdings menanggung sendiri kos pembinaan RM350 juta sahaja. Apakah logik ini?

Walaupun lebuh raya ini telah diswastakan kepada Maju Holdings tetapi mengapa kos pembinaan fasa pertama yang mewakili tiga perempat jumlah kos projek dipikul oleh kerajaan? Mengapa pula Maju Holdings dibenarkan mengutip tol di fasa pertama yang ditanggung atau dibayar oleh kerajaan? Tuan Yang di-Pertua, ini soal serius kerana pembayar cukai yang membayar untuk pembinaan jalan tetapi yang mengutip tol adalah Maju Holdings. Adakah *sensible*?

Tuan Yang di-Pertua, adakah *sensible* tol dikenakan bagi fasa dua kerana lebuh raya ini – jika kadar tol didapati munasabah kerana lebuh raya itu dibina dengan modal syarikat sendiri yang telah dikeluarkan, tetapi mengapa pula mengutip fasa pertama yang dibiayai oleh kerajaan? Apakah Maju Holdings mengutip tol bagi pihak kerajaan?

Apa yang saya fahami bahawa beberapa hari sebelum Tun Dr. Mahathir Mohamad bersara daripada jawatan Perdana Menteri Malaysia, beliau telah

meluluskan projek pembinaan Lebuh Raya Kuala Lumpur-Putrajaya kepada syarikat konsesi Maju Holdings.

Maju Holdings telah dipilih terus ikut selera bekas Perdana Menteri tanpa menjalani proses tawaran terbuka. Adakah apa-apa perjanjian yang telah ditandatangani oleh kerajaan bagi dua fasa projek pembinaan lebuh raya tersebut yang mewajibkan kerajaan membayar kos RM900 juta ini? Jika kerajaan sudah memberi *undertaking*, bagaimanakah kerajaan boleh bebas dari masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di bawah tidak tahu dan tidak sedar langsung tentang projek ini. Yang tahu ialah pihak atasan sahaja, mengapakah kerajaan harus membayar kebanyakan kos? Mengapakah kerajaan kena pikul beban hutang? Apakah sebenarnya yang terjadi? Ini semua dapat dihuraikan jika kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedia mendedahkannya, akan tetapi apa yang dibuat oleh kerajaan ialah sekadar memberhentikan projek tersebut. Adakah ia bermaksud projek itu dibatalkan terus atau ditangguhkan bagi masa yang panjang atau sementara sahaja? Apakah maksud bahawa bahagian tapak-tapak projek yang sudah dikerjakan, dibiarkan terbengkalai sahaja dan menjadi *eye sore* kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan tindakan Perdana Menteri memberhentikan projek tersebut dari diteruskan tetapi apakah maksud pemberhentian itu? Adakah bermaksud untuk menyemak semula perjanjian yang sudah dibuat oleh bekas Perdana Menteri yang mana kerajaan tidak wajar menanggung kos fasa pertama? Walau apa pun tindakan kerajaan, ia tidak wajar bertolak ansur jika projek ini sebenarnya akan membebankan kerajaan dengan hutang baru. Saya bersetuju dengan tindakan tegas kerajaan untuk tidak membenarkan perkara yang tidak betul berlaku ataupun adakah projek ini sememangnya benar-benar diperlukan pada saat ini sedangkan pada masa sekarang kita ada dua laluan dari Kuala Lumpur untuk ke Putrajaya dan KLIA; satu menerusi Lebuhraya Besraya dan yang kedua melalui Lebuhraya PLUS.

Tuan Yang di-Pertua, yang menakjubkan pula ialah mengapa kerajaan memilih kontraktor dari Australia bernama *Leighcon (Australia) Private Limited* untuk melakukan kerja pembinaan lebuh raya ini? Bukankah di Malaysia ada ramai kontraktor tempatan yang berkebolehan dan layak yang selama ini menerima pujian atas kerja mereka yang cemerlang dalam projek-projek pembinaan lebuh raya di luar negeri? Mengapa pula mengambil kontraktor asing sedangkan dalam negara kita

ramai kontraktor membina lebuh raya yang terbukti berkebolehan? Apabila lebuh raya siap untuk digunakan, maka kutipan tol akan berjalan, sekurang-kurangnya dua plaza tol akan beroperasi bagi satu hala, mungkinkah hanya kutipan tol 50 sen sahaja dibuat. Tidak mungkin kerana kos projek yang tinggi, sudah pasti caj tol melambung tinggi. Adakah pengguna-pengguna lebuh raya akan memanfaatkan? Yang paling beruntung dalam mengaut untung ialah syarikat konsesi sendiri, Maju Holdings Sendirian Berhad iaitu syarikat kroni UMNO. Saya ingin tahu apakah pampasan dan ganti rugi kepada Maju Holdings jika kerajaan membatalkan kontrak membina lebuh raya ini?

Sebagaimana saya nyatakan tadi, apakah sebabnya projek ini diberhentikan, adakah ia bermaksud kerajaan hendak mengkaji semula projek kontrak tersebut, dikaji dari segi apa? Apa pun yang kerajaan akan lakukan ialah jika kontrak asal perlu dibatalkan dan projek perlu diteruskan hingga selesai, kerajaan hendaklah pasti bahawa kajian semula hendaklah meliputi kos projek dan skop kerja. Ini dapat dilakukan dengan menerima kontraktor terbaik dan layak memenuhi tender terbuka dan bukan tertutup dan terpilih sahaja yang biasa ditawarkan sebagai janji pilihan raya. Apa yang berlaku sekarang ialah kos projek sengaja di*over-estimate* supaya syarikat konsesi mendapat keuntungan berganda; satu dari lebihan kos projek dan kedua dari kutipan tol?

Langkah Perdana Menteri memberhentikan beberapa kontrak projek yang telah diluluskan oleh bekas Perdana Menteri sewaktu beliau berkuasa adalah wajar dan sesuai seperti menangguhkan Projek Landasan Berkembar yang diberikan kepada Gamuda. Akan tetapi Dewan yang mulia ini perlu tahu apakah lagi projek-projek mega yang pernah diluluskan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad selepas beliau mengumumkan persaraannya pada 16 Oktober 2002 hingga saat beliau meninggalkan Sri Perdana. Dalam setahun itu tidak termasuk projek sebelumnya, apakah projek mega yang telah diluluskan dan mengapakah tidak dikaji semula sepenuhnya bagi memastikan kepentingan awam tidak diselewengkan. Saya berharap Perdana Menteri ada keberanian untuk memberitahu Dewan yang mulia ini terhadap apa yang saya katakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara yang hampir sama maksud iaitu sebagaimana Dewan yang mulia sedia maklum, kutipan tol Jalan Cheras telah tamat tetapi masalah kesesakan lalu lintas makin serius sepanjang Jalan Cheras hingga ke pusat bandar. Berikut itu kerajaan bercadang melaksanakan tiga projek

menaiktaraf Jalan Cheras-Jalan Loke Yew yang menelan kos RM220 juta. Setelah kutipan tol Jalan Cheras tamat, kini hanya satu projek sahaja yang dilaksanakan iaitu projek pembinaan persimpangan bertingkat di antara Taman Segar-Taman Taynton bernilai RM50.5 juta yang kini sedang berjalan setelah Kementerian Kewangan mengeluarkan *Letter of Award* kepada kontraktor tersebut manakala dua projek lagi telah ditangguhkan bagi tempoh yang tidak diberitahu.

Apa yang ingin saya tekankan di sini ialah dua projek menaik taraf jalan itu iaitu persimpangan bertingkat hadapan Plaza Phoenix Jalan Cheras dan pelebaran Jalan Loke Yew yang kini sudah ditangguhkan adalah merupakan projek yang sangat penting bagi meleraikan kesesakan lalu lintas Jalan Cheras menghala ke pusat bandar tetapi kita tidak tahu sebab-sebab penangguhan. Adakah kerana Kementerian Kewangan akan mengkaji semula kos projek dan skop kerja atau atas sebab yang sama seperti projek Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya.

Apa yang saya difahami, bahawa kontraktor asal projek ini ialah MTD Capital Berhad yang dimiliki oleh Datuk Nik Hussein, bekas Bendahari UMNO Kelantan. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan untuk mengkaji semula projek ini. Sebagai usaha menjimatkan wang rakyat dan untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa dalam proses pemilihan kontraktor dan saya bersetuju bahawa kos asal projek ini sungguh mahal dan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, harapan saya dan penduduk-penduduk ialah bahawa setelah dikaji semula dua projek ini, dapat diteruskan semula secepat mungkin kerana jika projek Taman Segar-Taman Taynton siap kelak, tetapi projek-projek di Plaza Phoenix dan pelebaran Jalan Loke Yew tertangguh, masalah kesesakan lalu lintas Jalan Cheras masih tidak dapat diselesaikan, sebaliknya ia akan berlarutan dan menyusahkan banyak pihak. Apa yang perlu ialah projek ini patut ditawarkan secara tender terbuka kerana setakat ini MTD Capital hanya baru diberikan surat hasrat sahaja dan bukan *Letter of Award* yang membolehkan kerajaan membuat pilihan baru lebih terbuka. Ini sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat, sila.

#### **4.48 ptg.**

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ada dua isu dalam perbahasan Akta Perbekalan (Tambahan) pada kali ini iaitu

isu penduduk di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang sering dalam keadaan kebimbangan dan tidak puas hati terhadap bekalan air.

Isu utama bekalan air di negeri Selangor ini ialah kualiti air sering dipersoalkan oleh penduduk; kedua, gangguan air kerana tekanan rendah dari bekalan air dan ketiga, air berhenti terus kerana loji dicemari.

Ketiga-tiga perkara ini sudah berulang beberapa tahun yang lampau. Sehingga kini kita ada satu langkah yang positif atau berkesan yang boleh mengatasi persoalan ini. Walaupun rakyat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan negeri Selangor ini sering meminta pihak yang berkuasa iaitu pihak PUAS Negeri Selangor untuk mengambil tindakan supaya kualiti air dapat dipulihkan agar rakyat dapat menikmati kualiti air yang sempurna.

Walau bagaimanapun, sehingga kini masih belum ada langkah positif yang diambil. Tetapi satu perkara yang dirisaukan lagi oleh rakyat ialah bila mana PUAS Sdn. Bhd. telah meminta tambahan tarif bagi bekalan air sehingga 45 peratus walaupun beberapa perkara masih belum diselesaikan lagi berkaitan dengan kualiti air, gangguan bekalan air dan juga bekalan air terputus kerana berlaku pencemaran di dalam loji pembersihan air di beberapa tempat. Kenyataan-kenyataan daripada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dengan PUAS Sdn. Bhd kerap bercanggah sehingga menimbulkan kekeliruan kepada rakyat yang tidak tahu mana satu kenyataan yang benar. Perkara ini telah dijadikan isu dan sentiasa dihangatkan di dalam *mass media*.

Tuan Yang di-Pertua, maka itu saya minta supaya satu langkah segera perlu juga diambil bagi mengatasi masalah yang sering dipersoalkan oleh rakyat. Kenyataan daripada kementerian mengatakan bahawa permohonan kenaikan tarif itu tidak akan dipertimbangkan pada masa ini kerana kualiti air masih belum berada pada tahap yang sempurna. Tetapi saya difahamkan di dalam surat khabar bahawa Puncak Niaga Sdn. Bhd akan meneruskan usaha untuk mengatasinya tetapi sehingga kini masih lagi dipersoalkan oleh rakyat.

Satu lagi masalah ialah penswastaan PUAS Negeri Selangor. Puncak Niaga Sdn. Bhd berkata, "Kita akan mendapatkan hak penswastaan untuk menjalankan pengurusan PUAS Negeri Selangor tidak lama lagi tetapi kenyataan daripada kementerian pula mengatakan, "Tidak, belum lagi kerana Majlis Air Kebangsaan masih belum ditubuhkan". Saya difahamkan bahawa Dewan yang mulia ini telah diberitahu

bahawa isu Majlis Air Kebangsaan telah disuarakan sejak beberapa lama tetapi sehingga kini masih belum ada satu keputusan, dan bilakah Majlis Air Kebangsaan ini dapat ditubuhkan untuk menguruskan segala permasalahan berkaitan dengan air di tanah air kita.

Walaupun perkara air adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri tetapi masalah ini berkaitan dengan kehidupan rakyat di mana rakyat sendiri dapat menyuarakan masalah tersebut tetapi tidak ada satu kenyataan yang tepat atau maklum balas yang tepat untuk mengatasi masalah ini sehingga ia kini menjadi isu dan menjadi bahan cakapan di mana-mana tempat. Maka kenyataan-kenyataan yang bercanggah ini perlu juga dihentikan. Kementerian atau pihak kerajaan perlu memberi maklum balas yang tepat tentang dasar penswastaan perkhidmatan bekalan air negeri Selangor dan Kuala Lumpur dan juga cara mana untuk mengatasi segala masalah yang telah timbul begitu lama dan masih belum dapat diselesaikan.

Perkara atau isu ini ada kaitan dengan kepentingan rakyat, perkara tertentu yang perlu disegerakan seperti mana peraturan yang ada dibincangkan di negara kita, usul yang dicadangkan. Usul ini apa kaitan dengan kepentingan rakyatkah? Perkara tertentu tak perlu disegerakan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak kerajaan akan memberi satu kenyataan tentang cara bagi menyelesaikan atau membanteraskan masalah ini dengan secepat mungkin. Masyarakat di negeri Selangor dan Kuala Lumpur tidak mahu lagi mendengar kenyataan-kenyataan yang bercanggah antara satu sama lain yang mana akan terus menimbulkan kekeliruan.

Kedua, isu mengenai kutipan tol di lebuh raya di mana hanya akan mengguna pakai sistem “*Touch ‘n Go*” dan tidak lagi sistem membayar automatik *Smart TAG* seperti mana telah diumumkan dan dikuatkuasakan pada 1 Julai yang lalu. Walaupun isu ini perkara biasa dan dapat diselesaikan oleh kerajaan, oleh pihak yang berkenaan tetapi masih menjadikannya sebagai isu, menjadikan masalah kepada para pengguna di lebuh raya.

Tuan Yang di-Pertua, pengguna lebuh raya ketika ini mengatakan bahawa mereka mendapati sukar, susah untuk membeli kad ini. Apakah sebab berlaku demikian? Saya difahamkan bahawa pihak kerajaan telah memberi masa kepada pihak pemilik sejak tiga bulan dulu supaya bersiap sedia secukupnya dengan bekalan kad untuk para pengguna tetapi apakah sebab syarikat tersebut tidak boleh berbuat

demikian? Harganya juga adalah begitu tinggi sehingga Yang Berhormat Menteri meminta ia diturunkan ke-RM150 tetapi pihak syarikat mengatakan ia tidak boleh berbuat demikian, harga mesti ditetapkan RM180. Apa hal yang berlaku di dalam negara kita ini? Pihak kerajaan telah meminta demi kepentingan para pengguna tetapi apa sebab pihak syarikat itu begitu degil tidak mahu berbuat demikian.

Itu sebab saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan, apakah sebab berlaku yang demikian, dan juga apakah sebab begitu susah untuk pihak syarikat berbuat demikian pada waktu ini? Dulu ada dua jenis “*Touch ‘n Go*” bagi memberi kemudahan membuat pembayaran kepada para pengguna tetapi kini tinggal satu sahaja tetapi masih juga begitu susah. Sepatutnya dengan sistem baru ini kaedah membuat pembayaran akan menjadi lebih mudah lagi bagi para pengguna di lebuh raya ini. Segala sistem yang sebeginu untuk lebuh raya adalah untuk memberi orang ramai memandu dengan selamat, selesa dan cepat tetapi Tuan Yang di-Pertua apa yang dibuat ini menjadikan masalah, menyusahkan kepada para pengguna. Jadi isu ini dipolitikkan, digunakan oleh pihak yang tertentu untuk mencaci atau mengkritik kerajaan yang sistemnya tidak sempurna untuk rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, maka itu saya minta walaupun perkara ini kecil tetapi ia ada kaitan dengan kepentingan orang ramai, kepentingan para pengguna untuk membayar tol di plaza di lebuh-lebuh raya di negara kita. Isu bayaran tol adalah juga isu politik, isu sosial yang telah ditimbulkan di beberapa tempat oleh pihak yang tertentu. Bantahan-bantahan berlaku terhadap bayaran tol, mengetengahkan isu yang telah berlaku, maka pihak kerajaan, pihak konsesi perlu juga mengambil tindakan untuk memudahkan lagi supaya tidak akan dijadikan satu isu pokok kepada pihak yang tertentu untuk menggunakannya. Saya tidak tahu apa sebab berbuat demikian.

Saya hanya ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan berkaitan dengan masalah-masalah yang timbul di mana saya sebagai wakil rakyat juga berhak menerima sungutan yang demikian itu. Perlu juga saya mewakili mereka untuk menyuarakan pendapat dan juga fikiran mereka supaya Dewan yang mulia ini dapat memahami apa yang berlaku di luar Dewan ini. Dan kita juga berharap pihak syarikat yang tertentu supaya memahami dan juga memberi tanggungjawab sosial untuk memberi satu kemudahan yang lebih sempurna kepada rakyat. Terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Kalabakan.

**4.58 ptg.**

**Dato' Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, Sabah merdeka melalui Malaysia pada tahun 1963, jadi begitu lama kita sudah menikmati keamanan dalam negara yang kita anggap aman.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi apa yang mendukacitakan ialah ada perkara-perkara yang kita buat di Semenanjung tidak sampai ke Sabah. Misalnya akta-akta yang diperkenalkan dalam Dewan ini, misalannya Akta Makhluk Perosak, Akta Fi Taman-taman dan lain-lain, tidak sampai. Saya sudah bangkitkan perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini. Jadi saya minta pihak Kerajaan Persekutuan dapat mengambil tindakan kerana apa yang saya khawatir ada perkara-perkara yang kita harus kuat kuasakan tidak dapat dikuatkuasakan di Sabah.

Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, satu hari nanti kita nampak bahawa rakyat Sabah akan menjual pakaian, seluar, baju kerana mereka ini masuk ke tempat-tempat perjudian di mana tempat-tempat perjudian ini tumbuh di merata-rata negeri Sabah.

Lesen untuk perjudian ini dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan. Mungkin lesen premis dikeluarkan oleh kerajaan negeri tetapi kalau tidak ada lesen dikeluarkan macam mana operator-operator, tempat-tempat perjudian seperti *Jackport* dan lain-lain tumbuh begitu meluas di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, *jackpot* yang ada di Sabah di merata-rata tempat, di mana bandar kecil pun ada *jackpot*. Bangunan-bangunan yang dibina khas untuk *jackpot* dan tempat-tempat perjudian yang lain. Saya tidak ada halangan kalau sekiranya Kerajaan Persekutuan memberikan lesen ini kepada kelab-kelab yang sudah ada tapi bukan khas untuk perjudian sahaja. Penguatkuasaan tidak dapat dikawal. Kalau kita katakan tempat-tempat perjudian ini bukan untuk orang Islam tetapi di Sabah, orang Islam pun boleh masuk dengan tidak ada tegahan. Pernah kita dapati bahawa Majlis Agama Islam Sabah tidak ada keupayaan untuk mengawal ini semua. Jadi saya minta supaya Kerajaan Persekutuan apa juga akta-akta yang dibuat dalam Dewan Rakyat ini mesti disalurkan ke seluruh negeri dan negara termasuk di Sabah dan Sarawak kerana kita tidak mahu apabila kita ada akta, kita minta bantuan Kerajaan Persekutuan untuk menguatkuasakan akta, mereka kata kita tidak boleh kerana Sabah dan Sarawak berlainan.

Jadi saya minta tidak ada lagi perkataan berlainan kerana kita ini merdeka satu negara, satu bumbung. Kita tidak ada Perdana Menteri sendiri di Sabah dan Sarawak, kita tidak ada menteri yang begitu banyak di Sabah dan Sarawak, jadi kita mintalah Kerajaan Persekutuan melalui Dewan yang mulia ini, semua akta, semua peraturan jika ada, dikuatkuasakan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, di perairan Sabah di mana kita nampak perairan yang begitu luas terbuka kepada negara Indonesia dan Filipina. Kita nampak pukat-pukat tunda di Sabah dia tidak hirau lagi, dia bukan memukat, dia bukan mencari ikan-ikan di lautan dalam. Mereka masuk hingga ke sungai-sungai, jadi nelayan-nelayan yang kecil yang ingin mencari nafkah mereka tidak ada dapat hasil kerana pukat-pukat tunda ini. Kalau kita minta kerajaan untuk bertindak, ini kuasa negeri Sabah. Negeri Sabah kecil, tidak ada kemudahan, tidak ada kelengkapan, tidak ada anggota, macam mana hendak menguatkuasakan rang undang-undang yang ada?

Jadi kita mintalah kalau boleh semua rang undang-undang Yang ada yang kita luluskan di dalam Dewan yang mulia ini kita sampaikan ke Sabah dan Sarawak. Ini baru bererti kita ini satu negara, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan saya dari Sabah telah membangkitkan mengenai dengan kedaifan sekolah-sekolah di mana ada yang mengatakan sekolah di luar bandar, ada dibina daripada *bamboo* - buluh di panggil di Semenanjung. Jadi kita fikir masalah ini tidak akan selesai kalau sekiranya kita tidak ambil tindakan yang bersesuaian. Kita muahu bantu.

Kalau ahli daripada Beluran kata anak-anak sekolah berjalan 8 batu, saya sudah bangkitkan dalam Dewan ini dalam satu keluarga ada lima anak, satu sahaja yang pergi sekolah, mereka tidak mampu untuk pergi sekolah kerana tambang kenderaan dan pembayaran kepada PIBG, pembayaran macam-macam *fees* kepada sekolah. Mereka tidak sanggup untuk menghantar semua anak mereka ke sekolah. Kalau pendapatan kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, maka nelayan, petani yang lima orang anak, dia hanya hantar satu anak sahaja ke sekolah. Yang lain muahu jadi apa Tuan Yang di-Pertua? Yang lainnya dia besar dia ikut jejak bapa dia, tidak ada pelajaran. Apabila tidak ada pelajaran, tentu banyak kemiskinan. Jadi hasrat kita untuk menghapus kemiskinan, tidak dapat kerana setiap tahun kita nampak pertambahan budak-budak di luar bandar di Sabah tidak ada sekolah. Apabila tidak bersekolah, jejak ibu bapa mereka, mereka ikut, maka mereka ini menjadi miskin juga

apabila mereka sudah dewasa, membangun dan kemudian rancangan kita untuk menghapus kemiskinan tidak ada dan tidak dapat.

Jadi saya berharap apa juga yang kita programkan, kita mahu kalau bolehlah Tuan Yang di-Pertua, lebih sedikit untuk Sabah dan Sarawak. Lebih sedikit kerana di Sabah dan di luar-luar bandar ini kemudahan sekolah tidak ada. Di kawasan saya, sekolah menengah asrama tidak ada. Anak-anak yang mahu bersekolah menengah asrama, mereka mesti datang ke bandar. Itu pun kalau asrama cukup untuk mereka, kalau asrama boleh menampung keadaan untuk mereka masuk ke asrama. Ini tidak, kadang-kadang asrama tidak cukup dan mereka tidak datang ke sekolah. Jadi saya minta melalui Dewan yang mulia ini supaya kerajaan prihatin. Kalau ada peruntukan mungkin saudara-saudara di Semenanjung ini tidak juga mungkin mahu marah kalau Sabah dan Sarawak ini diberi peruntukan yang lebih untuk sekolah, untuk kemudahan dan lain-lain di luar bandar.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu memanjangkan ucapan kerana teman-teman saya diberi 10 minit sahaja, teman-teman lain pun hendak menyuarakan serba-sedikit kemosykilan di kawasan-kawasan, maka saya dengan ini menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila Yang Berhormat Pensiangan.

#### **5.07 ptg.**

**Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada kawan-kawan Yang Berhormat yang akan mendengar hujah-hujah saya. Saya ingin juga melibatkan diri dalam perbincangan kita pada petang ini mengenai dengan Kertas Perintah 15 A 2004 dan Kertas Perintah 16 A 2003.

Malaysia bergerak maju dalam semua bidang dan hasil daripada pendekatan yang tersusun rapi oleh para cendekiawan politik dan yang profesional dan rakyat keseluruhannya. Di persada antarabangsa nama Malaysia memang harum dan di peringkat kebangsaan, kerajaan memerintah Barisan Nasional sekarang ini terus berusaha untuk memajukan negara kita Malaysia ke peringkat yang lebih maju. Kawan-kawan Yang Berhormat yang lain telah banyak memperkatakan dan membangkitkan isu-isu mengenai dengan air, elektrik dan sebagainya dan petang ini

saya akan memperkatakan mengenai dengan penyiaran RTM yang saya rasa sama pentingnya dalam arus pembangunan negara.

Umat manusia kini berada dalam era *knowledge explosion* dengan izin. Ledakan pelbagai maklumat dan informasi melalui laluan atau excess dan pengawalan maklumat akan menentukan kecemerlangan atau kegagalannya satu-satu negara. *Quantum leap* dengan izin atau batu loncatan paksi berganda dalam inovasi teknologi kita tidak mempunyai pilihan tetapi menerima menggunakan dan mengeksplotasi mekanisme di mana ia menjana revolusi informasi satu ketika dahulu. Kita boleh membuat andaian transisi dan pertanian ke *manufacturer* dengan izin, boleh dianggapkan bahawa negara akan berada di negara maju tapi andaian itu tidak boleh diguna pakai kerana negara maju telah pun memasuki *post industry* dan seandainya kita tidak mengikut perkembangan kita, bukan sahaja mengambil risiko akan ketinggalan dalam serba-serbi pembangunan malahan ketika mengejar tamadun industri-industri. Justeru itu kita tidak perlu melengkapkan diri menghadapi cabaran yang bakal dibawa oleh arus fenomena globalisasi. Globalisasi atau ‘gobolasasi’ digobalkan ataupun kalau kita belum meletakkan lebih tumpuan kepada globalisasi maksud saya itu lebih kepada kawasan kita.

Yang Berhormat sekalian, dan Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini saya boleh memperkatakan peranan RTM khususnya di jabatan penyiaran, yang mana tempat-tempat di pedalaman umpamanya di Sabah dan sebilangan besar juga di Sarawak, di mana sebilangan besar masyarakat masih lagi saya rasa termimpi-mimpi untuk melihat gambar-gambar dan audio-audio daripada RTM. Saya rasa sehingga 40 lebih tahun sekarang ini kebanyakan rakyat di bahagian pedalaman tidak menerima sebarang maklumat ataupun informasi macam mana kita hendak bangunkan minda rakyat khususnya di luar bandar, dan macam mana kita hendak menghantarkan maklumat-maklumat ini pada rakyat di luar bandar, sekiranya kita tidak mempunyai satu wadah atau satu mekanisme untuk mereka melihat dan mengikuti arus perkembangan Malaysia dan sebagainya.

Oleh yang demikian saya di tempat yang mulia ini mengesyorkan kepada kerajaan untuk melihat khususnya di peringkat Kementerian Penerangan, melihat supaya memasang *transmitters* ataupun *repeaters* di bahagian pedalaman supaya rakyat kita ini dapat mendengar dan melihat apa yang terjadi di bahagian bandar-

bandar dan sebagainya khusus di kawasan-kawasan yang kita anggap sudah maju dan sebagainya.

Yang Berhormat sekalian kita lihat sekarang ini bukan sahaja *transmitter* juga *repeater* dan sebagainya. Pada pagi ini kita juga telah melihat di dalam surat khabar mengatakan TV1 dan TV2 akan membuat rombakan secara besar-besaran. Memang tepat, tetapi menteri demi menteri semua yang diidam-idamkan diibaratkan sebagai igauan mimpi. Tetapi cengkaman realiti yang sebenarnya adalah kita hanya berura-ura sahaja. Tetapi ia tidak menumpukan dengan sepenuhnya. Bak kata pepatah Melayu iaitu, "Indah khabar dari rupa".

Jadi Yang Berhormat sekalian, Tuan Yang di-Pertua, saya minta kalau adalah cadangan TV1 dan TV2 untuk mempertingkatkan daripada segi persembahan dan sebagainya dia harus melihat daripada segi *human resourceny*a. Pekerja-pekerja yang pakar, kreatif dan sebagainya yang menerajui RTM ini harus memikirkan tentang apakah *contents* yang kreatif, yang boleh dimasukkan dalam TV iaitu TV1 dan TV2 ini supaya mereka ini bukan sahaja berdaya maju, tetapi berdaya saing disebabkan kompetitifnya umpamanya TV3, NTV7 dan sebagainya ini adalah komersial-komersial stesen, yang saya rasa amat kental daripada segi persembahan-persembahan mereka dan RTM ini hari demi hari dan bulan demi bulan, tahun demi tahun terundur, tersisih jauh ke belakang. Disebabkan apa? Bukan disebabkan tidak mempunyai peruntukan. Peruntukan tiap-tiap tahun kita bagi. Dalam perbelanjaan ini pun kita minta supaya mereka diberi duit, diberi wang untuk membuat pembangunan dan sebagainya. Pembangunan-pembangunan yang dibuat mengharapkan supaya semua yang dibuat ini adalah untuk kegunaan jabatan ataupun kementerian.

Oleh yang demikian, kita mengharapkan supaya Kementerian Penerangan ini mendekatkan sesuatu yang baru, yang secara holistik di mana pegawai-pegawai dari peringkat bawah hingga ke peringkat atas dan hingga ke peringkat kementerian supaya sama-sama menangani isu tersebut. Saya kurang percaya bahawa orang-orang di RTM ini kurang berdaya kreatif, malahan mereka ini adalah keluaran graduan-graduan daripada universiti-universiti yang saya rasa, yang terbaik di negara kita dan ada juga daripada luar negara. Tetapi saya rasa daripada cara pemikiran mereka kemungkinan besar telah dikongkong dengan macam-macam dasar dan polisi yang membuntukan daripada segi persembahan kreativiti mereka.

Oleh yang demikian, kita harapkan bahagian pengurusan RTM ataupun Kementerian Penerangan ini untuk memberi satu ruang kepada pegawai-pegawai mereka, untuk lebih berdaya maju dan berdaya saing dan berdaya kreatif untuk mempersempahkan rancangan-rancangan yang lebih berwibawa, lebih matang dan boleh diterima pakai oleh semua rakyat dan sebagainya.

**Ir Dr. Wee Ka Siong:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Bernard S. Maraat @ Ben:** Okay, okay. Terima kasih, silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Ir Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Ir Dr. Wee Ka Siong:** Yang Berhormat Pensiangan ini saya hendak bertanya sedikit. Saya tertarik dengan apa yang telah diutarakan tadi mengenai RTM dan sedarkan Yang Berhormat bahawa seorang graduan daripada Universiti Malaya sudah bekerja sepuluh tahun sebagai juruhebah gajinya sekarang tetap RM1,800 sedangkan orang yang kelulusan SPM bekerja sebagai kontrak, kerja yang sama dan ganjaran yang diterima itu adalah lebih daripada RM3,000. Adakah ini faktor yang membantut perkembangan RTM ini, yang kita nampak orang itu lebih layak tetapi diberi gaji yang lebih rendah. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

**Tuan Bernard S. Maraat @ Ben:** Memang ada kebenarannya Yang Berhormat daripada Ayer Hitam, Ir. Dr. Wee. Sebenarnya ini yang cengkaman realitinya. Cengkaman realitinya memang sedemikian rupa bahawa orang-orang yang graduan ini yang mempunyai ijazah dan sebagainya dan dibandingkan dengan orang-orang yang tidak mempunyai ijazah dan sebagainya jauh dia punya perbezaan. Oleh yang demikian seperti yang saya katakan tadi Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, bahawa saya kata tadi supaya lihat daripada segi dasar dan polisi kementerian ini. Jangan kita beza-bezakan. Kalau kita beza-bezakan seumpama ini biarlah perbezaan itu lebih matang dan lebih realitilah. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun ini. Ya, ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat.

[*Ketawa*] Pensiangan bukan cengkaman - Pensiangan. Saya tadi tertarik. Kita hendakkan Malaysia ini sebuah negara yang muhibah. Tapi kita tengok berita Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, kita tengok orang-orang keturunan Cina dia baca berita dan bercakap dalam bahasa Malaysia. Apa salahnya kita juga ambil orang Melayu membaca berita dalam bahasa Tamil atau bahasa Cina. Ini menunjukkan bahawa kita..... saya boleh baca bahasa Cina dalam televisyen Tuan Yang di-Pertua, tapi berita dalam bahasa Hokkien. [*Bercakap dalam bahasa Hokkien*] Jadi ini akan menunjukkan – Timbalan Menteri pun ada di sini. Kita tengok Harjit Singh dia boleh bercakap bahasa Melayu dengan fasih, bahasa Inggeris dengan baik, Karam Singh Walia dengan, “Di mana langit dijunjung di situ bumi dipijak” - Karam Singh Walia - TV3.

**Beberapa Ahli:** [*Ketawa*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini menunjukkan bahawa mereka begitu fasih. Jadi saya ingin melihat satu hari di berita Tamil namanya mungkin Badruddin bin Amiruldin bermula dengan “Vanekem” ataupun sat lagi kita tengok nama siapa-siapa pula akan membaca berita dalam bahasa Mandarin. Jadi ini akan mencengkamkan lagi.....

**Beberapa Ahli:** [*Ketawa*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** .....persaudaraan dan persahabatan kita di sebuah negara yang namanya Malaysia. Macam mana Pensiangan?

**Tuan Bernard S. Maraat @ Ben:** Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Sebenarnya kalau kita mempunyai *Multi Lingual Skill* dengan izin, amat bertepatan kalau saya berbangsa Murut bercakap dalam bahasa Arab ataupun berbahasa Cina dan sebagainya, atau orang Cina berbahasa Arab dan sebagainya dan semualah bukan sahaja *bilingual* tetapi *multi lingual*, saya rasa itu di antara objektif dan matlamat RTM dalam suasana mengintegrasikan kebangsaan dan sebagainya.

Yang Berhormat sekalian dan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kita juga melihat warga kerja RTM ini kalau perlu untuk berdaya maju dan berdaya saing, mereka perlulah berani dalam menghadapi cabaran-cabaran dunia global sekarang ini.

Umpamanya RTM pada tahun 2002, Vietnam di mana RTM telah menyumbangkan dari segi kepakaran mereka untuk memberi nasihat dan juga bimbingan kepada Vietnam Televisyen yang mana di sini memang disebutkan. Saya percaya RTM bukan sahaja dapat berkembang di Vietnam sahaja tetapi saya rasa di negara-negara lain, saya pasti ini di antara satu macam mana kita hendak mempromosikan negara kita di peringkat ataupun di persada antarabangsa ini, yang kita bercakap mengenai dengan globalisasi dan di peringkat global.

Saya percaya sebagaimana yang dijawab baru-baru ini yang telah saya kemukakan soalan mengenai dengan sama ada RTM akan membuka satu lagi *channel* ataupun saluran berita mereka di peringkat antarabangsa dan jawapannya positif tetapi perlu untuk dilihat secara lebih mikro supaya kita tidak kelam kabut. Dari segi teknologinya kita mempunyai ....

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun di belakang ya.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pensiangan terima kasih. Jadi, hari ini kita bercakap tentang RTM, tentang penyiaran, bagaimana kita hendak menyusun semula RTM supaya lebih berdaya saing dan berdaya maju. Tetapi ada satu aspek rasa saya yang sangat penting apa sahaja yang di buat di peringkat pusat tidak akan sampai penerangannya kepada akar umbi jika akses terhadap penyiaran yang dibuat oleh televisyen dan radio tidak dapat didengari oleh penduduk-penduduk di merata tempat.

Sebagai contohnya saya percaya di dalam Parlimen Lipis beberapa tempat dan juga Parlimen Cameron Highlands termasuk juga Bentong, Gerik dan banyak lagi tempat, Maran, Air Hitam dan sebagainya

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk] [Ketawa]*

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** .... dan semualah saya rasa tetapi yang pentingnya saya tengok di tempat yang *central*, contohnya macam di Parlimen Lipis siaran TV1 dan TV2 pun tidak dapat.

**Beberapa Ahli:** Adoi. Channel nine?

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** Channel sembilan, kalau melihat ke dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini dinyatakan bahawa 96% kawasan di Semenanjung telah diliputi oleh siaran TV1 dan TV2 tetapi agaknya di Parlimen Lipis ini mungkin tempat yang malanglah, tidak termasuk dalam 4% yang tidak dapat siaran.

**Seorang Ahli:** Kasihan, takziah, takziah.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** .. bahkan rumah saya sendiri pun tidak dapat siaran TV terpaksa membeli ASTRO. Jadi, bersetuju tidak dengan saya di samping kita mengorporatkan RTM ini pemancar-pemancar akses kepada penduduk-penduduk terutamanya di luar bandar yang tidak mampu membeli ASTRO atau *pay TV* ini dipertingkatkan supaya maklumat dapat dikongsi bersama oleh semua rakyat Malaysia. [Tepuk] Terima kasih.

**Tuan Bernard S. Maraat @ Ben:** Sebagaimana yang saya telah katakan Yang Berhormat bagi Lipis bahawa itulah idaman kita, sedangkan Pensiangan, Nabawan, Sook dan sebagainya ini tempat-tempat terpencil di negeri Sabah yang tidak dapat menerima siaran TV, radio dan sebagainya . Ini saya rasa bukan sahaja di bahagian pedalaman tetapi di bahagian bandar-bandar ini di mana mereka kata kawasan terlindung ini terdapat di beberapa tempat di negara kita ini di Semenanjung juga perlu diperkembangkan lagi.

Selain daripada untuk memasang transmitter-transmitter dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta gulung Yang Berhormat.

**Tuan Bernard S. Maraat @ Ben:** Ya Tuan Yang di-Pertua, saya gulung. Saya rasa perlu juga kita untuk mengganti semua transmitter-transmitter yang telah usang, yang telah menjangkaui usia lebih kurang 50 tahun *that's the reason why*, dengan izin kita tidak dapat menerima gambar-gambar yang cantik dan jelas dan sebagainya. Jadi, Yang Berhormat yang berada di Dewan yang mulia ini dan Tuan Yang di-Pertua, untuk saya menggulung, hari ini saya fokus kepada RTM supaya fokus ini dapat kita menerima jawapan daripada Kementerian Penerangan, kalau mereka mempunyai visi dan misi yang untuk memajukan lagi, supaya mereka mendapat pulangan yang lebih berganda dan sebagainya.

Saya rasa dasar dan polisi Kementerian Penerangan khususnya Jabatan Penyiaran itu perlu dikaji secara lebih terperinci. Oleh yang demikian, saya mengharapkan di Dewan yang mulia ini, Kementerian Penerangan harus memikirkan tentang soal masa depan. Kita buat dahululah jangan sudah sampai ke peringkat antarabangsa selepas itu baru kita mengkaji oh! ini kita sudah salah, ini tidak betul, ini tidak kena dan sebagainya, mestilah dikaji dengan sebaik-baik mungkin. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

**5.26 ptg.**

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita menghadapi masalah jenayah. Kita diberitahu oleh pihak kementerian bahawa kita menghadapi kekurangan anggota polis dan pada masa yang sama kita juga menghadapi masalah terlalu ramai pendatang atau pekerja asing yang tanpa permit di dalam negara kita dan juga terlalu ramai penagih dadah [*sebutan ‘dadah’ berbunyi seakan ‘darah’*] penagih dadah, *drug abuse* di dalam negara kita.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Hendak darah puntianak itu.

**Puan Chong Eng:** Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya ingin tahu mengapa kita menghadapi masalah kekurangan anggota polis. Adakah kerajaan kita tidak mempunyai atau tidak cukup dana untuk mengupah lebih ramai polis, tetapi ini dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam bahawa kami masih ada mempunyai duit banyak. Jadi, ini bukan masalah wang. Jadi, apakah masalahnya, adakah kerana kita mempunyai pihak kerajaan ataupun pihak kementerian tidak mempunyai *forward planning*, tidak ada rancangan langsung. Tetapi kita ada rancangan Malaysia pada setiap lima tahun. Jadi, saya rasa ganjil, kita ada rancangan, kita juga ada duit mengapa kita tidak dapat memenuhi kekosongan di dalam pasukan polis.

Mengapa kempen anti dadah ini pun telah lama dijalankan, mengapa semakin lama semakin ramai pula bukan berkurangnya penagih dadah tetapi semakin ramai. Ini menunjukkan kita telah gagal dalam kempen ini dan juga mengapa kita juga mempunyai undang-undang yang begitu ketat mengawal pendatang asing. Tetapi mengapa kita juga mempunyai 1.2 juta pendatang atau pekerja asing di dalam negara, apa sebabnya. Adakah kerana ini penguatkuasaan yang tidak berkesan dan Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja kita kekurangan anggota polis, kita juga kekurangan doktor di hospital kerajaan. Kita juga kekurangan jururawat dan juga pakar perubatan dan masalah ini telah wujud lebih kurang 20 tahun.

Semasa saya di dalam universiti pada tahun 80an, semasa saya mengambil satu mata pelajaran *public health* telah dikatakan sudah wujud masalah ini. Sampai ke hari ini masalah ini tidak berkurangan dan tidak diperbaiki, tetapi lebih serius lagi.

Jadi, saya rasa kerajaan ini adakah dia bukan kurang wang, dia pun bukan kurangnya undang-undang, dia pun menambah anggota Menteri Kabinet tetapi kerja tidak dapat dibereskan, mengapa?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng:** Nanti, nanti ya.

Selain daripada itu kita juga kekurangan pensyarah perubatan, kita juga kurang tempat di universiti, oleh sebab itu ada ramai pelajar, walau pun mereka mendapat keputusan yang cemerlang tetapi tidak dapat satu tempat di dalam universiti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sambung besok.

**Puan Chong Eng:** Sambung besok, okay. Terima kasih.

### **USUL**

#### **MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16 (3)**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:-

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3),  
mesyuarat ini ditangguhkan sekarang”.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Saya mohon menyokong.

### **UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN**

#### **OPERASI MEMBANTERAS KEGIATAN SAMUN-RAGUT**

**5.31 ptg.**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kejadian samun-ragut meningkat di seluruh negara, terutama di Bandaraya Kuala Lumpur sejak tahun-tahun kebelakangan ini kerana jalan raya dan lorong sekitar Kuala Lumpur yang sibuk dengan manusia tetapi amat sukar melihat anggota polis

mengawal dan meronda baik berkenderaan atau berjalan kaki. Ini kerana anggota yang bertugas di luar sangat kurang berbanding yang bertugas dalam pejabat.

Tuan Yang di-Pertua, pihak DBKL pun tidak melaksanakan langkah mencegah seperti membina halangan berjalan kaki dan CCTV lebih awal. Ini pun tidak dapat membantu sepenuhnya usaha pencegahan. Anggota polis dan penguat kuasa DBKL berpakaian preman hendaklah ditugaskan lebih ramai meronda kawasan sesak dan kawasan lengang sebagai tambahan kepada anggota berpakaian seragam seperti FRU, PGA dan anggota penguat kuasa DBKL bukan sahaja di pusat bandar tetapi di kawasan pinggir bandar dan kawasan perumahan juga perlu di ronda.

Tuan Yang di-Pertua, kempen kesedaran perlu ditekankan sebagai menjadikan masyarakat sentiasa awas dan waspada termasuk program latihan mempertahankan diri. Usaha juga perlu dibuat untuk menyelidiki punca sebenar peningkatan kes samun-ragut dan langkah mengatasinya. Kebiasaan para peragut dalam keadaan terdesak terpaksa melakukan jenayah. Mangsa ragut biasanya wanita dan gadis dan kepada lelaki biasanya peras ugut dan seluk saku. Tempat sasaran biasanya mangsa dalam keadaan alpa dan mudah diragut, tidak mengawasi kenderaan yang mengekori. Laluan biasanya sunyi dan gelap. Pastikan bila berjalan hendaklah berteman, jika perlu tidak payah membawa beg tangan dan memakai banyak barang kemas.

Meski pun ada usaha untuk meningkatkan hukuman seperti sebat tetapi ini belum menjamin kes tidak berlaku. Kategori peragut biasanya penagih dadah, penganggur yang malas bekerja dan dalam keadaan terdesak. Kajian sosial ke atas golongan peragut dan berpotensi menjadi peragut perlu dijalankan. Gerakkan masyarakat supaya turut sama berwaspada seperti bertindak cepat jika mangsa diserang. Kursus sivik hendaklah kerap diadakan untuk orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, kawalan ke atas pelancong asing hendaklah dipertingkatkan bagi mengelakkan kejadian ragut. Peranan badan NGO hendaklah dipertingkatkan seperti menghidupkan semula Rukun Tetangga dan persatuan penduduk yang sudah mati dan tidak bergerak aktif. Mereka hendaklah diberikan latihan kawalan dan rondaan serta seni mempertahankan diri supaya mereka berupaya melakukan *citizen arrest*, dengan izin, dengan cekap.

Tuan Yang di-Pertua, pihak polis hendaklah bertindak cepat bila menerima aduan, janganlah menunggu kes sudah berlaku baru mahu bertindak. Mewujudkan semula skim polis sukarela dan menggalakkan rakyat terutama golongan muda

menyertai ataupun menubuhkan satu pasukan petugas khas untuk melindungi dan bertugas menangkap penjenayah. Tumpuan mereka sekitar jalan yang sibuk dengan pejalan kaki, bank dan institusi kewangan, pasar pusat membeli-belah, mengarahkan rakyat menjadi mata dan telinga pihak berkuasa. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Chia Kwang Chye]:** terima kasih Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan kejadian ragut yang sering dilaporkan berlaku di bandar-bandar besar terutama di Kuala Lumpur, beberapa langkah segera telah dijalankan oleh polis iaitu seperti yang berikut:-

- (i) menubuhkan pasukan khas ragut bagi menjalankan Ops Python di Kuala Lumpur. Operasi ini telah dilaksanakan mulai 19 Jun, 2004 dan akan berterusan selama beberapa bulan akan datang. Seramai 20 orang pegawai dan 155 anggota polis akan terlibat dalam operasi ini yang akan melakukan rondaan pemantauan, pemeriksaan serta penangkapan;
- (ii) menugaskan anggota-anggota polis berpakaian preman di jalan-jalan yang dikenal pasti sebagai kerap berlakunya jenayah terutamanya jenayah ragut seperti di Jalan Ampang, Jalan Bukit Bintang, Jalan Chow Kit dan sebagainya supaya penjenayah ragut dapat diberkas dengan segera;
- (iii) mendakwa penjenayah-penjenayah kes ragut yang mengakibatkan kecederaan di bawah seksyen 392 atau 394 Kanun Keseksaan atas kesalahan merompak yang hukumannya lebih berat termasuk sebatan;
- (iv) menggunakan undang-undang pencegahan Ordinan Darurat 1969 di mana penjenayah ragut yang melakukan jenayah ragut yang mendatangkan kecederaan kepada mangsa boleh ditahan selama 60 hari oleh polis dan kemudiannya ditahan selama dua tahun oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam, Johor;

- (v) pihak kementerian telah meluluskan sistem pesanan ringkas atau SMS untuk menyemak saman trafik yang baru diperkenalkan oleh PDRM kepada orang ramai. Sistem ini juga boleh digunakan untuk melaporkan kejadian-kejadian jenayah seperti rugut kepada polis untuk diambil tindakan segera;
- (vi) kerajaan sedang menimbang untuk penambahan anggota polis seramai 23,749 orang. Melalui penambahan ini nisbah di antara anggota polis dan orang ramai terutama di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dapat di perkecilkan. Ini dapat membantu lebih banyak rondaan dibuat oleh anggota-anggota polis di jalan-jalan atau kawasan yang menjadi sasaran penjenayah. Jumlah rondaan NPV juga akan ditambah dengan penambahan sebanyak 500 buah kenderaan NPV pada tahun ini;
- (vii) penggunaan anggota-anggota berkuda. Jumlah kuda pada masa ini adalah sebanyak 57 ekor juga akan ditimbangkan untuk membuat rondaan di jalan-jalan yang sibuk di sekitar Kuala Lumpur;
- (viii) PDRM dan DBKL telah mengadakan kerjasama dalam usaha-usaha mencegah jenayah. DBKL telah memasang sebanyak 47 CCTV yang dipasang di atas bangunan tinggi dan juga di tiang-tiang jalan untuk pemantauan trafik dan juga jenayah. Sebanyak 6 unit CCTV jenis PTZ akan dipasang di Jalan Ampang, Jalan Binjai, Jalan Conlay, Jalan Changkat dan juga Jalan Bukit Bintang yang dikenal pasti sebagai kawasan yang sering berlaku kejadian jenayah. Pihak PDRM akan menempatkan anggota-anggota di Bilik Kawalan DBKL untuk memantau keadaan sekeliling melalui CCTV berkenaan;
- (ix) pihak polis akan dan telah memperbanyakkan hebahan dan kempen kesedaran kepada orang ramai mengenai kejadian-

kejadian jenayah melalui laporan-laporan dalam akhbar dan televisyen, melalui laporan media mengenai jenayah ragut yang akan dapat menyedarkan orang ramai mengenai betapa seriusnya masalah penjenayah dan mengambil langkah-langkah untuk menghindarkan diri dari menjadi mangsa penjenayah seperti ragut;

- (x) PDRM telah mengenal pasti bahawa jenayah ragut ini dilakukan oleh penjenayah yang menggunakan motosikal atau kereta curi. Penjenayah terdiri daripada penganggur, penagih dadah dan pendatang asing. Tindakan polis di dalam hal ini ialah mengadakan sekatan jalan raya bagi tujuan memeriksa penunggang dan pembonceng motosikal. Terdapat PBT seperti di Bandaraya Melaka yang memperkenalkan sistem kunci motosikal yang dikendalikan oleh kontraktor bagi mengunci motosikal di tempat khas bagi mengelak dari dicuri dan digunakan untuk melakukan jenayah;
- (xi) PDRM memang menggalakkan masyarakat dan NGO untuk turut bersama dalam usaha-usaha pencegahan jenayah umpamanya PDRM menjalinkan kerjasama yang rapat dengan persatuan penduduk seperti di Bangsar dan dengan mewujudkan Konsep Polis Masyarakat. Kerjasama melalui Yayasan Pencegahan Jenayah atau MCPF juga dipertingkatkan melalui penyertaan dan ceramah-ceramah serta Kempen Pencegahan Jenayah yang dianjurkan oleh MCPF;
- (xii) PDRM juga mempergiatkan lagi penglibatan Polis Sukarela ataupun PVR serta menempatkan Pegawai Perhubungan Polis di sekolah-sekolah menengah ke arah menjayakan usaha-usaha pencegahan ini.

Mengikut statistik PDRM jumlah kes ragut di Kuala Lumpur bagi tempoh Januari–Mei 2003 ialah 1,864 kes. Bagi tempoh yang sama tahun 2004 ini ialah sebanyak 1,455 kes. Ini bermakna terdapat pengurangan sebanyak 409 kes. Oleh yang demikian, ternyata langkah-langkah yang dilaksanakan setakat ini telah dapat mengurangkan kes-kes jenayah ragut khususnya di Kuala Lumpur.

**PEMBINAAN SEMULA KOMPLEKS PERHENTIAN BAS YANG TERBAKAR  
DI PANGKALAN SULTAN ABDUL HALIM, BUTTERWORTH**

**5.45 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Satu cadangan membina semula kompleks perhentian bas yang terbakar di Pangkalan Sultan Abdul Halim, Butterworth oleh pihak swasta telah dikemukakan kepada kerajaan untuk pertimbangan kira-kira dua tahun lalu. Malangnya cadangan pembinaan semula ini sehingga sekarang belum ada apa-apa keputusan muktamad oleh kerajaan.

Memandangkan terminal ini adalah mercu tanda bagi orang-orang luar yang baru datang ke Butterworth dan Pulau Pinang, kerajaan tidak merasa malukkah apabila ternampak bangunan yang runtuh ini masih ditinggal begitu sejak lima tahun dahulu. Di sebelah pulau dekat pangkalan feri sedang dibina *Yacht Club* bernilai berpuluhan-puluhan juta ringgit tetapi di sebelah sini bangkai kebakaran masih belum dibersihkan. Bilakah keputusan muktamad akan dibuat dan sila memberitahu keterangan lanjut mengenai cadangan projek ini?

Sekian, terima kasih.

**5.46 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya ingin memperbetulkan fakta kepada Yang Berhormat bahawa kebakaran Kompleks Pelabuhan telah berlaku pada 20 Mei 2001, tiga tahun yang lalu, bukan lima tahun yang lalu.

Mengenai projek pembinaan semula kompleks perhentian bas di Pangkalan Sultan Abdul Halim, Butterworth, untuk makluman Yang Berhormat bagi Bagan, cadangan pembinaan semula ini adalah melibatkan kawasan seluas empat ekar dan berbentuk *mix development*, dengan izin, merangkumi pembinaan satu bangunan enam tingkat yang akan menempatkan kembali terminal bas dan teksi, medan selera, kedai, ruang niaga, pasar raya dan kemudahan jualan tiket bas.

Selain daripada kemudahan asal yang dibina, kemudahan tambahan lain yang dicadangkan untuk disediakan adalah restoran makanan segera, gerai, ruang

pameran, panggung wayang, pusat *bowling*, snuker dan pusat permainan, pusat pendidikan dan ruang pejabat dan kemudahan meletak kereta juga disediakan.

Walau bagaimanapun, terdapat kelewatan dalam melaksanakan projek ini kerana kerajaan perlu meneliti secara terperinci beberapa aspek mengenai pembinaan semula projek tersebut termasuk tempoh pajakan, pulangan kepada kerajaan, bentuk pembinaan, syarat kepentingan tanah serta perundangan mengenai pembinaan *mix development*, dengan izin, yang dicadangkan oleh kawasan pelabuhan.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Bagan, terdapat masalah perundangan untuk melaksanakan projek ini kerana cadangan yang dikemukakan oleh pihak yang terbabit dalam projek pembinaan semula kompleks perhentian bas ini adalah secara *mix development* seperti yang saya jelaskan tadi. Mengikut Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955, *business*, dengan izin, boleh dijalankan dalam kawasan pelabuhan hanyalah mengenai aktiviti pelabuhan dan aktiviti berkaitan pelabuhan sahaja.

Oleh yang demikian, pemaju perlu mendapatkan kelulusan untuk menjalankan *mix development* tersebut. Beberapa aspek perundangan mengenai perkara ini perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum sebarang keputusan mengenai projek ini dapat dibuat. Selain daripada itu terdapat masalah pengambilan tanah dalam kawasan permohonan yang melibatkan pihak ketiga.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai langkah jangka pendek sementara menunggu keputusan mengenai cadangan pembangunan semula pihak swasta, Kementerian Pengangkutan telah mengarahkan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang untuk pertamanya membersihkan kawasan tersebut; dan kedua, menimbang membangunkan kawasan tersebut dalam bentuk yang sedia ada.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, tidak terdapat pembinaan *Yacht Club* sekarang di sebelah pulau berdekatan feri tersebut. *Yacht Club* yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat mungkin adalah pembinaan kompleks marina yang mana tujuan pembinaannya ialah untuk menggalakkan industri pelancongan di negeri Pulau Pinang terutama bagi pemilik kapal-kapal layar dan rekreasi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.49 petang.*